

Bil. 25

**Isnin
4 September 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah
(Gua Musang)

[Ruangan 1]

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

[Ruangan 1]

MENARIK BALIK USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 34 (1):

Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan-peraturan
Mesyuarat Dewan Rakyat (Kertas Dewan Bil. 2/1995)

[Ruangan 1]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan
Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995

[Ruangan 1]

Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan
(Pindaan) 1995

[Ruangan 25]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat

[Ruangan 53]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Majlis Perbandaran Pulau Pinang – Ketidakadilan
Pengagihan Pembangunan
– Y.B. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

[Ruangan 110]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO’ M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO’ HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO’ ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI AFDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- " TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- " TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, s.s.m. (Jasin).
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- " DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- " TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- " TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- " TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- " DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- " PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- " TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- " DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- " TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- " TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- " DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- " PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- " TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, s.s.m., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- " TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- " Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading).
- " DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- " TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- " TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- " TUAN HEW SEE TONG (Kampar).

- Yang Berhormat TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- " DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- " TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- " TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- " TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- " TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- " DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " Tuan Lim Si Cheng (Senai).
- " TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- " DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI (Bandau).
- " TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

- " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- " DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- " DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- " DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- " DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- " DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- " TUAN TAN KOK WAI (Cheras).

- Yang Berhormat DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- " DR. TAN YEW KEW (Kelang).
- " TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- " TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- " Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- " TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- " DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- " DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- " DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- " TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- " TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- " TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- " DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- " TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- " TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- " DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**


Setiausaha Dewan Rakyat	: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong, Setiausaha	: Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha	: Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan	: Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pelapor Perbahasan Parlimen	: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop Haji Suhor bin Husin.
	: Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Ismail bin Haji Hassan. Hajah Kalsom binti Ghazali. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	: Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
-------------------	--



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Isnin, 4hb September, 1995***Mesyuarat dimulakan pada
pukul 2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)***MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Y.B.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah (Gua Musang)

**MENGALU-ALUKAN
AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan Selamat Datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dipilih semula itu dapat memberi sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**MENARIK BALIK USUL DI
BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 34(1)—**

**Penyata Khas Jawatankuasa
Peraturan-Peraturan Mesyuarat
Dewan Rakyat
(Kertas Dewan Bil. 2/1995)**

**Menteri Pertahanan (Dato' Syed
Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan

Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan penarikan balik Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG
TABUNG ANGKATAN TENTERA
DAN TABUNG BEKAS
PERAJURIT (PINDAAN) 1995****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (*Hari Rabu, 30hb. Ogos, 1995*)

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat dari Tambun menyambung ucapan.

2.36 ptg.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah (Tambun): Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi di dalam isu Lembaga Tabung Angkatan Tentera di dalam perbahasan pindaan Akta Tabung Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973, sepertimana saya nyatakan bahawa saya mengaitkan perbincangan ini dengan seksyen 3A, antara lain, menggalakkan pembangunan sosio-ekonomi dan kebajikan pesara-pesara.

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai dengan bekas-bekas tentera yang sekarang ini kebanyakannya di dalam persatuan bekas-bekas tentera. Banyak perbincangan telah diadakan dengan golongan tersebut dan ramai di kalangan mereka yang mempunyai kebolehan dan kemahiran di dalam

perniagaan tetapi tidak mempunyai modal. Sepertimana saya nyatakan dalam kajian saya ke atas imbalan kira-kira LTAT pada tahun 1993 yang mana penyatannya telah dikemukakan kepada Dewan ini. Saya tidak nampak usaha-usaha yang banyak dijalankan oleh LTAT ke arah untuk membantu bekas-bekas tentera di dalam bidang perniagaan. Saya menganggap bahawa LTAT sepatutnya dalam usaha untuk membantu bekas-bekas pesara dalam perniagaan dari segi modal, sepatutnya ada terlibat dalam soal pemberian modal, pinjaman modal, projek secara usaha sama ataupun penglibatan secara "venture capital" dengan pesara-pesara tetapi ini tidak dilakukan oleh LTAT.

Berkaitan dengan pinjaman, Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat bekas-bekas tentera yang masih belum memiliki rumah telah mendapat kelulusan tanah dalam rancangan-rancangan perkampungan tersusun sampai tidak mampu untuk membayar bayaran premium dan kos pembangunan tanah di antara RM3,000 hingga RM7,000. Saya berpendapat sepatutnya LTAT memainkan peranan ke arah untuk membantu pihak-pihak yang tersebut.

Saya juga ingin menarik perhatian mengenai dengan program latihan. Lima tahun lalu sebuah syarikat insurans yang ditaja oleh sebuah agensi kerajaan telah mengambil seorang pesara tentera yang berpangkat kapten untuk menjadi pengurus besarnya kerana syarikat berkenaan ingin membantu selain daripada menganggap bahawa kapten tersebut mempunyai kebolehan untuk menjalankan perniagaan tersebut. Untuk makluman Dewan, daripada 5 tahun yang lalu sehingga sekarang keuntungan syarikat ini makin berkurangan dari tahun ke setahun kerana didapati bahawa bekas

kapten ini tidak mempunyai kebolehan untuk menguruskan syarikat tersebut.

Saya beranggapan bahawa LTAT sepatutnya menubuhkan Institut Latihan Keusahawanan untuk bekas pegawai-pegawai tentera kerana orang-orang tentera ini mempunyai kualiti atau sikap yang unik yang kadangkala berbeza dengan masyarakat biasa dan hanya badan-badan yang memahami mereka, yang boleh untuk memaksimumkan kualiti yang sememangnya ada kepada anggota tentera ini. Sepertimana yang saya nyatakan pada minggu lalu bahawa bekas-bekas tentera telah mempunyai latihan yang cukup, mempunyai disiplin ketepatan waktu dan sebagainya yang menjadi aset ke arah untuk mereka lahir menjadi peniaga yang besar kerana ini telah terbukti di kalangan beberapa orang peniaga.

Selain daripada itu, saya tidak tahu sama ada pihak LTAT atau badan-badan yang lain mempunyai butir-butir maklumat mengenai dengan pesara-pesara tentera ini. Apakah yang mereka lakukan, jikalau di dalam bidang perniagaan, setakat manakah kejayaan mereka. Kalau dalam politik, adakah mereka dengan Barisan Nasional ataupun dengan pembangkang. Isu-isu ini yang harus kita ketahui kerana ramai di kalangan bekas tentera, di peringkat grass root yang kadang-kala berasa kecewa apabila mereka tinggalkan profesion ketenteraan.

Berdasarkan kepada perbincangan-perbincangan yang saya kemukakan pada minggu yang lalu dan pada hari ini, saya melihat bahawa LTAT lebih merupakan sebuah badan korporat

yang matlamat dan tujuannya adalah 'the maximization of profit', dengan izin. Saya tidak nampak selain daripada dividen dan ganjaran persaraan sebanyak RM4.3 juta yang dikeluarkan pada tahun 1993, usaha-usaha yang dijalankan oleh LTAT ke arah untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi di kalangan pesara-pesara tentera. Begitu juga, saya tidak dapat lihat bagaimana LTAT atau badan-badan lain menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan anak-anak bekas pesara tentera.

Seperkara lagi yang saya ingin bangkitkan berkaitan dengan LTAT adalah projek-projek 'privatisation'. Saya nampak di kalangan sektor swasta dan korporat sekarang ini terdapat kehairahan untuk menswastakan pembinaan kem tentera baru berpindah daripada yang lama kepada yang baru. Oleh kerana LTAT mempunyai hubungan yang rapat dengan kementerian, kadang-kala pihak-pihak swasta menghubungi pihak LTAT untuk mendapat kelulusan, yang saya ingin sentuh mengenai dengan perkara ini adalah, dalam pengalaman saya, saya ada bertemu dengan agensi-agensi kerajaan, ini bukan LTAT, yang mana pihak-pihak swasta bergabung untuk membuat projek-projek secara joint venture ataupun privatisation yang akhirnya merugikan agensi-agensi kerajaan. Jadi, saya berharap LTAT jikalau ada pihak-pihak swasta yang mahu bergabung untuk menjalankan projek-projek privatisation supaya berhati-hati dan membuat kajian yang sebaik mungkin kerana LTAT mempunyai aset yang begitu besar, RM12.5 bilion kemampuannya, begitu

besar, kita tidak mahu dalam projek-projek usahasama ataupun privatisation, LTAT hanya menjadi batu loncatan.

Saya juga mengkaji imbalan kira-kira LTAT dan saya dapati bahawa sebahagian besar daripada perniagaannya berbentuk 'paper transfer' iaitu pembelian saham dan penjualan saham. Saya terbaca satu majalah, antara sebab kejatuhan Amerika Syarikat adalah kerana di Amerika Syarikat terlampau banyak perniagaan yang berdasarkan 'paper transfer' - pembelian saham dan sebagainya, tidak kepada pembesaran 'value-added economy' di negara tersebut. Saya berharap bahawa LTAT tidak terlampau ghairah untuk terlibat dalam 'paper transfer'. Selain daripada penglibatan dalam 'paper transfer' semestinya ia berusaha ke arah untuk memperluaskan kegiatan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam bidang perladangan, perkilangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan ini tentang sijil-sijil yang diperolehi oleh anggota tentera semasa bekas tentera ini berkhidmat dengan anggota tentera. Saya dapati bahawa dari segi kemahiran dan kebolehan mereka, sijil mereka itu dianggap tinggi tetapi dari segi untuk mendapat pekerjaan dan sebagainya tidak diiktirafkan. Saya berharap bahawa satu pengiktirafan kepada sijil-sijil ini diberi, supaya kita tahu pada peringkat mana sijil-sijil tersebut. Ada satu kes di mana seorang pesara tentera yang mempunyai kelulusan yang tinggi mendapat latihan dalam bidang kejuruteraan di Australia dan juga di United Kingdom. Dengan sijil ini kalau dibuat kajian perbandingan, sijilnya lebih tinggi daripada sijil kelayakan

yang diperlukan untuk mengajar di Politeknik Ungku Omar, tetapi oleh kerana sijil ini tidak diiktirafkan, beliau menghadapi kesulitan untuk mendapatkan sebarang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang soal perumahan. Ramai di kalangan bekas tentera yang telah menjalani tempoh perkhidmatan maksimum yang bersara tidak mempunyai rumah. Kita bukan sahaja bersimpati dengan mereka, tetapi akibat daripada itu, keluarga-keluarga tersebut menghadapi masalah dari segi pendidikan anak-anak dan sebagainya. Saya berharap bahawa pihak LTAT ataupun badan-badan lain di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera ini membuat satu program semasa anggota tentera ini masih lagi dalam perkhidmatan untuk mereka membeli rumah dan potongan-potongan gaji dilakukan, apabila sahaja mereka telah selesai perkhidmatan, mereka telah mempunyai rumah.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yan.

2.47 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Yan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan akta ini dan memanglah, kita baru sahaja menyambut hari kemerdekaan dan kemerdekaan ini tidak akan tercapai dengan begitu mudah, kalau kita tidak mempunyai angkatan tentera yang begitu berdisiplin, yang telah banyak berjasa kepada negara, bangsa dan tanahair.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari perbarisan hari kemerdekaan di ibu kota dan juga di negeri-negeri, termasuk daerah-daerah, kita dapat lihat angkatan tentera yang begitu

gagah, muda dan segar berbaris dengan begitu kemas dan ini menunjukkan dan menggambarkan bahawa angkatan tentera kita ini adalah satu angkatan tentera yang cukup tersusun. Walaupun kita masih agak ketinggalan dengan alat-alat kelengkapan yang canggih dan moden, tetapi memadai untuk mempamerkan kepada dunia luar bahawa kita adalah satu pasukan yang dapat mempertahankan tanahair kita dan juga dapat mempertahankan maruah negara-negara yang telah dianiayai oleh kuasa-kuasa besar. Kita telah melangkah kaki ke Bosnia dan banyak negara lain untuk menyelesaikan masalah-masalah di dalam negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam angkatan tentera ini kebanyakan anak-anak muda hari ini merasakan agak curiga untuk memasuki angkatan tentera disebabkan, Yang Berhormat Menteri janganlah marah kepada saya, saya hendak bercerita ini, disebabkan oleh kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, mereka masuk umur 18 tahun mereka masuk menjadi anggota tentera, kemudian dia 'sign' pergi 21 tahun, selepas itu dia kena bersara.

Tuan Yang di-Pertua, bila dia bersara, umur mereka pada masa itu masih muda, masih gagah, peria, masih sihat. Jadi, apabila mereka bersara setelah beberapa puluh tahun bersama di dalam angkatan tentera, saya bersetuju dengan Ahli dari Tambun tadi, kadang-kadang cara hidup mereka itu berlainan daripada cara kita hidup. Mereka pagi-pagi hidup mereka, kalau di waktu daripada pagi hingga ke waktu malam, keesokan paginya cara mereka hidup itu berlainan dengan kita. Kita di waktu petang-petang, kita boleh pergi ke kampung, ke dusun, ke sana ke sini berkawan dengan masyarakat.

Tetapi mereka itu hidup dengan masyarakat tentera sahaja, dok kena pakai uniform, boot dan sebagainya, dok 'Tuan-tuan' daripada pagi sampai ke malam. Jadi, hidup mereka ini sudah macam itu, bila depa bersara, mereka keluar ke alam permasyarakatan ini pula, mereka kadang-kadang 'kekok'. Tidak boleh hendak menyesuaikan diri, 'kekok' ini, Tuan Yang di-Pertua, macam tidak sesuai dengan diri – inilah 'kekok' – itu caranya, di sebelah Kedah dia kata 'kekok'.

Seorang Ahli: Improper.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, dengan izin, improper.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita kena bimbing bekas-bekas angkatan tentera ini ke arah supaya mereka dapat menyesuaikan diri berbakti juga kepada tanah air setelah mereka bersara daripada angkatan tentera. Jasa mereka tidak ternilai harganya. Macamlah pejuang-pejuang kemerdekaan kita – bukan kita boleh beli. Hari ini kalau orang upah saya pergi ke Bosnia, kalau demi untuk negara, saya pergi. Tetapi itu bukan tentu lagi, kadang-kadang bila balik, kaki kudung, kadang-kadang tangan kudung, kadang-kadang kedua-dua belah kaki kudung. Kalau anak teruna macam mana ceritanya? Kalau kudung kedua-dua belah kaki orang tidak mahu kepada dia.

Jadi, ini masalah yang mereka hadapi dan kita kena jaga 'welfare' mereka, kena jaga mereka dan memberi jaminan kepada tentera-tentera ini, kalau kamu masuk menjadi seorang tentera, masa depan kamu sehinggalah kamu pencen akan terjamin – begitulah juga anak-anak mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Tabung Angkatan Tentera ini mesti

memainkan peranan untuk memberi jaminan, selain dari kerajaan memastikan bahawa mereka ini akan sama seperti dengan pegawai-pegawai kerajaan yang lain. Pegawai kerajaan kalau mereka bersara ada rumah tangga yang sempurna dan sebagainya, tetapi tentera – saya tidaklah pernah masuk tentera, tetapi saya tahu, fasal saya dok berkawan.....

Dato' Dr. Jamaludin bin Haji Mohd.

Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan kepada Yang Berhormat dari Yan, dia bercakap berkenaan dengan kebajikan (welfare) – itu kita semua bersetuju. Saya teringat masa saya kecil-kecil dahulu ada tentera ada sebuah kedai dipanggil 'NAAFI' – kedai yang murah, tetapi sekarang sudah tidak ada lagi, dan kalau adapun harganya sudah macam harga biasa. Kalau kita pergi ke negara-negara lain ada kedai-kedai ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat dari Yan, adakah patut dikembalikan kedai-kedai yang serupa ini supaya kemudahan-kemudahan kebajikan yang berupa 'welfare' tentera kita ini boleh dibantu dan dijaga?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Rompin, saya di para ketiga hendak masuk yang itulah, tetapi Rompin masuk dahulu, habislah. Tuan Yang di-Pertua, itu memang betul, kedai NAAFI ini dahulu tentera-tentera kita coklat pun dapat 'free', sebab itu budak-budak bila tentera masuk kampung, mereka suka berkawan dengan tentera sebab dapat coklat.

Sekarang ini mereka hendak pergi, sudah tidak berani, kasut boot berat, nanti pijak kaki budak-budak – aniaya. Jadi, ini kita kena jagalah seperti yang saya kata welfare tadi – betul. Berilah harga keistimewaan, bukan ramai sangat tentera. Jadi, Menterinya

pun menteri yang cukup canggih, Menteri yang steady. Jadi, makna kata kena tolonglah tentera-tentera ini – gunakan Lembaga Tabung Angkatan Tentera, buka kedai-kedai beri special price – kini inflasi sifar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita tentang tentera ini – kalau gelas senapang, gelas haversack sekurang-kurangnya 20 kilo – Larut kata 22 kilo, mana datang 2 kilo lagi saya tidak tahulah. 22 kilo bukan senang, sebab itulah bekas tentera yang tua-tua itu berjalan bongkok. Saya tanya fasal apa Pak Long? “20 kilo cek dok tanggung daripada muda – 30 tahun dengan senapang dan kasut berat” Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua tengok bekas tentera berjalan kaki, dia angkat ‘pom’ ‘pom’, ‘pom’ – macam giant – fasal kasut boot berat. Jadi, masalah mereka ini macam-macam. Kadang-kadang saya tengok bekas tentera ini, bila mati suami anak-anak bercempera – ada yang tidak pergi sekolah, ada yang susah. Umur 70 tahun dok jadi ‘guard’, dok pasang senapang, tatang senapang itu tidak jatuh, tetapi mata pejam – umur 70 tahun – disiplin pegang senjata. Tengoklah di kedai-kedai emas “guard” yang pegang senjata, bila ditanya “pak cik dahulu kerja apa?” “Bekas tentera” – duduklah di dalam bandar Kuala Lumpur, gaji hendak dapat berapa duit?

Jadi, yang ini saya kira tugas Lembaga Tabung Angkatan Tenteralah, Kerajaan beri peluang dia berniaga dan kerajaan beri peluang dia ‘participate’ dalam penswastan dan sebagainya – jangan kita abaikan! Apa faedahnya keuntungan yang diperolehi oleh Tabung Angkatan Tentera ini kalau keuntungan itu tidak disalur balik kepada Tabung Angkatan Tentera? Kalau harap Lembaga “board” sahaja hendak mewah, hendak sihat, hendak senang, yang huk-hak di bawah ini apa hendak jadi?

Tuan Yang di-Pertua: Huk-hak itu apa?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Huk-hak ini dia letih. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, gunakan bahasa baku.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Bahasa baku! Jadi, yang inilah yang saya bangkitkan hari ini, fasal pada minggu sudah saya balik kampung, hari Merdeka, banyak bekas-bekas perajurit yang datang jumpa saya. Bila mereka datang jumpa mereka khabar “Yang Berhormat dok bahas tentang Akta ini, tolonglah selitkan sedikit”. Pada Hari Tentera pagi itu saya tengok di Alor Setar ramai yang kayuh beca, iaitu bekas-bekas tentera. Mereka park beca mereka jauh sedikit, dia pakai baju batik perajurit dengan seluar putih, dan dia pergi terpacak di sana. Saya tanya sudah berapa tahun pak cik kayuh beca? Dia kata sejak pencen sampai la dok kayuh inilah – pencen pun tidak ada. Jadi, yang ini saya kadang-kadang berasa amat sedih.

Kadang-kadang ada orang tertentu tidak berjasa setara mana tetapi nikmat dia mendapat lebih, hak yang tentera, masuk hutan, keluar hutan, pergi ke merata negara akhir-akhirnya kadang-kadang anak mereka tidak dapat jauh ke hadapan. Sekurang-kurangnya kalau pak tidak dapat atau tidak beroleh kaya, biarlah anak itu boleh belajar masuk sampai ke universiti dan sebagainya. Hak ini Lembaga Tabung Angkatan Tentera kena tengok. Kemudian, la ini peluang banyak, ambil bekas-bekas tentera ini beri kursus dan beri macam-macam kepada mereka. Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini buat sekolah, buat maktab dan sebagainya dengan hasil keuntungan, kemudian pengerusi bekas perajurit

pun janganlah politik melampau sangat, jagalah bekas-bekas perajurit ini. Kalau kita dok berpolitik sangat, jadi, perajurit ini hendak jadi apa? Ini pun kita kena jaga sama. Sampai kita tolong mereka, kita kena tegurlah pemimpin yang tidak kena. Ini lambat lepa, nak bertanding – kalau macam ini mampuslah kita. *(Ketawa)*.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Bandau bangun, Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Point of order, saya hendak tahu siapakah yang ditujukan kepada Tan Sri, Tan Sri kerana banyak Tan Sri di Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan itu, dia kata lain itu – yang perlawanan tadi, dia kata.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia tidak faham apa yang saya cakap tadi, nanti saya explain kepada Yang Berhormat di luar nanti. *(Ketawa)*

Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Jarjis: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Jamaludin bin Haji Jarjis: Saya minta penjelasan sedikit, kerana saya tidak faham apa dia kata – perlawanan apa? Siapa hendak lawan siapa? Minta penjelasan sedikit.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan batu api, saya tidak boleh jawab – soalan batu api. *(Ketawa)*. Tuan Yang di-Pertua, maksud saya, kalau Yang di-Pertua, itu dia kena jaga

kebajikan bekas perajurit, tengok apa masalah yang dihadapi oleh perajurit, misalnya masalah pendidikan – bila sekolah hendak buka, lihat keperluan buku-buku, baju dan kasut anak-anak bekas perajurit ini – macam mana? Okay, bila hendak masuk universiti, berapa ramai anak-anak bekas perajurit yang boleh hendak masuk universiti.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang itu anaknya cerdik, dia boleh dapat masuk ke universiti untuk melanjutkan pelajaran, tetapi bila surat tawaran universiti datang, dia hendak bawa anaknya itu dia tidak mampu – hendak beli kasut, hendak beli baju dan hendak beli itu dan ini. Bekas perajurit ini kerja mereka gaji tidak berapa duit, saya tahulah, orang kampung pun macam itu juga. Jadi, mana mereka hendak mencari duit. Yang inilah Tabung Angkatan Tentera, dia kena kaji berapa anak-anak bekas perajurit yang layak dan boleh dan ditawarkan masuk ke universiti dan pastikan mereka masuk ke universiti, biasiswa mereka dikaji, kalau kerajaan tidak beri, ikhtiar ikut mana pun – beri.

Ini semua kerja Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Keuntungan yang mereka dapat, keuntung ini bukan boleh dibawa mati, atas dunia ini juga kita berbelanja, bukan boleh berbelanja di akhirat. Jadi, ini yang saya hendak peringkatkan Tengok bangunan mereka tersergam indah, bekas perajurit biasa khabar kepada saya – cek saya langut tengok bangunan Lembaga Angkatan Tentera, sampai rebah ke belakang – telentang, bukan main tinggi. Dia yang bekas tentera hendak naik bangunan itu pun takut – ini bekas tentera sendiri yang khabarkan kepada saya. Jadi, inilah yang saya sokong tentang pindaan ini semua, tetapi kena bantu orang-orang bekas tentera ini.

Tuan Yang di-Pertua, zaman-zaman dahulu kalau anak dara kampung menikah dengan askar – mereka cukup syok, ini saya cerita sungguh. Kalau tanya – hendak menikah dengan siapa? Menikah dengan askar – mereka sangat seronok, fasal apa? Bini dapat pencen, dapat duit – jadi seronok, dengan uniform yang segar, la ni mereka seriau – emak mentua naik seriau, takut kudung, sudah kudung, tidak terbela, kalau kudung terbela tidak apa, yang jadi hari ini ialah kudung tidak terbela – bila kudung tidak terbela, umur 30 – 40 tahun – dok segar lagi, tetapi kaki kudung. Tuan Yang di-Pertua, fikirkanlah. Kita ini kadang-kadang kaki lenguh, pun hendak pijak tidak boleh, sudah susah, Tuan Yang di-Pertua, tambah pula orang tidak ada kaki.

Lagi satu mengenai perumahan. Saya sokong yang Tambun cerita itu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau rancangan Felda pun keutamaan kena beri pada mereka ini. Mereka ini yang pergi pugar hutan itu. Kalau dalam hutan itu ada komunis, ada penjahat, siapa yang berani hendak buat rancangan tanah? Tetapi bila mereka pencen, mereka hendak minta temuduga untuk minta tanah sekangkang kera pun bukan main susah, Tuan Yang di-Pertua. Tanya macam-macam. Biasanya, Tuan Yang di-Pertua, saya tengok mereka ini pergi interview untuk minta tanah, dia bawa bintang ini satu beg plastik. (Ketawa) Saya kata, “Pakcik, bawa bintang ini buat apa?” “Sat ni dia tanya jasa pakcik. Pakcik hendak atur bintang atas meja”. Bintang dan pingat hak yang penuh dada itu. Sampai macam itu, itu pun tidak dapat. Keluar macam ayam kena hawar, Tuan Yang di-Pertua, tunduk kepala.

Jadi, hal inilah yang saya cukup kecewa. Saya mintalah pegawai-

pegawai kerajaan pun termasuk Wakil-wakil Rakyat, kalau bekas tentera, jangan dok kira sangat. Kita kena sokong. Kalau bukan kerana depa, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak boleh berdiri bercakap di sini. Tuan Yang di-Pertua pun tidak boleh duduk atas itu. Nak ini betul-betul, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, inilah jasa-jasa mereka yang kalau kita hendak nilai dengan duit ringgit ini tidak ada.

Jadi, mengenai rumah, Tuan Yang di-Pertua. Apa salahnya saya mencadangkan kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera memberi subsidi kepada bekas perajurit yang banyak berjasa ini. Kalau harga rumah RM25,000, bayar RM10,000 subsidi kepada mereka, mereka bayar RM15,000 sahaja. Adalah rumah mereka bertapak. Takkan Angkatan Tentera sampai 10 juta, berapa orang sahaja? Hak yang bersaralah maksud saya ini. Hak pegawai-pegawai tinggi tidak payah, Tuan Yang di-Pertua. Hak Laksamana, tak Laksamana itu tidak apa. Depa tahu hidup. Ini hak yang satu, dua calit atas bahu. Hak belah bawah ini sahaja, hak ini kena jaga. Yang ini hak yang Laksamana, Jeneral-jenderal tidak apa, Tuan Yang di-Pertua. Depa sudah tahu hendak hidup. Kadang-kadang lepas pencen, depa pi duduk lembaga syarikat itu, lembaga syarikat ini. Hak yang tak tahu berniaga pun pi duduk tang tu, tak apalah. Sudah rezeki depa. Tetapi maksud saya, bila hak atas itu duduk senang, hak bawah pun kena jaga, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, hak perumahan ini, saya minta sangat-sangat kalau boleh, pihak.....Menteri marahkan, keluar, Tuan Yang di-Pertua? (*Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar sedang berjalan keluar dari Dewan*) (Ketawa) Baru sebut subsidi

RM10,000, dia keluar, Tuan Yang di-Pertua, tidak patut. Tidaklah, dia pergi ke Dewan Negara. (*Ketawa*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja tiga perkara. lagi satu, tentang peluang pekerjaan. Saya harap kalau boleh, syarikat-syarikat jangan hadkan umur. Sebab hari ini umur untuk kerja dalam kilang dihadkan. Saya minta kalau boleh bekas-bekas tentera ini diberi satu kelonggaran supaya mereka juga bukan sekadar menjadi 'guard' dan pemandu sahaja tetapi juga dapat berkhidmat dalam kilang itu dengan tidak mengira had umur. Ini janganlah nak yang 'ranum' sangat, hak yang kadang-kadang pencen muda itu supaya mereka ini tidak terjebak. Banyak juga bekas-bekas tentera kita ini yang hisab dadah, yang jadi penyangak pun banyak. Sebab apa, desakan hidup. Dia terpaksa, dengan anak di rumah yang hendak pergi ke sekolah, makan nasi pun tidak ada. Jadi, kadang-kadang terdesak, dia pergi ke arah benda-benda yang tidak elok.

Kemudian, setengah itu dia berasa pelik. Macam Tambun kata tadi, dia masuk ke parti lawan. Pi masuk parti lawan, pembangkang pun, parti PAS pun bukan dia boleh tolong apa. Ini saya hendak beritahu, mana-mana bekas perajurit yang sudah pi belah sana, patah balik mai. Tidak usah pi sokong, tidak boleh apa.

Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan yang saya berikan pada petang ini. Saya minta kerajaan memastikan, memonitorkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera supaya mereka ini, setiap tahun tunjuk apakah yang telah mereka lakukan untuk kebaikan kebajikan bekas-bekas perajurit ini. Sekadar dia beri 'press statement' kata "kita bantu" sahaja tidak cukup. Kita hendak hitam putih.

Tunjuk kepada kerajaan, apabila kerajaan memberi mereka peluang dalam bidang perniagaan, keuntungan itu mereka laburkan balik untuk kesejahteraan bekas perajurit. Ini yang saya hendak minta kalau boleh, supaya Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini akan menjadi satu lembaga yang disayangi oleh bekas perajurit dan lembaga ini biarlah menjadi payung kepada bekas-bekas perajurit untuk berteduh di musim panas dan juga berteduh tatkala hujan.

Jadi, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

3.05 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong pindaan Rang Undang-undang ini dan saya ingin bercakap sedikit dua, tiga perkara.

Pertama, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, sejauh manakah hasil dari Tabung Angkatan Tentera ini dinikmati sampai ke akar umbi? Kerana mengikut penyelidikan dan maklumat yang saya terima, ahli yang menjadi bekas-bekas perajurit ini tidak menerima hasil daripada tabung tersebut. Jadi, ini dengan sendirinya telah tidak memberikan matlamat yang tepat kepada tujuan kerajaan. Jadi, saya berharap pihak kerajaan dan pihak kementerian mengambil perhatian agar matlamat ini tercapai.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, iaitu soal orientasi. Kadang-kadang ahli Angkatan Tentera, sebelum bersara ataupun tamat perkhidmatan dikehendaki menjalankan satu kursus orientasi untuk memeralatkan mereka sampai bila tamat perkhidmatannya nanti. Tetapi malangnya, syarikat-syarikat di luar kerajaan, syarikat-

syarikat swasta tidak memberi sokongan kepada tujuan kerajaan ini. Jadi, dengan sendirinya, mereka yang telah menerima latihan tidak mendapat nikmat daripada latihan yang telah mereka jalani dan dengan itu juga, pihak kerajaan telah membuang masa dan sumber kewangan memberi latihan kepada mereka ini tetapi mereka tidak mendapat hasil daripada apa yang telah disumbang oleh pihak kerajaan.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan membuat satu susulan agar syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat yang mana kerajaan boleh memberi arahan, memberi perhatian kepada bekas-bekas tentera ini agar latihan dan sumber kewangan yang telah dibelanjakan oleh pihak kerajaan tidak terbuang begitu sahaja.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, kenapa masyarakat belia kita kurang berminat memasuki tentera? Adalah oleh kerana kebajikan dan syarat perkhidmatan yang belum memuaskan. Jadi, bukanlah kita hendak membandingkan syarikat-syarikat besar macam Petronas dan sebagainya, tidak, tetapi apa yang penting ialah sebagaimana yang telah disebut oleh kawan-kawan tadi, dari Yan dan sebagainya, syarat perkhidmatan ini adalah penting, perumahan mereka, tangga gaji mereka dan elaun mereka mestilah dikaji dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah berkhidmat walaupun bukan dalam tentera tetapi dalam pasukan ala tentera yang mana kita duduk 9 bulan dalam setahun dalam hutan. Bawa barang dua minggu 'ration', satu senjata 70 paun, 50 round peluru di badan. Kalau sudah letih, musuh buat macam ini pun mati tetapi kita menerima hakikatnya. Kita berjuang untuk negara. Bekerja 18 jam satu hari, kalau

tidak nyawa melayang kerana mata terpaksa celik setiap masa. Jadi, kita di sini mesti menerima hakikatnya. Kita mesti memberi satu ucapan terima kasih kepada Angkatan Tentera ini.

Jadi kadang-kadang, ada perkara lucu berlaku. Isteri berjumpa dengan pegawai atasan mereka dan berkata, "macam mana..... saya belum berjumpa suami saya? Tahun ini sudah hampir habis, saya pun hendak dapat anak seorang lagi, tapi tidak dapat berjumpa dengan suami saya."

Pernah berlaku Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah menjadi pegawai dan ditemui oleh seorang isteri yang mana suaminya itu bertahun-tahun di dalam hutan, tidak keluar pun. Jadi, tak dapat anaklah itu! Dia jumpa pegawai, minta supaya dapat datang sekejap. Jadi, supaya matlamat kerajaan untuk 70 juta itu boleh diisikan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, oleh kerana saya bercakap secara ringkas sahaja, iaitu soalan elaun wilayah. Ini perkara yang khusus. Saya berharap pihak kementerian mengambil perhatian iaitu pada tahun 1987, diluluskan satu Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/1987 iaitu mengatakan, "Pegawai daripada Sarawak yang berpindah ke Semenanjung Malaysia dan pegawai daripada Semenanjung yang pergi ke Sabah dan Sarawak mendapat elaun wilayah."

Tetapi pada masa sekarang ini, hanya setengah daripada soalan ini telah diluluskan, iaitu pegawai daripada Semenanjung yang pergi ke Sabah dan Sarawak mendapat elaun wilayah, tetapi pegawai daripada Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung tidak mendapat elaun wilayah. Jadi, ke manakah perginya Pekeliling ini?

Jadi, saya berasa sedih kerana banyak anak-anak Sabah dan anak-anak Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung, tetapi tidak mendapat kemudahan yang telah ditetapkan oleh kerajaan sendiri, iaitu elaun wilayah semasa berkhidmat di Semenanjung. Semenjak tahun 1987 hingga sekarang ini, belum diterima lagi. Yang dekat England dapatlah, termasuk juga di Northern Ireland.

Tuan Yang di-Pertua, soalan dalam Angkatan Tentera ini banyak yang boleh saya percakapkan. Bahkan, benar kata Yang Berhormat dari Yan tadi, iaitu kita berjumpa di sana-sini, orang yang tua memegang senjata, mungkin bekas tentera ataupun bekas anggota polis. Saya mendapat maklumat iaitu kalau dibandingkan bekas askar dan bekas polis, bahkan polis itu lebih dapat market yang lebih baik lagi, menjadi security, menjadi pegawai penjaga dan sebagainya oleh kerana pandangan daripada masyarakat ataupun syarikat yang besar-besar, iaitu polis itu mempunyai pengalaman yang khusus untuk membuat penjagaan yang demikian yang mana askar dianggap orang yang pandai menembak sahaja – itu sahaja, tetapi menjaga keselamatan sesuatu tempat, tidak ada kemahiran.

Jadi, mereka, dalam job market pun, walaupun sudah retired, mereka masih muda. Jadi dalam soalan ini, undang-undang ini menetapkan, pegawai yang tetap bersara diberi kemudahan. Tetapi apa pula terjadi dengan pegawai yang tidak mendapat pencen, iaitu pegawai dalam askar ini ada dua – satu short term service dan long term service yang tetap. Yang short term service itu nampaknya, kalau dipandang daripada ini tidak mendapat kemudahan apa-apa, bahkan mereka juga ada yang mati. Ada juga yang berkhidmat lebih

panjang dengan kerajaan dengan masyarakat Malaysia. Jadi, kenapa pula mereka ini disisihkan daripada mendapat kemudahan di bawah Tabung Angkatan Tentera ini?

Jadi, saya berharap pihak kerajaan meneliti sekali lagi untuk melihat agar mereka yang telah memberi perkhidmatan – the prime of their lives, dengan izin, daripada umur 18 tahun hingga ke umur 30 tahun lebih, kalau tidak dapat pencen, selepas 21 tahun bekerja. Jadi, tidak dapat juga kemudahan pencen, tidak dapat juga kemudahan di sini, maka abilitynya tidak ada lagi dan hendak meminta kerja kepada syarikat-syarikat tidak dapat kerana sudah tua dan dianggap tidak layak lagi dan hendak minta gaji RM300 atau RM400 daripada pejabat-pejabat yang kecil-kecil, mereka sudah beranak-pinak. Jadi semua – di sini salah; di situ pun salah. Hendak menjadi askar tidak diterima lagi kerana sebab-sebab yang tertentu, mereka terpaksa meletakkan jawatan mereka. Apabila mereka keluar daripada perkhidmatan askar, mereka tidak boleh mendapat market. Apabila meminta kerja, tidak ada pertolongan dan latihan mereka tidak mendatangkan satu kesan sekalipun kepada masyarakat.

Jadi, saya sendiri pernah terlibat dengan askar-askar yang berjumpa saya – saya bawa mereka ke syarikat yang besar-besar, tetapi mereka ini berkata macam ini, dia hendak ambil orang yang fresh from school, boleh digaji dengan RM300. Jadi, lepasan askar, kalau gaji RM300, hendak buat apa? Anak di rumah ada, isteri pun ada, kereta pun ada, motosikal pun ada katanya. Jadi, macam mana hendak cukup RM300? Jadi, kilang-kilang elektronik, kilang-kilang yang kecil dan besar pun tak hendak mengambil bekerja. Jadi, kemahiran mereka tidak diiktiraf.

Jadi, saya bersetuju dengan kata Yang Berhormat yang terdahulu dari saya tadi iaitu latihan dan pengiktirafan mestilah diberi. Kalau pihak syarikat yang tertentu tidak menerima hakikat ini, kerajaan mesti memberi tumpuan dan memberikan satu kuota kepada tiap-tiap syarikat supaya menerima lepasan askar ini bekerja berlandaskan kemampuan dan kemahiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya diminta bercakap sedikit sahaja dan saya menumpukan perbincangan tadi dengan apa yang saya sebut tadi, saya berharap pihak kerajaan membuat penelitian semula dan memberi tumpuan yang khusus kepada pihak tentera ini supaya kita tidak membuntukan minat anak-anak belia kita untuk memasuki Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bagan Datok.

3.16 ptg.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datok): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut bangun di sini untuk membahaskan suatu Akta yang dikenali sebagai Akta Tabung Angkatan Tentera yang menggabungkan Akta Tabung Bekas Angkatan Tentera dengan LTAT.

Secara ringkas saya akan menyentuh beberapa perkara mengenai LTAT yang baru ini di mana kita tahu bahawa penguasaan LTAT di dalam bidang korporat terlalu banyak yang mempunyai aset keseluruhan sebanyak RM12.5 bilion. Di dalam penguasaan sektor korporat ini, LTAT terlibat dalam bidang perladangan dan perdagangan, bank saudagar, syarikat kewangan dan lain-lain syarikat yang mempunyai hubungan dengan perdagangan yang lain.

Suatu perkara yang ingin saya bangkitkan ialah tentang soal pertanggungjawaban sosial LTAT ini di mana kalau kita lihat, dengan diwujudkan PERHEBAT, (Perbadanan Hal Ehwal Bekas Perajurit), kita tidak nampak sejauh ini, sumbangan yang dilakukan oleh LTAT terhadap pengendalian PERHEBAT, kecuali ada geran khas yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan kepada PERHEBAT ini.

Jadi, melalui Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan supaya keuntungan LTAT setiap tahun, sekurang-kurangnya 20% hingga 30% hendaklah disalurkan kepada PERHEBAT bagi membiayai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PERHEBAT, agar PERHEBAT sebagai badan sosial yang mengendalikan kursus-kursus untuk angkatan tentera yang akan bersara dan setelah bersara akan dapat diperhebatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah tentang projek-projek yang dijalankan oleh LTAT. Oleh kerana terlalu banyak syarikat-syarikat di bawah pengendalian LTAT, saya ingin meminta kepada pihak Kementerian Pertahanan dan juga kepada pihak EPU atau Economic Planning Unit, dengan izin, atau Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri agar mana-mana projek yang akan diswastakan di kalangan Kementerian Pertahanan atau tanah-tanah yang dibangunkan yang akan diserahkan kepada pihak swasta hendaklah diberikan keutamaan kepada LTAT agar keuntungan ini tidak pergi kepada pihak lain yang tidak ada hubungkait langsung dengan angkatan tentera.

Jadi, secara tidak langsung, sebarang keuntungan daripada projek-projek penswastasaan ini akan masuk ke Tabung

Angkatan Tentera yang akan disalurkan kepada PERHEBAT, maka secara langsung dan tidak langsung, anggota tentera dan keluarga mereka akan dapat keuntungan.

Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh ialah mengenai projek perumahan untuk anggota-anggota tentera yang akan bersara. Oleh kerana anggota tentera akan mendapat gratuity atau ganjaran persaraan mereka, mereka sebagai warganegara yang telah berjasa, tidak mendapat sebarang keistimewaan untuk membeli rumah-rumah murah atau rumah-rumah yang berharga sederhana.

Jadi, saya menyeru kepada LTAT agar memberikan pendahuluan kepada anggota tentera yang tidak mempunyai rumah dan berhajat untuk memiliki rumah selepas bersara, agar LTAT memberikan pendahuluan untuk pembayaran rumah ini dan kemudiannya diambil dari sebahagian gratuity itu untuk dibayar balik kepada LTAT tanpa dikenakan sebarang faedah. Secara tidak langsung, LTAT membantu anggota-anggota tentera yang bersara untuk memiliki rumah.

Perkara yang selanjutnya ialah mengenai sebuah syarikat di bawah LTAT yang dikenali sebagai kedai PERNAMA sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Parlimen dari Rompin tadi. Dulu ada NAFI, sekarang ada PERNAMA tetapi tugas PERNAMA telah menyeleweng dari matlamat asal. Dulu NAFI memberikan diskaun yang banyak kepada anggota tentera dari segi harga, sekarang ini kerana PERNAMA ada PERNAMA awam maka harga yang sama terpaksa dibayar oleh anggota tentera dan oleh orang awam. Jadi, keuntungan kepada syarikat diutamakan. Kebajikan anggota dan keluarga tidak diutamakan. Saya dapat tahu ramai di kalangan pengurus-

pengurus di PERNAMA ini meletakkan jawatan kerana tidak ada kawalan penyeliaan (monitoring system) oleh pihak LTAT kepada PERNAMA ini. Penyelewengan, saya tidak mahu menuduh tetapi banyak berlaku dan bila ada turnover, dengan izin, bila ada pemberhentian beramai-ramai di kalangan pengurus ini moral di kalangan pegawai dan kakitangan PERNAMA ini cukup rendah sekarang. Hingga apabila ada cawangan PERNAMA di Kemboja, apabila tentera kita bertugas di sana, barangan yang dijual itu adalah barangan yang lebih mahal daripada apa yang sepatutnya didapati di pasaran tempatan. Jadi, perkara-perkara ini harus diberikan perhatian dan memang benar sebuah badan korporat yang besar, dengan jumlah aset yang besar, keuntungan itu diutamakan tetapi jangan lupa pertanggungjawaban sosial kerana penubuhan LTAT ini, tambahan pula apabila Tabung Bekas Perajurit ini disatukan di dalam suatu Akta, dalam sebuah badan yang besar, saya fikir rakan-rakan saya yang mengendalikan pentadbiran dan pengurusan LTAT yang dinaikkan pangkat mengikut Akta yang baru ini dari Pengurus Besar kepada Ketua Eksekutif yang selama ini rakan saya itu telah menjalankan kerja yang cukup baik, yang cukup cemerlang di dalam beberapa tindakan korporat dan sebagainya memberikan keutamaan objektif penubuhan LTAT ini untuk anggota tentera bukan menumpukan kepada keuntungan semata-mata.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan yang ringkas saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka, selepas daripada itu kementerian akan menjawab.

3.23 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hanya ingin mengambil bahagian dengan membuat satu ucapan yang ringkas dalam Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan fasal-fasal dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini di mana cadangan ada dibuat bahawa satu pemberian tahunan daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan diberikan kepada tabung ini untuk memastikan bahawa maksud sampingan tercapai.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin bertanya pihak kementerian, bolehkah pihak kementerian memastikan bahawa segala perbelanjaan yang ditanggung tidak akan menjadikan pengurusan tabung ini terlalu birokratik. Seperti tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang berucap sebelum saya tadi, memang ada penyelewengan telah berlaku. Apa yang dirisaukan ialah memandangkan bahawa satu pemberian tahunan atau satu geran akan diberikan untuk pengurusan tabung ini, bolehkah pihak kementerian memastikan bahawa ia tidak menjadi satu institusi di mana kebanyakan perbelanjaan tertumpu ke atas perbelanjaan pengurusan pentadbiran sahaja kerana inilah yang dibimbang oleh ramai bekas angkatan tentera. Pada masa yang sama, bolehkah pihak kementerian memastikan semua faedah yang dirancang akan disalurkan kepada ahli-ahli? Ini adalah kerana sebagai satu contoh, apabila sesuatu maksud oleh pihak kementerian dirancang untuk sebab-sebab tertentu kadang-kala ia tidak dipenuhi.

Sebagai satu contoh ringkas, saya telah mendapat aduan bahawa satu institut iaitu Kinrara Institut Teknologi Udara yang dikendalikan oleh pihak kementerian telah dijual tanpa sebarang notis dan dijual oleh seorang 'tycoon' tanpa tender terbuka. Sungguhpun kemudahan-kemudahan ini baru dikemaskinikan (upgrade) dengan RM10 juta tetapi tanpa sebarang notis ia telah dipindahkan dari Puchong, Negeri Selangor kepada Alor Setar dan ini telah menyebabkan banyak kakitangan di sana sungguh tidak puas hati. Dan saya tidak tahu, kalau inilah cara pengendalian diuruskan, bukankah ini menunjukkan bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada tempatnya. Kalau begitu, saya harap pihak kementerian boleh ambil perhatian tentang perkara ini.

Saya rasa mungkin hujah yang saya timbulkan ini mungkin adalah terlalu spesifik untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan sekarang. Tetapi kalau boleh, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh siasat dan berikan jawapan secara bertulis tentang masalah ini kerana ia menimbulkan wang rakyat dan juga tentang keupayaan pihak kementerian untuk memberikan latihan yang mencukupi memandangkan tujuan utama pemindahan dibuat adalah untuk membuat untung, bukan untuk memberikan latihan yang mencukupi. Tanpa sebarang notis, dipindahkan ke Alor Setar kerana tapak di mana Institut Teknologi Udara Kinrara di Puchong ini adalah terletak di atas tapak tanah yang sangat bernilai. Kalau begitu, saya rasa ini tidak menepati tujuan asal latihan yang hendak diberikan. Oleh sebab itu, saya harap pihak kementerian boleh mengambil perhatian tentang perkara ini.

Itu sahaja yang saya hendak cakapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

3.26 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pertahanan ingin mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Parit Sulong, Larut, Tambun, Yan, Batang Lupar, Bagan Datok dan akhirnya Kota Melaka yang telah mengambil bahagian berbahas di dalam Rang Undang-undang Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) dan Tabung Bekas Perajurit. Sokong Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli dari Kubang Kerian, ini melambangkan keprihatinan mereka semua terhadap ke arah membantu bekas-bekas perajurit di dalam usaha-usaha meningkatkan kebajikan dan taraf sosio-ekonomi mereka dalam keadaan ekonomi negara yang kini berkembang pesat.

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Kubang Kerian membangkitkan mengenai masalah disiplin di kalangan tentera yang dikatakan menyekat penglibatan anggota tentera di dalam aktiviti ekonomi dan seterusnya menjejaskan pendapatan anggota ATM berbanding dengan masyarakat di luar ATM. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, disiplin di dalam perkhidmatan ATM adalah satu daripada perkara yang amat dititikberatkan malah maha penting sekali. Seseorang yang berkhidmat di dalam ATM mesti menumpukan taat setia mereka dan sanggup berkorban untuk negara. Oleh yang demikian, keutamaan kepada keselamatan dan mempertahankan negara lebih

dititikberatkan. Tidak dinafikan bahawasanya pendapatan antara anggota tentera dengan pekerja-pekerja di sektor swasta memang agak ketara. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mencuba untuk mengatasi masalah ini dengan melakukan beberapa perubahan dengan memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memanglah menyedari sebahagian kecil daripada anggota tentera seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat masih hidup melarat ataupun daif selepas mereka bersara apatah lagi kepada mereka yang sudah lanjut usia mereka. Namun demikian, dalam keadaan ekonomi yang sedang pesat berkembang sekarang ini, peluang-peluang mereka melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi adalah terbentang luas. Terpulanglah kepada mereka untuk merebut peluang-peluang yang ada sesuai dengan kelayakan dan minat masing-masing. Pihak kerajaan khususnya LTAT akan sentiasa membantu mereka dengan memberikan kemudahan dan bantuan kewangan sebelum dan selepas mereka meninggalkan perkhidmatan ATM.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kononya ada ahli-ahli politik yang dikatakan menjadi Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Angkatan Tentera, telah dimaklumkan di sini bahawasanya tidak terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun ahli-ahli politik yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah LTAT kecuali Yang Berhormat Menteri telah melantik Presiden Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sahaja sebagai Ahli Lembaga Pengarah PERHEBAT iaitu sebagai wakil daripada Persatuan Bekas

Perajurit Malaysia. Hakikat ini adalah untuk tempoh dua tahun mulai 1hb Oktober, 1994.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh tentang tugas dan peranan LTAT dan harus saya menjelaskan sebaik mungkin. Pada amnya LTAT ditubuhkan dengan fungsi yang khusus iaitu mewujudkan faedah persaraan untuk askar-askar yang sedang berkhidmat.

Pengwujudan Tabung Bekas Perajurit dan PERHEBAT pula adalah bertujuan untuk membolehkan LTAT membuat sumbangan untuk mewujudkan berbagai program, latihan dan struktur ekonomi untuk bekas anggota Angkatan Tentera. Sebelum ini semua latihan dan program struktur ekonomi dikendalikan oleh HEBAT. Antara tujuan pindaan Rang Undang-undang ini ialah memberi kuasa agar LTAT boleh menyumbang daripada keuntungannya setelah lain-lain tanggungannya dapat dibereskan kepada PERHEBAT untuk menambahkan lagi program PERHEBAT daripada segi mengadakan berbagai latihan, mengadakan berbagai bantuan kepada mereka yang bakal hendak bersara mahupun yang telah pun bersara.

Sebelum ini LTAT tidak boleh menyumbangkan sebahagian daripada keuntungannya terus kepada HEBAT, dahulu di bawah Kementerian Pertahanan ataupun setelah PERHEBAT ditubuhkan pada penghujung tahun sudah.

Tuan Yang di-Pertua, LTAT melalui PERHEBAT telah banyak membantu ataupun telah mula membantu. Sejak ia ditubuhkan tahun lalu, cukup bulan Ogos yang lepas ini umur PERHEBAT genap setahun dan antara program-

program yang telah pun dibuat bagi meningkatkan kebajikan dan struktur ekonomi mereka adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan latihan kemahiran dalam bidang-bidang seperti automotif, elektrik, binaan, komputer, latihan keusahawanan dan lain-lain program,
- (ii) mengadakan pinjaman untuk mereka berniaga, untuk mereka membina rumah serta bantuan kewangan secara langsung untuk bekas perajurit serta keluarga yang sangat memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti terima hakikat bahawasanya PERHEBAT baru sahaja ditubuhkan, di mana umurnya baru setahun jagung. Insya-Allah setelah dapat kita memindakan Akta ini, maka dengan pemberian kerajaan sebanyak RM26 juta setahun sebagai geran kepada PERHEBAT, ditambah pula Insya-Allah daripada sebahagian keuntungan LTAT itu bagi tujuan aktiviti PERHEBAT, maka kebajikan dan lain-lain program untuk kita membantu bekas anggota tentera ini akan dapat kita tingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga banyak menyentuh mengenai kegiatan LTAT dalam menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Di antaranya tentang kegiatan LTAT di dalam pembelian dan penjualan saham-saham.

Di sini saya ingin menjelaskan bahawasanya LTAT memang memiliki pelaburan di dalam pelbagai syarikat, baik yang disenarai di BSKL mahupun yang tidak disenaraikan.

Bagi pelaburan LTAT di dalam syarikat yang disenaraikan, LTAT sentiasa mengambil peluang untuk memperolehi keuntungan apabila harga saham syarikat itu berada di paras yang tinggi kerana syarikat-syarikat ini tidak memberikan pendapatan dividen yang tinggi.

Bagi pelaburan di dalam syarikat-syarikat yang tidak tercatat dalam BSKL pula, LTAT sentiasa memastikan mereka mengambil bahagian yang aktif dalam projek berikut agar pengurusannya dan perjalanannya dapat dikawal dan diawasi semoga akan membawa faedah dan keuntungan kepada syarikat dan juga kepada LTAT.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yan Bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Ya, sila.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa LTAT banyak melabur di dalam syarikat-syarikat dan ada di setengah-setengah syarikat itu LTAT memegang ekuiti yang agak besar. Saya ingin tahu berapa ramai bekas-bekas tentera dan perajurit diserap masuk di dalam syarikat-syarikat tersebut, contohnya syarikat makanan yang terbesar di tanah air kita ini iaitu Syarikat Nestle. Dahulu bekas anggota tentera menjadi Pengerusi Syarikat Nestle, tetapi saya dapati tidak ada 10% pun pekerja-pekerja dalam Syarikat Nestle itu bekas-bekas tentera.

Jadi, adakah kita hanya melabur dan menanti keuntungan di samping kita melabur dan menyerap bekas-bekas perajurit ini untuk berkhidmat? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, umumnya dasar kita ialah untuk memperbanyakkan lagi bekas-bekas tentera bertugas dalam syarikat-syarikat yang dipunyai ataupun diuruskan oleh pihak LTAT. Insya-Allah, kita akan pastikan agar perkara ini akan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelaburan LTAT kononnya ada dalam Syarikat Carlsberg, seperti yang telah pun dibangkitkan di sini oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian.

Saya ingin menjelaskan bahawasanya pada masa ini LTAT sedang menguruskan penjualan ekuiti dalam syarikat berkenaan. Perkara ini sedang diambil tindakan serius untuk memastikan LTAT tidak lagi menjadi pemegang ekuiti syarikat tersebut. Pada masa-masa akan datang juga aktiviti yang sedemikian, kita akan hindarkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya sebarang keuntungan yang dilabur oleh LTAT itu yang dibahagi-bahagikan kepada bekas perajurit mengikut kadar tahun mereka berkhidmat, adalah dijelaskan bahawa peruntukan Akta Tabung Angkatan Tentera sekarang hanya membolehkan keuntungan dibahagikan kepada anggota tetap Lain-lain Pangkat (LLP) dan pegawai yang masih dalam perkhidmatan yang masih lagi mencarum kepada LTAT. Anggota yang tidak lagi mencarum kepada LTAT tidaklah wajar menerima keuntungan daripada pelaburan LTAT.

Pindaan Rang Undang-undang yang dicadangkan sekarang ialah bagi tujuan membolehkan sebahagian daripada keuntungan pelaburan LTAT, seperti yang saya sebut tadi diperuntukkan kepada PERHEBAT supaya PERHEBAT dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti struktur ekonomi dan latihan untuk anggota yang telah bersara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Parit Sulong membangkitkan beberapa isu yang perlu diperjelaskan di sini. Yang pertamanya mengenai Askar Wataniah, mengikut Ahli Yang Berhormat tidak termasuk sebagai anggota Angkatan Tentera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera adalah sebenarnya mengiktiraf Askar Wataniah sebagai salah satu daripada komponen Angkatan Tentera Malaysia. Apabila dikerahkan mereka akan menikmati faedah yang serupa seperti dengan anggota-anggota Angkatan Tentera tetap yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan semua bekas-bekas tentera. Dalam hal ini PERHEBAT akan memberi bantuan yang sewajarnya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekadar ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pertahanan adakah Kementerian akan membuat siaran semula kepada badan-badan kerajaan yang banyak terbabit dengan

pengambilan kerja bekas-bekas tentera dan menyatakan seberapa jelas bahawa Askar Wataniah juga dikategorikan sebagai bekas tentera, untuk mengelakkan kekeliruan-kekeliruan yang sekarang ini menafikan peluang bekas Tentera Wataniah untuk berkhidmat umpamanya dengan Kerajaan-kerajaan Tempatan dan sebagainya?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Insha-Allah saya akan cuba usahakan selepas ini.

Mengenai isu kemalangan pesawat TUDM, perkara ini adalah luar bidang pindaan Rang Undang-undang yang sedang kita perbincangkan pada ketika ini dan perkara tersebut telah pun dijelaskan di Dewan ini di sesi yang diadakan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tambun mengenai pembelian.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Saya belum pernah mendengar penjelasan mengenai kemalangan kapal terbang di Labuan yang mengorbankan 3 orang juruterbang kita. Soalan saya adakah benar sewaktu jenazah salah seorang ataupun mungkin beberapa yang terkorban akan dibawa pulang ke daerah masing-masing, kapal terbang itu dipandu oleh Ketua Angkatan Tentera Udara sendiri dan hampir-hampir membabitkan para saudaramara ataupun kaum kerabat yang berada di dalam kapal terbang yang membawa jenazah dan kaum kerabat si malang itu sendiri?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ia terkeluar daripada bidang kuasa kita

pada ketika ini, saya bolehlah menyatakan bahawasanya memang ada sedikit kemalangan – bukan kemalangan, ada sedikit masalah teknikal yang berlaku semasa pesawat itu telah membawa mayat-mayat itu daripada Labuan balik ke Semenanjung dan terpaksa berhenti di Kuching untuk menukar pesawat. Tetapi itu adalah masalah yang tak dapat dielakkan, kerana accident ataupun kemalangan. Seperti mana yang berlaku didapati dalam surat khabar hari ini pun di manakah ada satu air-show, sebuah kapal terbang menjunam dan meletup, dan ada yang mati. Boleh berlaku, walaupun dalam keadaan yang kita sentiasa memastikan pesawat kita itu dalam keadaan yang servicenya itu baik. Tetapi itu satu perkara yang agak kecil, walau bagaimanapun tidak ada apa-apa kemalangan jiwa dan harta-benda berlaku. Alhamdulillah juga semuanya selamat dan mayat yang telah meninggal itu pun telah dapat dikebumikan dengan selamatnya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya benarkah kapal terbang itu dipandu sendiri boleh Ketua Angkatan Tentera Udara Malaysia, dan adakah Timbalan Menteri sedar trauma ataupun perasaan takut dan terkejut yang berlaku kepada keluarga yang berhadapan dengan kemalangan itu? Mengapa tidak kapal terbang itu – ini masalah akademi, tetapi saya harap perkara ini tidak berlaku lagi, kerana salah seorang yang terbabit adalah rakan karib saya. Saya harap perkara ini jangan dianggap perkara kecil. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri hampir-hampir, helikopter yang hendak mengambil/ menjemput Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri meletup. Ini bukan perkara kecil, Tuan

Yang di-Pertua. Saya harap perkara ini akan diambil satu pandangan dan tindakan kerja yang serius mengenai pengawalseliaan pesawat-pesawat udara TUDM.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che

Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pertahanan tak pernah tidak memandang serius tentang masalah-masalah setiap kemalangan yang menimpa mana-mana pesawat yang dipunyai oleh pihak kementerian. Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawasanya ia adalah merupakan masalah yang akan berterusan. Cuma kita dapat mengurangkan semimum mungkin kemalangan-kemalangan yang boleh berlaku terhadap anggota ataupun pesawat-pesawat yang dipunyai oleh pihak angkatan tentera.

Insya-Allah, pihak kementerian sentiasa mencuba untuk mengelakkan dan mengurangkan paling minimum kemalangan-kemalangan yang melibatkan mana-mana pesawat Angkatan Tentera Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu peka tentang pentingnya keselamatan kepada bukan sahaja anggota tentera kita, tetapi juga kepada lain-lain pihak yang kadang-kalanya terpaksa mengguna pesawat-pesawat yang dikendalikan oleh pihak ATM.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tambun mengenai pemberian faedah persaraan di bawah subseksyen 3(1), adalah dinyatakan bahawa dengan penubuhan Tabung Bekas Perajurit dan melalui penubuhan PERHEBAT pada 1hb September 1994, berbagai program serta ekonomi dan Skim Pinjaman Keusahawanan untuk bekas perajurit telah dapat dilaksanakan. Penyata kira-kira LTAT

bagi tahun 1993 tidaklah menunjukkan apa-apa aktiviti sosio-ekonomi. Mengikut Akta LTAT, pada masa itu LTAT tidak dibenarkan untuk menjayai program-program sosio-ekonomi untuk bekas perajurit sebab mengapa tak pun disenaraikan. Sebelum penubuhan PERHEBAT segala aktiviti dan program bekas perajurit di bawah pengendalian Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit (HEBAT). Kementerian Pertahanan telah pun membubarkan dan kini diganti pula dengan PERKEBAT.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat agar bekas perajurit diberi peluang untuk menceburi projek-projek LTAT sebagai projek vendor, LTAT melalui PERHEBAT akan cuba memberi lebih banyak peluang perniagaan kepada bekas-bekas perajurit, insya-Allah bagi masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan mencadangkan agar LTAT dapat menimbang untuk mewujudkan badan-badan, institusi-institusi pengajian bagi mewujudkan banyak lagi usahawan bumiputera ataupun mengajar dan mendidik mereka untuk menjadi orang-orang yang berguna selepas mereka bersara. Ini telah pun saya dan pihak umum dan Dewan ini telah diberitahukan bahawasanya PERHEBAT akan memainkan peranan yang utama untuk memastikan mereka yang bakal hendak bersara ataupun telah bersara mendapat sebagai kemudahan latihan. Malah pinjaman mahupun apa-apa bantuan agar mereka apabila bersara itu akan dapat terus hidup dengan keadaan yang sempurna. Apatah lagi mereka misalnya bersara daripada ATM, seperti mana yang kita sedia maklum, dalam usia yang agak atau masih muda lagi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ramai juga bekas-bekas perajurit ini terdiri daripada golongan rakyat yang termiskin. Jadi, apakah tindakan LTAT untuk membebaskan mereka ini daripada menjadi rakyat golongan termiskin. Berapa ramaikah bekas-bekas perajurit ini yang telah digolongkan di dalam golongan orang yang termiskin?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, sejak PERHEBAT ditubuhkan pada tahun sudah bulan Ogos, program-program yang telah pun dapat dilaksanakan bagi membantu orang yang termiskin itu adalah seperti berikut. Pihak PERHEBAT telah pun memberi bantuan sara hidup kepada 44 orang sejumlah RM21,900; bantuan sekolah – 21 orang, bantuan buku teks, pakaian seragam, bantuan peralatan-peralatan sekolah dan sebagainya serta bantuan-bantuan kepada orang yang memerlukan kursi roda ataupun kaki palsu dan sebagainya. Ini telah pun dibuat walaupun usia PERHEBAT baru setahun. Banyak lagi program-program yang lain akan dilaksanakan bagi memastikan bagi mereka yang benar-benar daif atau yang benar-benar miskin mendapat bantuan seperti yang telah pun dibuat walaupun umurnya baru hanya setahun.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi juga dapat menjawab soalan Yang Berhormat dari Batang Lupa tentang hasil daripada LTAT ini sama ada sampai kepada akar umbi. Dengan program-program kebajikan yang telah pun dirancang oleh PERHEBAT, maka mereka yang memerlukan dan sepatutnya mendapat perhatian dan sumbangan daripada Tabung

berkenaan itu akan insya-Allah akan terlaksana.

Tentang mengapakah elaun Wilayah.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak sempat mengambil bahagian dalam perdebatan, bolehkah Yang Berhormat.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, sila Yang Berhormat dari Kepong.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu mereka senyap sedikitlah. Tuan Yang di-Pertua apakah aset LTAT sekarang dengan digubalnya Tabung Bekas Perajurit? Apakah nilai aset sekarang diperolehi oleh LTAT, dan apakah dasar pelaburan sekarang?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, aset terkumpul yang terkini setakat ini belum dapat saya jelaskan. Dan keduanya, dasarnya ialah saya pun telah sebut, Ahli Yang Berhormat tadi tidak ada, tidak tahu dia di mana, saya telah sebut awal-awal lagi iaitu fungsi LTAT itu adalah jelas dan ianya adalah untuk memastikan kebajikan kepada mereka yang mencarum kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) itu mendapat jaminan bahawasanya apabila mereka bersara nanti, mereka akan mendapat faedah daripada caruman mereka di dalam LTAT. LTAT juga seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bergiat dalam berbagai-bagai bidang ekonomi untuk menambahkan pendapatan,

untuk dikumpulkan dan seterusnya pula, selepas kita pinda akta ini, menyalurkan sebahagian daripada pendapatan itu kepada kebajikan PERHEBAT.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mencuba untuk menjawab, tetapi maksud saya ialah, yang pertama, beliau memang tahu, perlu tahulah, walaupun bukan terkini, sekurang-kurangnya kita tahu saiz aset untuk LTAT itu penting. Bagi Padang Terap, dia memang tahu, ataupun Menteri Kewangan, dia mesti tahu. Sebelum kita bantangkan Rang Undang-undang ini, kita mesti tahu apakah jumlah aset yang diperolehi oleh LTAT? Itu yang pertama, walaupun bukan angka yang terkini.

Yang kedua, maksud saya mengenai pelaburannya, ialah, yang pertamanya sama ada pelaburan di dalam sekuriti-sekuriti kerajaan akan dikurangkan? Kalau itulah yang akan dibuat, adakah pelaburan ini akan dibuat ke dalam bon-bon? Kalau bon-bon, adakah bon cagarmas dan sebagainya? Itulah yang dimaksudkan oleh saya. Menteri Kewangan pun sekarang ini senyum juga, dia tahulah apa yang saya maksudkan. Adakah pelaburan ini akan dibuat di seberang laut, apakah asasnya dan adakah pihak LTAT akan mengadakan skim-skim insurans dan sebagainya? Inilah yang disebutkan kerana kita hendak mengadakan lebih banyak keuntungan, lebih banyak faedah untuk dibahagikan kepada perajurit-perajurit. Itulah maksud saya.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagi akaun yang berakhir tahun 1993 jumlah aset LTAT lebih kurang RM3,000 juta dan itu mengikut harga kos dan hampir RM7,000 juta mengikut harga pasaran,

ini adalah maklumat terakhir bagi aset terkumpul kepada LTAT. Cara-cara bagi LTAT, kita telah melantik orang-orang yang tertentu yang memang pakar dalam bidang-bidang yang tertentu sebagai ahli lembaga pengarah serta ahli pengurusan kepada LTAT. Saya yakin mereka tahu dan bijak untuk membuat dasar yang tertentu bagi memastikan yang LTAT ini tetap sihat dan mampu meraih keuntungan dalam mereka merencanakan program ekonomi dan perdagangan LTAT itu sendiri.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pertahanan akan sentiasa mengawasi agar mereka tidak tersilap langkah, yang boleh menyebabkan LTAT menghadapi masalah yang boleh merugikan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar ada membangkitkan tentang elaun wilayah, katanya mengapa kalau anggota daripada Semenanjung bertukar ke Sabah mendapat elaun wilayah dan sebaliknya tidak pula berlaku kepada mereka daripada Sabah dan Sarawak bekerja ditugaskan ke Semenanjung. Ini oleh kerana 'cost of living' di antara kedua-dua negara itu tidak sama, kita pun mengetahui bahawasanya 'cost of living' di Sabah dan Sarawak lebih tinggi berbanding dengan Semenanjung, itulah sebabnya mengapa sedikit elaun wilayah terpaksa diberi kepada mereka dari Semenanjung yang kena bertugas di sebelah Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan pekeliling ini, kalau tidak dibubar, dengan sendirinya kita mesti merealisasikan kehendak kerajaan sendiri. Elaun wilayah ini bukan elaun wilayah sahaja tetapi kemudahan tambang mengunjungi wilayah asal dua tahun sekalipun termasuk sama, jadi ini tidak ada terlibat dengan soalan berapa 'cost of living' di Sarawak, Sabah dengan Semenanjung, juga kemudahan rumah kerajaan, lain-lain elaun. Jadi, saya ingin tahu, sama ada pekeliling kerajaan ini sudah dibubar ataupun dipinda supaya menyesuaikan keadaan?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menimbang dari masa ke semasa akan membuat perubahan bila ianya perlu dibuat, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok mengatakan tadi bahawasanya LTAT tidak membantu terus kepada PERHEBAT. Ini sebelum akta dipinda, insya-Allah setelah akta dipinda, LTAT sekarang ini telah dibenarkan untuk menyumbangkan sedikit keuntungan kepada program dan aktiviti PERHEBAT. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu tentang jumlah peratusan yang harus disalurkan kepada PERHEBAT oleh LTAT sehingga 20% - 30% itu akan diberi pertimbangan oleh pihak yang berkenaan.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat itu bagi memastikan pihak anggota tentera apabila bersara dapat memperolehi rumah sendiri, memanglah itu merupakan hasrat pihak kementerian juga dan setakat ini masalah perumahan kepada anggota

tentera kita telah banyak dapat kita atasi dengan target telah melebihi 70% dan kementerian akan terus mempertingkatkan lagi bagi memastikan anggota tentera kita tetap mempunyai rumah dan pada tahun ini sahaja target kita ialah untuk mendirikan tidak kurang daripada 900 buah rumah bagi kepentingan anggota tentera yang sedang bertugas ataupun yang bakal bersara.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, maksud saya tadi bukan.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat! Minta jalan dahulu Yang Berhormat, dia beri jalan baru boleh berucap.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Minta maaf!

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan, yang saya maksudkan tadi, bukannya anggota tentera yang berkhidmat, tetapi ialah anggota tentera yang akan bersara. Jadi, mereka harus memperolehi perumahan dan perumahan ini harus mendapat wang pendahuluan daripada LTAT kepada anggota mereka yang wang pembayarannya akan diperolehi daripada ganjaran atau gratuity apabila mereka bersara, itu maksud saya.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya belum habis lagi, Yang Berhormat. Sebenarnya, saya mengatakan bahawasanya kita juga harus menentukan mereka yang bakal bersara kita minta dan kita merayu kepada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab hal ehwal tanah di negeri masing-masing agar memberi suatu pemerhatian yang khusus kepada bekas-bekas perajurit

disebabkan pengorbanan mereka menjaga keselamatan negara dan sebagainya, mereka ini harus diberi layanan dan pertimbangan. Kita juga bersetuju dengan Yang Berhormat dari Bagan Datok bahawasanya kita boleh membincangkan dan mencadangkan agar gratuity yang akan diperolehi oleh mereka yang akan bersara itu digunakan sebagai wang pendahuluan untuk mendapatkan tapak bagi membina rumah. Begitu juga kita akan berusaha meminta kepada Kerajaan-kerajaan Negeri agar memberi sedikit perhatian kepada mereka yang bersara itu untuk mendapat sebidang tanah untuk mereka boleh membuat rumah di atas asas bahawasanya mereka telah berkorban nyawa, jiwa dan raga mereka dalam masa yang paling baik bagi mereka semasa muda untuk mempertahankan dan menyelamatkan martabat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tentang.....

Tuan Noh bin Omar: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya inginkan penjelasan, mengenai bekas-bekas perajurit ini. Adakah pihak Kementerian Pertahanan bercadang untuk berbincang dengan kementerian-kementerian yang lain mengenai dari segi memberi kemudahan pinjaman kepada bekas-bekas perajurit yang ramai di antara mereka ini sudah ada kemahiran sebelum bersara kerana banyak kementerian, misalnya Kementerian Belia dan Sukan kalau hendak memberi pinjaman ada syaratnya iaitu berumur 40 tahun ke bawah, sedangkan kebanyakan bekas-bekas tentera ini mungkin umurnya sudah lebih dari 40 tahun baru bersara.

Jadi, adakah kementerian bercadang untuk memberi kelonggaran dan pengecualian dari segi umur supaya bekas-bekas perajurit ini mendapat kemudahan pinjaman daripada pihak-pihak kerajaan?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh membincangkannya dan begitu juga PERHEBAT dengan kerjasama Affin Bank akan juga membantu mereka yang memerlukan sumber kewangan untuk kegiatan ekonomi, perdagangan, perniagaan dan sebagainya. Insya-Allah setelah PERHEBAT dapat kita mantapkan daripada segi tugas dan tanggungjawabnya, saya yakin dan percaya PERHEBAT dengan kerjasama bank-bank yang berkenaan itu akan dapat membantu mereka yang memerlukan sumber kewangan bagi mereka meneruskan kegiatan mereka selepas mereka bersara.

Berkenaan dengan PERNAMA seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok, saya ingin menyatakan bahawasanya Ahli Yang Berhormat dari Tambun juga ada membangkitkan tentang 'NAAFI' yang telah pun dihentikan, tetapi kini kita telah pun tukarkan sejak tahun 1982 kepada PERNAMA, yang juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok. Setakat ini kita sudah ada lebih kurang 69 buah rangkaian kedai PERNAMA ini di kem-kem ATM di seluruh negara. Tentang adanya penyelewengan dan kurang kawalan oleh ATM dan sebagainya, pihak Kementerian akan mengambil perhatian, kerana ia datang daripada seorang yang pernah bertugas dengan Kementerian Pertahanan dan insya-Allah, selepas kita dapat memastikan masalah-masalah dan kekurangan-kekurangan, kita akan cuba mengatasinya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Akhir sekali, Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyentuh tentang sama ada kita boleh pastikan wang yang dipungut oleh Tabung Angkatan Tentera ini tidak akan disalahgunakan oleh mana-mana pihak. Insya-Allah, Kementerian Pertahanan sebagai badan yang mengawal segala program LTAT dan TAT ini, akan cuba sedaya upaya agar apa sahaja penyelewengan itu dapat dielakkan sebaik mungkin. Juga tentang sama ada kita boleh pastikan faedah-faedah akan sampai kepada ahli-ahli, itupun kita akan usahakan melalui PERHEBAT, khususnya. Tentang soalan khusus itu saya minta pihak kementerian untuk menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja lebih kurang beberapa perkara yang dapat saya jawab sebagai penerangan saya ataupun jawapan saya terhadap beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil kesempatan untuk berbahas dalam Rang Undang-undang ini. Perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab tadi akan diambil kira dan insya-Allah kita akan bertindak mengikut keadaan dari masa ke semasa. Oleh itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Wakil-wakil Rakyat dan Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

4.06 ptg.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 (FIA) telah mula berkuatkuasa pada 1 Mac, 1993 serentak dengan penubuhan Suruhanjaya Sekuriti. FIA telah meletakkan Suruhanjaya Sekuriti sebagai pihak berkuasa utama dalam mengawal selia industri niaga hadapan di Malaysia. Sejak penubuhannya kira-kira dua setengah tahun yang lalu, Suruhanjaya Sekuriti telah mengikuti dengan rapi perkembangan industri niaga hadapan di seluruh dunia sebagai persediaan ke arah mewujudkan pasaran niaga hadapan di negara kita.

Suruhanjaya telah juga secara aktif berunding dan berbincang dengan peserta pasaran termasuk Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange (KLOFFE) dan Malaysia Monetary Exchange yang dulunya Kuala Lumpur Futures Market (KLFM) serta badan-badan pengawalselia lain di dalam dan di luar Malaysia mengenai prinsip yang perlu bagi pembangunan dan pengawalseliaan industri niaga hadapan di Malaysia. Suruhanjaya juga telah mengenalpasti pindaan yang perlu kepada rangka kawal-selia yang sedia ada untuk memastikan kewujudan pasaran teratur di Malaysia.

Kerugian yang dialami oleh Perbadanan di rantau Asia dan di seluruh dunia yang dihebahkan baru-baru ini telah menekankan betapa perlunya pengawasan rapi ke atas aktiviti pasaran derivatif dagangan-bursa dan atas-kaunter. Laporan yang telah diterbitkan dalam dua tahun yang lepas oleh Group of Thirty, United States General Accounting Office, Futures Industry Association dan International Organisation of Securities Commissions (IOSCO) telah juga menyarankan kerja sama rapat di antara pengawal selia pasaran modal di seluruh dunia dalam mengawasi aktiviti derivatif dan juga pindaan kepada undang-undang, terutamanya undang-undang dan prosiding ketidaksolvenan bagi tujuan mewujudkan kepastian undang-undang dan mengekalkan kestabilan sistemik.

Dengan itu pindaan sewajarnya dirasakan perlu ke atas FIA bagi pembangunan teratur pasaran modal yang cekap, telus, adil, profesional dan berdaya-saing. Pindaan ini juga perlu untuk membolehkan kedua-dua, KLOFFE dan Malaysia Monetary Exchange memulakan pasaran niaga

hadapan dalam satu rangka kawal seliaan yang kukuh dan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan utama yang dicadangkan pada amnya meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Fasal 4 Akta ini bertujuan untuk meminda beberapa takrif penting iaitu "kontrak niaga hadapan", "berdagang dalam pasaran niaga hadapan", "pasaran niaga hadapan" dan "pusat penjelasan". Ini untuk memperkenalkan takrif baru dan memperkemaskan beberapa takrif yang sedia ada.
- (ii) Fasal 7 Akta ini memasukkan seksyen 3A yang baru bagi memberi kuasa kepada Menteri mengecualikan pasaran niaga hadapan dari operasi FIA. Ini menggalakkan pembaharuan dan persaingan dalam pasaran niaga hadapan kerana ada kalanya urusan dijalankan dalam keadaan tertentu yang tidak memerlukan pematuhan sepenuhnya peruntukan FIA.
- (iii) Fasal-fasal 9, 10, 11 dan 13 bertujuan meminda seksyen 4, 5, 6 dan 7 untuk membolehkan pengawasan yang lebih rapi dan berkesan ke atas syarikat bursa misalnya prosedur bagi meluluskan kaedah perniagaan sesuatu syarikat bursa.
- (iv) Pusat penjelasan untuk bursa niaga hadapan memainkan peranan yang penting dalam memelihara stabiliti sistemik pasaran niaga hadapan yang dijalankan oleh bursa.

Fungsi utamanya adalah untuk memastikan modal dan kewangan ahli

penjelasan mencukupi, menjamin pelaksanaan kewangan semua kontrak niaga hadapan dengan menggantikan dirinya sebagai pihak yang bertentangan kepada pembeli atau penjual yang berkenaan di bawah setiap kontrak, mengendali pengurusan risiko dengan menilai dan memanggil untuk pembayaran margin dalam hal obligasi ahli, penjelasan yang belum diselesaikan di bawah kontrak niaga hadapan yang merujuk kepada mereka, mengatur penyelesaian dana ketika pembubaran dan kematangan kontrak niaga hadapan, mengurus kedudukan terbuka dan akaun klien ahli penjelasan, broker yang engkar atau tidak 'solven'.

Pada masa ini, pusat penjelasan tidak diluluskan secara berasingan oleh menteri. Sesebuah pusat penjelasan mengikut takrifnya dalam FIA mesti menjadi sebahagian dari bursa niaga hadapan dan tidak boleh wujud secara tersendiri.

Salah satu pra-syarat untuk kelulusan menteri di bawah seksyen 4 FIA, adalah penubuhan oleh bursa sebuah pusat penjelasan yang akan menjelaskan kontrak niaga hadapan yang didagangkan. Fasal 12 mewujudkan seksyen 6A hingga 6E mengenai pusat penjelasan. Seksyen 6A ialah mengenai larangan ke atas penubuhan pusat penjelasan yang tidak diluluskan. 6C mengenai pengurusan. 6D kelulusan kaedah perniagaan. 6E mengenai pengekal kesahan (validity) kontrak niaga hadapan. Fasal 16 bertujuan meminda seksyen 9. Memberi kuasa kepada menteri untuk menutup bursa dalam keadaan darurat seperti apabila berlaku bencana alam atau wujud krisis ekonomi atau kewangan. Fasal 17 bertujuan meminda seksyen 10 dengan memasukkan jenis tindakan yang boleh diambil oleh suruhanjaya dalam mana-mana keadaan.

Fasal 22 bertujuan meminda seksyen 15 untuk memperluaskan bidang kuasa yang terkandung dalam subseksyen 15(2) dan untuk membolehkan suruhanjaya mengambil pelbagai tindakan. Fasal 24 hingga 46 Akta bertujuan meminda pelbagai seksyen dalam bahagian 3 untuk menggambarkan keputusan yang telah dibuat, memindahkan kuasa pelesenan dari pegawai pelesen kepada Suruhanjaya Sekuriti. Fasal 26 bertujuan untuk memasukkan seksyen 16A yang baru untuk mengurus pelesenan, mengurus dana niaga hadapan. Fasal 57 bertujuan untuk meminda seksyen 49 bagi membolehkan nota kontrak yang berhubung dengan kesemua jenis kontrak niaga hadapan untuk ditetapkan dalam peraturan. Penetapan melalui peraturan adalah perlu untuk mengawalselia dengan berkesan dan tegas.

Fasal 60 bertujuan untuk meminda seksyen 52 untuk menjelaskan obligasi broker niaga hadapan untuk membuka dan menyelenggara akaun terasing dan mengalih konsep akaun amanah dari peruntukan seksyen. Ianya perlu dijelaskan bahawa wang yang didepositkan dengan broker sebagai margin tidak boleh dipegang atas amanah tetapi hendaklah digunakan oleh pusat penjelasan yang menjelaskan kontrak dalam mana margin tersebut berhubung terutamanya jika berlaku ketidaksolvenan broker atau klien.

Fasal-fasal 65 hingga 77 bertujuan membatalkan beberapa peruntukan mengenai tabung kesetiaan yang sedia ada. Sifat prosedur dan cara penyelesaian tuntutan akan diperuntukkan dalam peraturan yang dibuat mengenai tabung kesetiaan bagi industri niaga hadapan.

Fasal 42 bertujuan membatalkan seksyen 31 diganti dengan seksyen 87A yang baru, yang memperuntukkan suatu kesalahan yang lebih luas berkenaan dengan pemberian kenyataan palsu. Seksyen 31 hanya melibatkan pemberian kenyataan palsu pada pegawai pelesen. Seksyen 87A yang baru dimasukkan bagi mengadakan satu kesalahan berhubung dengan pemberian kenyataan palsu kepada suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah sesuai dan penting bagi mewujudkan asas perundangan yang kukuh untuk merangsang pertumbuhan industri niaga hadapan di negara kita. Dalam usaha membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat pasaran modal di rantau ini, kerajaan peka akan peri pentingnya membangunkan pasaran yang lebih canggih dan dipelbagaikan bagi memenuhi kepelbagaian risiko para pelabur.

Langkah tersebut adalah tuntas dengan hasrat meliberalisasi secara berterusan yang juga akan ternampak dalam pindaan yang akan dibentangkan untuk Bacaan Kedua di Dewan ini pada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan seterusnya pada Undang-undang Sekuriti yang lain. Kita berhasrat membangunkan pasaran modal yang maju dan dapat berdaya saing dalam usaha mengembleng dana untuk menjamin kemampanan pertumbuhan ekonomi negara.

Namun, kita juga harus prihatin dengan masalah-masalah sampingan yang mungkin muncul bersama liberalisasi. Justeru itu, kita perlu belajar dari pengalaman dan perlu memastikan gejala negatif yang berlaku pada pasaran niaga hadapan di

beberapa negara lain tidak menjangkiti negara kita apabila urusan niaga pasaran niaga hadapan dimulakan nanti. Kita akan pastikan operasi pasaran dan pengawal seliaan berjalan dengan lancar. Kita menjelaskan dengan terperinci takrif-takrif berkenaan dengan ketat dan tidak terbuka kepada tindakan undang-undang berlandaskan kepada pentakrifan yang mungkin mengancam keutuhan pasaran. Kita memberi tekanan terhadap pusat penjelasan yang memainkan peranan penting dalam mengurus risiko pasaran serta penjelasan dagangan.

Kuasa dan tanggungjawab yang jelas diberikan kepada Menteri Kewangan dan Suruhanjaya Sekuriti bagi menentukan agar amalan kurang sihat tidak berlaku di pasaran. Yang ingin kita capai ialah penubuhan rangka pengawalan yang liberal tetapi pada masa yang sama, kita memberi kuasa dan tanggungjawab kawalan yang berkesan dan ketat agar tidak ada yang cuba menyalahgunakan kelonggaran yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

4.13 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua,

pertama sekali saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang mengambil tindakan proaktif terhadap industri pasaran hadapan di negara kita ini yang akan bermula tidak lama lagi.

Saya menyokong penuh pindaan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 ini yang dibincangkan di Dewan yang mulia pada petang ini.

Dalam perbincangan ini, saya hanya akan menumpukan kepada beberapa masalah mengenai derivatif kewangan iaitu satu realiti yang baru di negara kita. Derivatif kewangan adalah satu bentuk perantaraan kewangan yang penting. Aktiviti ini membabitkan urusan niaga di pasaran antarabangsa semakin berkembang dengan pesatnya. Memang urusan niaga derivatif ini merupakan suatu elemen urusan niaga yang baru dan mungkin belum dikenali secara dekat dan lebih meluas oleh majoriti masyarakat umum di Malaysia.

Bagaimanapun, saya yakin dan sedar bahawa urusan niaga derivatif sememangnya berkait rapat dengan pengurusan risiko, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, menurut sejarahnya, kalau saya tidak silap, derivatif kewangan yang wujud sekarang ini telah pun wujud sejak kurun yang ke-19 di Amerika Syarikat dan kini mencatatkan urusan niaga di seluruh dunia yang besar, iaitu melebihi jumlah US\$16 trilion.

Ini membuktikan bahawa urusan niaga ini penting dan menguntungkan dengan syarat ianya dikawalselia dengan cermat, berhemat, pragmatik dan bijaksana. Jika tidak, akan terjadilah kes-kes sebagaimana yang telah pun

dibayangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah pun dilaporkan secara meluas baru-baru ini iaitu kes-kes kerugian yang melibatkan urus niaga derivatif, seperti yang telah berlaku dua atau tiga tahun yang lalu.

Kes-kes yang kita tahu membabitkan beberapa syarikat dan yang paling terakhir adalah Syarikat Barings DLC, iaitu sebuah bank yang tertua di England yang membabitkan Berjaya Corporation Camen Limited yang membabitkan Procter and Gamble dan beberapa lagi syarikat yang terbesar di dunia. Dan juga kes yang telah secara tidak langsung memasyhurkan seorang yang terlalu ghairah di pasaran ini bernama Nick Leeson yang baru sahaja berumur 28 tahun.

Oleh itu, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Malaysia yang mengambil langkah-langkah kawalseliaan yang ketat menerusi pindaan terhadap Akta ini. Untuk memastikan bahawa urus niaga derivatif ini adalah urus niaga yang akan berwibawa, bermaruah, yang berhemat dan tidak akan merugikan Malaysia ataupun menjejaskan kewibawaan dan integriti kewangan negara ini.

Saya yakin dan percaya, sebagaimana yang telah pun dijelaskan, bahawa sebahagian dari pindaan ini adalah didorong oleh pengalaman-pengalaman kerugian di seluruh dunia seperti yang saya sebutkan tadi. Saya juga yakin dan percaya bahawa pindaan ini juga bertujuan menghapuskan segala kebimbangan masyarakat umum terhadap derivatif sebagai satu instrument yang sukar difahami dan boleh menyebabkan kerugian besar

kepada pengguna yang tidak sedar akan bahaya derivatif yang tidak diurus secara berhemat, secara cermat dan secara bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, memang telah diketahui umum bahawa sebahagian kes-kes kerugian yang saya sebutkan tadi adalah akibat penyalahgunaan instrument derivatif itu sendiri. Ini bermakna telah terdapat elemen-elemen dan amalan-amalan negatif di dalam kalangan individu ataupun syarikat yang mengendalikan urus niaga derivatif.

Oleh itu, saya menyeru agar kerajaan kita, iaitu Kerajaan Malaysia memberi penjelasan dan bimbingan yang sewajar-wajarnya kepada masyarakat umum di Malaysia yang ingin menceburkan diri dalam urus niaga derivatif. Memang Suruhanjaya Sekuriti pimpinan Yang Berbahagia, Saudara Dato' Dr. Munir Majid memang telah menjalankan usaha-usaha membimbing serta mendidik bakal-bakal operator urus niaga derivatif di negara ini kerana memang sewajarnya fungsi pengawasan sekuriti adalah termasuk pengawasan aktiviti perdagangan bagi memastikan integriti pasaran.

Selain mendidik dan membimbing berbagai bursa dan agensinya terhadap derivatif, saya berharap Suruhanjaya Sekuriti juga akan dipertanggungjawabkan untuk membimbing dan mendidik individu-individu Malaysia yang berminat untuk menceburi urus niaga derivatif ini.

Usaha-usaha seperti ini perlu dan penting kerana saya bimbang akan wujud syarikat-syarikat dan individu-individu yang membabitkan diri dalam urusniaga derivatif secara 'sembrono' - secara tidak mahu mengetahui dan tidak mempunyai pengalaman yang luas untuk

mbolehkan mereka menilai potensi risiko yang mungkin dialami kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, izinkan saya meminjam sebahagian dari artikel mengenai derivatif kewangan yang terkandung di dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 1994. Artikel tersebut, antara lainnya menyatakan bahawa sebab sebenar di sebalik kerugian yang berlaku di dalam urus niaga derivatif dua atau tiga tahun yang lalu adalah kelemahan kawalan oleh pihak pengurusan ke atas urus niaga derivatif itu sendiri.

Oleh itu, artikel berkenaan mencadangkan supaya, sebelum sesebuah syarikat ataupun mungkin individu melibatkan diri di dalam aktiviti derivatif, syarat-syarat berikut mestilah dipatuhi:

- (i) memahami sepenuhnya ciri-ciri instrument derivatif;
- (ii) menimbang dengan sepeh-penuhnya segala skop aktiviti derivatif;
- (iii) mengambil kira semua risiko yang berkaitan dengan aktiviti derivatif;
- (iv) menubuhkan mekanisme yang sesuai untuk mengukur dan menilai risiko yang mungkin timbul dari urus niaga derivatif;
- (v) mengambil langkah tegas untuk mengurang ataupun mengurus risiko;
- (vi) memastikan cara urus niaga derivatif dilaporkan adalah memadai dan dalam bentuk yang sesuai bagi memberi gambaran yang betul dan tepat terhadap isi dan keuntungan urus niaga tersebut.

Keenam-enam syarat ini dibayangkan oleh pihak Bank Negara

sebagai satu cara untuk kita mengelakkan perkara-perkara negatif dan amalan-amalan negatif di dalam urus niaga derivatif yang mungkin ataupun yang akan diwujudkan di negara ini tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berharap Suruhanjaya Sekuriti yang dipertanggungjawab terhadap kawalseliaan terhadap urus niaga derivatif akan meneliti saranan-saranan yang terkandung dalam artikel ini sebagai salah satu sumber untuk memperkukuhkan lagi dan memperketatkan lagi mekanisme kawalan terhadap puak-puak dan pihak-pihak yang cuba ataupun mempunyai potensi untuk cuba menyeleweng dan menegatiskan pelaburan derivatif di Malaysia di masa akan datang.

Dalam konteks ini juga, saya berharap agar Kerajaan Malaysia serta agensi-agensinya mengesan kegiatan mengambil risiko berlebihan yang mungkin akan dilakukan oleh syarikat-syarikat yang akan membabitkan diri dalam urus niaga derivatif kelak.

Saya bangkitkan perkara ini oleh kerana bank yang tertua di England, iaitu Barings Limited tumbang dan muflis oleh kerana brokernya yang mengurusniaga di Singapura terlalu ghairah mengambil risiko dan tidak diberi ingatan oleh pihak atasannya. Akibat keghairahan membabitkan diri dalam pasaran derivatif di Indeks Nikkei di Jepun, maka individu yang bernama Nick Leeson pun terus mengaut untung demi keuntungan dan tanpa mengambil kira langsung ramalan-ramalan bahawa suatu perkara yang negatif akan berlaku.

Akibatnya, bank yang tertua di England terjunam dan muflis. Perkara ini harus dijadikan satu pengalaman yang mendorong Securities Commission

ataupun Suruhanjaya Sekuriti dan agensi-agensi kawalan lain di negara ini supaya apabila sesuatu syarikat yang mengurusniagakan derivatif beroperasi di negara ini supaya dapat dikesan usaha-usaha ataupun sebarang potensi untuk terlalu ghairah mengambil keuntungan dan terus-menerus melupakan risiko yang berhadapan dengan perniagaan itu sendiri.

Seterusnya saya berharap pihak kerajaan dan agensinya akan menerangkan kepada masyarakat umum yang akan menceburi dunia derivatif bahawa urus niaga derivatif yang lebih bersikap spekulasi ini dan urus niaga yang berisiko tinggi ini adalah bukannya sama dengan perjudian direct yang berlaku di kasino-kasino. Saya minta perkara ini diperjelaskan oleh kerana elemen spekulasi, elemen perjudian juga wujud dalam perniagaan derivatif. Apatah lagi apabila untuk melibatkan diri dalam urus niaga ini memerlukan modal yang kecil. Jadi, ini mungkin mendorong banyak peserta. Jadi, jelaskanlah kepada masyarakat umum di Malaysia, jangan bergantung kepada nasib sahaja bila memasuki urus niaga derivatif. Mereka harus mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam dan mengetahui fundamental-fundamental yang terbabit. Saya harap Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak yang bertanggungjawab akan menjelaskan kepada masyarakat umum bahawa walaupun urus niaga derivatif sebagaimana saya katakan hanya memerlukan mungkin modal pelaburan yang kecil, ianya tetap akan merugikan jika instrumen derivatif itu sendiri digunakan untuk tujuan spekulasi yang sembrono dan mungkin membabi buta. Jelaskanlah kepada umum bahawa walaupun jenis-jenis risiko dalam urus niaga derivatif kewangan tidak jauh bezanya dengan risiko-risiko yang terdapat di dalam instrumen kewangan tradisional, pihak umum harus

diingatkan bahawa kadang-kadang ciri-ciri risiko derivatif itu sendiri boleh mengaburi kita untuk menganalisa jenis-jenis risiko yang boleh membawa kepada kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya timbulkan di dalam perbincangan ini ialah soal kebolehan Malaysia secara amnya untuk menguruskan risiko di dalam urus niaga derivatif. Dalam hubungan ini, saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyatakan kepada Dewan yang mulia ini, adakah benar atau tidak bahawa kebolehan Malaysia untuk mengurus risiko urus niaga derivatif sekarang ini adalah terhad dan bank-bank di negara ini bergantung hampir keseluruhannya kepada institusi luar negeri untuk melindungi nilai produk yang ditawarkan kepada pelanggan atau klien masing-masing? Hakikat ini sekiranya dibuktikan benar, mestilah diatasi segera supaya institusi yang mengurusniagakan derivatif di negara ini mengurangkan atau menghapuskan terus pergantungan mereka kepada kepakaran luar di dalam hal ehwal derivatif ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mendapatkan penjelasan lanjut terhadap seksyen 8 Akta ini yang membolehkan Menteri mengisytiharkan sesuatu pasaran niaga hadapan sebagai satu pasaran niaga hadapan yang terkecuali dari operasi Akta Perindustrian Niagahadapan (FIA). Bila seksyen ini berkuatkuasa kelak, bagaimanakah sesuatu pasaran niaga hadapan seperti ini akan dikawal, siapakah yang akan bertanggungjawab jika berlaku penyelewengan dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya memohon untuk menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka.

4.33 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana sudi memberikan lebih masa kepada Ahli-ahli Parlimen untuk meneliti Rang Undang-undang ini. Tetapi bolehkah saya meminta lain kali bahawa Aturan Urusan Mesyuarat yang ditetapkan boleh diikuti kerana pada minggu yang lepas Rang Undang-undang Niaga Hadapan ini ditetapkan sebagai Rang Undang-undang yang terakhir. Tetapi untuk hari Isnin pula, ia telah didahulukan berbanding dengan semua Rang Undang-undang lain dan saya rasa ini agak kelam kabut sedikit dan menyusahkan Ahli-ahli Parlimen yang bersedia tetapi tidak begitu bersedia untuk membahaskan Rang Undang-undang yang penting ini. Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara ini dapat diberikan perhatian oleh pihak urus setia.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan, pindaan ke atas Rang Undang-undang ini adalah suatu pindaan yang amat penting kepada negara kita memandangkan kita menghadapi banyak risiko semasa menjalankan pasaran terkini dan paling canggih. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua, sebuah bank, merchant bank dengan izin. Tadi Yang Berhormat dari Parit Sulong mengatakan bank yang tertua di England. Bukan bank tertua, Merchant Bank yang tertua di England. Ada perbezaan – jenis bank. Merchant Bank yang tertua di England – Barings Bank terpaksa gulung tikar kerana kegiatan seorang peniaga – Nick Leeson. Di mana hampir 25 juta paun habis kerana dia memperjudikan wang Barings dalam indeks pasaran saham di Jepun. Kalau perkara ini berulang

di Malaysia, saya rasa ia akan ditutup oleh pihak kerajaan. Saya berkata demikian kerana memang sudah ada kejadian di mana sebuah bank menceburkan diri dalam futures trading dan mengalami kerugian yang amat besar tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil oleh pihak kerajaan. Ini bukan bank biasa, bank ini Bank Negara Malaysia di mana dalam forex trading termasuk juga forward forex transaction.

Kalau kita meninjau laporan Bank Negara Malaysia, nyata mereka pun terlibat dalam futures transaction, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Bank Negara Malaysia sendiri telah mengalami kerugian. Kalau Bank Negara Malaysia kita yang terlibat dalam contract futures trading boleh mengalami kerugian tetapi tidak ada sebarang tindakan tegas diambil oleh pihak kerajaan, macam mana kita hendak mengawal, menguruskan, memastikan bahawa perindustrian niaga hadapan kita terancang, teratur dan mengikut istilah-istilah yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi memastikan pembangunan teratur pasaran modal yang cekap, telus, adil, profesional dan berdaya saing.

Saya tidak nampak macam mana kita boleh mencapai hasrat ini apabila semasa Bank Negara Malaysia menghadapi kerugian yang amat besar, kerajaan cuba tutup skandal ini. Sehingga hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu apakah jumlah kerugian yang dialami oleh Bank Negara Malaysia. Sungguhpun pada tahun 1992 mereka menyatakan RM10.1 bilion. Pada tahun 1993, mereka mengatakan RM6.5 bilion tetapi kemungkinan besar setakat RM30 bilion telah hilang oleh Bank Negara Malaysia kerana terlibat secara tidak bertanggungjawab dalam pasaran niaga hadapan dan forex transaction, dengan izin Tuan Yang

di-Pertua. Apa yang lebih mengejutkan lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam kerugian yang dialami oleh Bank Negara Malaysia dalam forex transaction dan juga forward forex transaction ialah pengakuan oleh pihak Gabenor Bank Negara Malaysia baru, Tan Sri Ahmad Don bahawa sebelum beliau mengambil alih tugasnya, tidak ada sebarang had (limit) yang ditetapkan ke atas jumlah atau volume yang boleh diperdagangkan oleh seorang dealer Bank Negara Malaysia. Ini yang amat mengejutkan, Tuan Yang di-Pertua. Kerana kalau ini adalah benar, ini bermakna seorang boleh menjualkan khazanah rakyat seperti yang dilakukan oleh Nick Leeson. Jangan kita ingat bahawa hanya ada Nick Leeson berlaku di luar negara. Mungkin sudah berlaku di negara kita, kita pun tidak sedar atau kerajaan sedar tetapi tidak mahu ambil tindakan. Ini yang berlaku dalam skandal kerugian forex Bank Negara Malaysia. No limit, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, on the amount or volume that can be traded by a forex dealer on behalf of Bank Negara Malaysia. Apa ini? Satu perkara yang amat basic sekali. Tidak ada limit. Dia boleh perdagangan berbilion-bilion kalau dia suka. Baik, kalau seorang dealer hari ini "mood"nya baik, dia rasa dia bernasib baik. Kalau nasibnya baik, dia cakap, "Okay boleh taruh lebih tinggi sedikit". Macam 'chip'lah. Ini bukan wang dia. Ini wang rakyat tetapi dia boleh memperjudikan atau cuba nasib untuk volume yang lebih tinggi. RM1 bilion atau RM2 bilion. Lain hari mungkin ia berkurangan. Tetapi tidak ada limit yang ditetapkan dan inilah yang menyebabkan kerugian yang amat tinggi. Sehingga hari ini kita tidak tahu. Di antara RM16 bilion, RM16.5 bilion mengikut secara rasmi dari Bank Negara Malaysia hingga

RM30 bilion. Anggaran-anggaran atau analisa pengurus dana wang asing.

Saya amat terkejut kalau Bank Negara sebagai regulator untuk semua bank tidak mengikut peraturan yang begitu asas sekali. Macam mana kita boleh pastikan bahawa risk management, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua atau pengawalan risiko ini boleh dijalankan dengan terancang dan teratur.

Saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa futures trading ini adalah dalam berbagai-bagai bentuk dan yang sungguh canggih dan sungguh sukar difahami oleh orang biasa, termasuk saya rasa, para akauntan. Walaupun mereka bukan 'gila', amat sukar untuk memahami sistem atau proses semua instrument atau semua alat kewangan ini diperdagangkan.

Saya amat khuatir, kalau pengurusan yang terperinci tidak dijalankan, mungkin kita akan menghadapi skandal yang lebih besar, kerugian kewangan yang lebih besar. Yang penting sekali, saya ingin mendapat tahu daripada pihak Kementerian Kewangan, daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apakah jaminan yang boleh beliau berikan untuk memastikan bahawa skandal yang berlaku dalam Barings Merchant Bank, pasaran derivative oleh rouge trader, Nick Leason tidak akan berlaku di Malaysia. Kalau dalam sesuatu Merchant Bank terunggul seperti Barings, penipuan yang begitu besar boleh berlaku untuk sebuah negara yang membangun dan masih belajar tentang pasaran modal, pasaran niaga hadapan yang canggih baru-baru ini. Saya amat khuatir, kita mungkin boleh ditipu dengan lebih besar lagi oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Minta penjelasan sedikit. Ramai orang yang berbincang mengenai masalah industri 'the future derivative' ini banyak memetik tentang contoh Nick Leason, tetapi kadangkang orang tidak tahu kalau banyak dibaca, bahawa permasalahan yang dihadapi ataupun menimpa Barings ini bukan sekadar hanya oleh seorang individu 'Leason' sahaja.

Sekarang banyak kertas dan pandangan mengatakan bahawa pengurusan Barings sendiri terlibat, sebab mereka dapati bahawa pendapatan mereka daripada perniagaan Merchant Banking yang biasa tidak mendapat keuntungan yang besar. Oleh kerana itu pengurusan yang tinggi di London seperti hanya menutup mata kepada usaha dan trading risiko tinggi, yang dikendalikan oleh Leason di Singapura. Adakah Yang Berhormat sedar tentang perkara ini, bahawa tidak begitu tepat kita mengatakan mengenai permasalahan yang menimpa Barings itu hanya oleh seorang individu, banyak sekarang pemahaman melalui akhbar-akhbar yang kita baca bahawa pengurusan tertinggi Barings sendiri memang tahu yang di Singapura itu mengambil risiko yang tinggi, tetapi dibiarkan, ditutup matanya sebab ia membawa keuntungan yang besar? Misalnya pada Ahad, sebelum keputusan dibuat oleh Central Bank di England tidak memberikan sokongan kepada merchant bank ini, mereka dalam rescue plan yang dikemukakan oleh

Barings ini mahu supaya bonus pengurusan tertinggi Barings itu juga dibayar. Saya minta penjelasan sedikit dalam perkara ini?

Tuan Lim Guan Eng: Apa yang disebutkan sendiri oleh Yang Berhormat memang betul. Apa yang saya kata tadi, bahawa apa yang berlaku dalam Barings Merchant Bank, telah berlaku di Bank Negara Malaysia – keadaan yang sama, di mana pihak pengurusan mahu keuntungan yang besar i.e. in ten years tanpa sebarang titik peluh mereka, mereka membenarkan Nick Leason, no limit tentang volume yang boleh diperdagangkan – no limit atau kalau ada limit, sungguhpun audit kawalan telah membuat laporan tertentu, mereka menutupnya sahaja.

Saya rasa Yang Berhormat pun tahu bahawa satu audit dalaman telah dibuat oleh Barings Merchant Bank yang telah dilaporkan oleh pihak pengurusan tertinggi di London, tetapi mereka tidak mengambil sebarang tindakan, kerana they were seduced, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, they were seduced by the possibility of immense profit, that they cannot earn in ten years. Yang Nick Leason boleh untung dalam tempoh masa satu tahun dan perkara ini juga berlaku di Bank Negara Malaysia, sehingga kita mengalami kerugian di antara RM15 bilion hingga RM30 bilion. Kita bernasib baik tidak bankrap macam Barings Merchant Bank di Singapura....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti sekejap, saya akan beri, biarkan saya habis ungkapan itu.

Kita mungkin bernasib baik sedikit, tetapi dari segi accounting Bank

Negara dalam tahun 1993 memang insolvent. Tetapi oleh kerana di belakangnya ada Kerajaan Malaysia, jadi tidak insolvent. Dari segi accounting – insolvent, kalau kita hendak cakap lebih 'layman term' atau dalam bahasa pasar sedikit 'bankrap', Bank Negara sudah bankrap, tahukah? Kalau dikira dari segi accounting – bankrap, insolvent mean bankrap, tetapi oleh kerana ada backing daripada Kerajaan Malaysia – tidak berlaku.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Ya, kawan saya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Terima kasih. Yang Berhormat dari Kota Melaka, apabila menjawab pertanyaan saya, penjelasan saya tadi cuba mengaitkan, mengandaikan bahawa mereka atau ketokohan yang menguruskan Barings adalah ketokohan yang kita ada di negara kita menguruskan Bank Negara, saya ingat itu amat malanglah.

Saya nampak tidak wajar kita kait, yang itu berbeza. Bank Negara tujuannya bukan mendapat untung, tugas Bank Negara memastikan kedudukan kewangan kita tetap dan teguh, bottom line is not their business, bottom line itu menjaga supaya ekonomi negara kita kukuh, kedudukan kewangan kita teguh. Saya rasa ini amat malang sedikitlah, hendak kaitkan begitu, saya malas hendak kata kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka cuba mendapatkan satu publisiti politik yang murah. Saya yakin Yang Berhormat dari Kota Melaka

tidak begitu. Tetapi saya tidak benarlah, kita hendak kaitkan bahawa permasalahan, keangkuhan pengurusan Barings itu dikaitkan sama dengan pengurusan Bank Negara, pengurusan kewangan yang ada di negara kita. Saya rasa, elok kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka tarik sedikit, perkara itu tidak benar.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, I stand by what I said dan saya tidak akan tarik langsung, kerana ini ialah benar. Kalau kita rujuk kepada Laporan Bank Negara tahun 1992 dalam notes to the accounts. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah laporan dalam bahasa Inggeris.

'Notes to the accounts for 31st December, 1992 that appeared in Bank Negara's Balance Sheet:

- (i) RM800 million was transferred to other reserve account from general reserve fund.
- (ii) Contingent liabilities include RM2,704 million being nett liability on forward foreign exchange transaction – futures itulah.

Tahun 1993 – sama; contingent liabilities include RM1,414 million being nett liability on forward foreign exchange transaction.

Bolehkah Yang Berhormat dari Rompin nafikan bahawa Bank Negara tak terlibat dalam pasaran niaga hadapan untuk currency.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun, ya.

Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka bagaimana kita

mempertahankan currency kita, kalau kita pergi kepada pasaran hadapan terpaksa membeli dari semasa ke semasa wang atau jual currency kita yang dari semasa ke semasa untuk menjaga kekukuhan kewangan kita? Saya hendak bertanya, dengan izin, how do we do it without – they are doing, memasuki pasaran hadapan kewangan untuk menjaga keutuhan dan kekuatan currency kita. Kalau hari ini kita usulkan dalam Dewan, tak payah masuk dalam pasaran hadapan kewangan, kalau jatuh currency kita, Yang Berhormat akan kata pula tidak membawa sesuatu untuk menjaga kekukuhan kedudukan kewangan negara kita. Saya minta sedikit penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat dari Rompin tahulah apa, maknanya hedging. What is the meaning of hedging? It is risk management, prudent risk management. Kalau kita mengikut istilah Yang Berhormat Menteri Kewangan, iaitu pengawalan risiko yang berhemat, prudent risk management. Bukan spekulasi atau dalam istilah lain 'berjudi'. Kalau berjudi, if you bet correctly, then you can make 1 billion. Seperti quantum fund manager, George Sorrow, betted correctly against the pound. Bila bekas Canselor terpaksa menarik pound daripada EMS untuk 1 billion pounds. That is gambling. Berlainan dengan risk management. Apa yang berlaku, kalau kita buat risk management, kerugian tak sampai berbilion-bilion ringgit.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, duduk dahulu, saya habiskan dahulu! Sampai berbilion ringgit, tetapi apa yang Bank Negara buat bukan hedging, dia judi.

speculation, judi. Inilah sebab kita rugi mengikut Penyata Rasmi RM16.5 bilion. Tetapi untuk pakar-pakar lain cakap sampai RM30 bilion. Ini bukan satu jumlah kecil. Inilah merupakan hampir 70% daripada belanjawan tahunan kita. Kita tak boleh main-main dalam perkara ini. Yang Berhormat dari Rompin yang ada organic thinking, dia mendakwa dirinya ada organic thinking, saya harap jangan mempertahankan sesuatu yang tidak boleh dipertahankan, dia hanya akan makan diri sahaja. Terima penjelasan saya?

Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa sungguhpun kita boleh mengambil iktibar daripada pengalaman Bank Negara, tetapi yang lebih penting lagi adakah pihak kerajaan mempunyai political will untuk memastikan bahawa sebarang skandal dan penyelewengan yang berlaku, tindakan tegas akan diambil dan tidak akan seperti yang berlaku dalam kes skandal Bank Negara ditutup begitu sahaja, dan tidak ada tindakan diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab, tak ada langsung. Sedangkan wang berpuluh-puluh bilion habis begitu sahaja. Apakah jawapan, apakah tindakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang memperjuangkan ketelusan, tak telus langsung, memperjuangkan accountability, tak accountable langsung. Menghapuskan penyelewengan tanpa kira kawan atau lawan, tanpa kira kedudukan atau status, tetapi semua tak ditunaikan, hanya omong-omong kosong sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Hendak lagi, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Cara Yang Berhormat dari Kota Melaka bercakap macam teringat saya Dewan yang mulia di Mexico. Kita terima pandangan pembangkang, tetapi be fair, dengan izin. Kalaulah kita tak bertanggungjawab, tidak telus, irresponsible, kita buat Bank Negara macam taukeh mempunyai kasino di Genting I don't think so. Yang salah itu, salah, yang silap tetap silap. Tetapi hujah-hujah Yang Berhormat dari Kota Melaka itu saya rasa tak tahulah.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Macam orang frust.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Dia kata, bukan saya. Saya rasa mungkin teguran itu biarlah teguran yang ada asas yang benar. Yang silap itu silap. Saya rasakan apa-apa kata yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tak benar. Saya rasa semua kita rasa tidak benar.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa tadi sasaran sudah kena, itulah sebab peka sangat. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi sejauh manakah komitmen pihak kerajaan untuk memastikan bahawa the rule of the market apply, dengan izin. Di sini saya amat bimbang tentang seksyen 3A yang baru seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Amat Berhormat, di mana beliau mesti berikan kuasa untuk mengecualikan pasaran niaga hadapan dari operasi rang undang-undang ini. Kalau begitu, saya rasa apakah perlu kita meluluskan dan membentangkan dan membahaskan ke atas rang undang-undang ini. Bolehkah saya minta Yang Amat Berhormat memberikan kriteria atau garis panduan di mana beliau boleh mengecualikan pasaran niaga hadapan dari operasi rang undang-undang ini.

Saya rasa ini memberikan kuasa mutlak, seperti menidakkan kuasa Parlimen meluluskan kuasa undang-undang. Kalau kita meluluskan rang undang-undang ini, yang tebal satu inci, Tuan Yang di-Pertua, tetapi lepas itu menteri cakap satu seksyen dia ada kuasa untuk mengecualikan. What is the meaning of this, Tuan Yang di-Pertua. Apakah maksud atau makna usaha yang dibuat oleh kita semua hari ini; satu seksyen dikatakan exempted, tak pakai langsung, apa guna, satu seksyen sahaja ada kuasa. Bolehkah saya mendapat tahu, kalau kita cakap mengenai ketelusan, accountability, political will, apakah kriteria dan garis panduan yang membolehkan Yang Berhormat Menteri Kewangan menggunakan kuasa ini? Kalau tidak, rang undang-undang ini kita boleh campak ke dalam tong sampah, tak perlu langsung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat saya rasa tak baik kalau Yang Berhormat keluarkan kata-kata macam ini. Ini menghina rang undang-undang, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tak bertujuan untuk menghina rang undang-undang. Apa yang saya buat ialah sebaliknya, saya hendak menegakkan keluhuran undang-undang dan menegakkan keunggulan Parlimen sebagai penggubal undang-undang. Saya tak mempertikaikan kuasa menteri, tetapi saya hendak tahu apakah keadaan di mana Yang Berhormat Menteri boleh mengecualikan pasaran niaga hadapan daripada operasi FIE, kerana kalau dia kuasa, exempted. Ini tak pakai langsung. Apa gunanya kita luluskan rang undang-undang ini. Itu yang saya harap penjelasan boleh diberikan. Keadaan mana, it was a situation,

dengan izin. Dan objektif yang di.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Rompin bangun lagi. Penjelasan sekali lagi. Nampak Yang Berhormat dari Kota Melaka ini emosional.

Memandangkan keadaan pasaran derivative ini satu implikasinya jumlah kewangan yang besar, yang keduanya, sesuatu perkara boleh berlaku dalam masa yang singkat, mungkin dalam kaedah-kaedah kita membuka negara kita kepada industri derivative ini mungkin ada satu perkara yang luar biasa – darurat yang memerlukan sesuatu tindakan dibuat untuk menjaga kepentingan negara kita, menjaga kedudukan kewangan negara kita, itu sudah semestinyalah, satu perkara yang amat penting, yang perlu Yang Berhormat Menteri membuat keputusan. Selepas membuat keputusan, Dewan boleh meminta beliau membuat penjelasan mengapa dan satu ketika ia mengambil keputusan mengguna para itu. Sebagai Menteri, ia bertanggungjawab kepada rakyat, Kabinet bertanggungjawab kepada negara. Kita boleh persoalkan di dalam Dewan ini. Saya fikir itu tidak menjadi masalah, more so, dengan izin, saya rasa Kota Melaka memberi penghargaan kepada kerajaan bahawa kita rasa ini amat penting bahawa kita perlukan satu artikel yang orang kata 'luar biasa' untuk memastikan industri derivative ini dijaga dengan baik. Dengan izin, he should be thankful to the Government.

Tuan Lim Guan Eng: Saya amat hairan, Ahli Yang Berhormat menjawab sebegini. Ini seperti tidak ada 'rule of law', 'rule of man'. Seorang

boleh putuskannya, tetapi apa yang kita hendak tegakkan 'rule of law'. Kalau seksyen ini boleh menidakkan keseluruhan undang-undang ini, nyatakan apakah ke arahnya? Janganlah selepas ia dikecualikan baru kita balik dan mungkin akan dijawab – tidak akan dijawab. Menteri ada kuasa tidak mahu jawab. So, ini tidak lain dengan '*fait accompli*', selepas dikecualikan baru mungkin dia akan jawab, apa ini? Mana rule of law? Ini rule of man, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, saya harap pihak Kementerian Kewangan, Ahli Yang Berhormat masih belum menjadi Menteri Kewangan lagilah, so saya tidak mahu tujukan kepada Ahli Yang Berhormat, saya harap Yang Amat Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh menjawab. Kalau darurat, tidak disebut di sini 'darurat' – tidak ada langsung.

Dan tadi, kalau saya tidak silap, Yang Amat Berhormat menyatakan bahawa.....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Balik Pulau bangun.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Penjelasan sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya habiskan ungkapan ini dahulu. Tadi, Yang Amat Berhormat ada sebut, kalau saya tidak silap catatan saya, bahawa pengecualian pasaran niaga hadapan dari operasi FIA ini adalah untuk menggalakkan persaingan dalam pasaran niaga hadapan. Saya tidak tahu apakah keadaan di mana boleh menggalakkan 'competition', dengan izin, dalam FIA, dengan mengecualikan

daripada Rang Undang-undang kecuali ini 'really open market', 'no holds bark' or 'no rules bark', dengan izin. Silakan.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:

Tuan Yang di-Pertua, ini sekadar minta penjelasan. Dalam keadaan pasaran sekuriti yang begitu dinamik terutamanya dalam pasaran 'futures industries' ini yang bergerak dengan begitu cepat, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak bersetuju tentang di antara berapa banyak seksyen yang ada dalam akta ini, ada satu peruntukan untuk Menteri menggunakan kuasanya seperti yang ada di seksyen 3A. Jadi apakah cadangan Ahli Yang Berhormat, dalam keadaan yang begitu dinamik, jika adanya satu perubahan yang tertentu dalam pasaran niaga hadapan, Menteri hendak datang kepada Parlimen membawa satu Usul untuk membolehkan dia membuat sesuatu keputusan, mengambil masa paling cepat pun berapa lama agaknya, daripada hendak mengemukakan Usul hendak dibaca kali yang pertama, kali yang kedua, dibahas dan kemudiannya hendak diluluskan.

Jadi, kalau itulah prosedur yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, maka keadaan persekitaran di pasaran yang menimbulkan permasalahan itu 'in the first place' pun telah berubah. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat tidak bersetuju diadakan peruntukan seperti 3A ini, dan seperti yang dikatakan oleh Rompin, kita bukanlah bertindak sebagai Mexico. Jadi apakah mekanisme yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita bukan hendak Mexico, tetapi apa yang saya rasa, pemikiran tadi oleh kedua-dua Ahli

Yang Berhormat ini, nampaknya 'ala Mexico'lah – itu yang jadi susah. So, kalau keadaan yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat berlaku, saya rasa pasaran hadapan sudah tenggelam, tak payah kita ada Rang Undang-undang lagi, tak boleh menyelamatkan keadaan. Itu tidak mungkin berlaku dan kita pun tidak menjangka, tidak menduga Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita tiap-tiap hari akan duduk hanya 'monitor' sahaja pasaran hadapan – ini tidak mungkin berlaku. Tetapi di sini ialah, di mana pasaran niaga hadapan boleh terkecuai, 'that means, we did not play by the rules anymore, dengan izin. Sebab itu saya nyatakan tadi, 'are we govern by the rules of law or the rules of man individuals', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sudah faham sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat, tentang jumlah kerugian yang dialami oleh syarikat tempatan Malaysia setakat ini, daripada pasaran derivative kerana kita mendapat banyak laporan yang berbeza tentang kerugian yang dialami setakat ini. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah jumlah sebenarnya dan ditanggung oleh syarikat apa, dalam keadaan apa supaya rakyat tahu keadaan yang sebenarnya. Jumlah kerugian dalam perdagangan derivative, syarikat apa, di mana dan bila ia berlaku.

Dan juga setakat ini apakah peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan tentang perkara-perkara ini. Saya tahu ada beberapa institusi yang mengawal operasi pasaran niaga hadapan setakat ini khususnya oleh Suruhanjaya Sekuriti, sebelum ini usahanya ialah untuk KLOFFE dan Malaysian Monetary Exchange dan saya rasa pengawalseliaannya masih akan dijalankan oleh Suruhanjaya Sekuriti

tetapi bolehkah kita tahu daripada operasi-operasi setakat ini apakah kerugian?

Dan juga tentang 'calls warrant', Tuan Yang di-Pertua, panggilan waran, bolehkah pihak kementerian menyatakan sejauh manakah instrument baru ini dengan izin, 'new financial instrument' ini, prestasinya telah berjaya kerana dalam 'calls warrant' Maybank kita dapati ada beberapa ketidak-puasan hati yang ditimbulkan oleh para pelabur, bolehkah pihak kementerian memberikan penjelasan yang lebih lanjut dan terperinci tentang kejayaan panggilan waran yang diperkenalkan baru-baru ini oleh Suruhanjaya Sekuriti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Tabung Kesetiaan di mana saya rasa ini adalah satu 'back-up', dengan izin, yang sangat penting untuk mana-mana pihak yang tertipu di mana mereka boleh meminta ganti rugi, ekoran, dengan izin, 'defaultation by any traders or those responsible in this FIA'.

Tuan Yang di-Pertua, di sini, bolehkah saya meminta bahawa Tabung Kesetiaan ini diuruskan dengan sikap yang lebih longgar dan lebih berjiwa rakyat bukan berhati perut seperti Tabung Kesetiaan BSKL, di mana setakat ini sungguhpun Tabung Kesetiaan KLSE sebanyak RM6.1 juta tidak ada sebarang bayaran dibuat. 'No pay-out has been paid', dengan izin. Ada satu permohonan tentang Tabung Kesetiaan KLSE yang dibuat ekoran penipuan yang dibuat oleh syarikat broker saham dalam tahun 1991 kalau tidak silap, tetapi telah ditolak oleh pihak BSKL.

Saya tidak tahu mengapa ia ditolak, memandangkan bahawa semua syarat-

syarat dipenuhi, defaultation ada dilakukan oleh syarikat broker saham dan juga kerugian dialami. Kalau kita ada satu Tabung Kesetiaan, kita tidak mahu hanya tinggal nama sahaja, tetapi dari segi keberkesannya tidak ada langsung. Kalau sebarang tuntutan dibuat, sebarang permohonan dibuat, ia tinggal begitu sahaja, ia gagal. Oleh sebab itu, bolehkah saya tahu mekanisme Tabung Kesetiaan ini supaya sebarang tuntutan yang dibuat, kalau berasas, bayaran boleh dibuat dan bukan hanya cantik Tabung Kesetiaan tetapi kalau kita hendak dapat pampasan, tidak dapat langsung.

Saya rasa perkara ini harus dibetulkan supaya rintihan pelabur-pelabur kecil di BSKL yang ditipu oleh syarikat broker saham tidak akan diulangi ke atas pelabur-pelabur dalam pasaran niaga hadapan di negara kita. Saya harap bahawa pihak kerajaan boleh lebih prihatin tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah tentang KLOFFE yang tadi disebutkan secara imbas lalu oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ialah Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange Bhd. di mana Ketua Pegawai Operasinya John Duggon telah menyatakan bahawa 40 buah syarikat telah dipilih sebagai Ahli Perdagangannya. Saya hendak tahu apakah syarat-syarat di mana 40 buah syarikat ini dipilih dan tentang modal berbayarnya atau deposit yang perlu dibuat oleh mereka dan juga memandangkan ada permohonan lebihan daripada pihak-pihak yang berminat untuk menjadi ahlinya, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menambahkan ahli-ahlinya. Saya rasa kalau kita hendak pasaran niaga hadapan, kita pun mesti memastikan ada liquidity. Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri memang lebih pakar daripada saya tentang perkara ini. Untuk memastikan wujudnya liquidity, apakah campuran (mix) ahli-ahli asing dan ahli-ahli tempatan dan adakah kita telah mewujudkan keadaan supaya kita dapat memastikan liquidity untuk pasaran niaga hadapan ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah tentang akauntabiliti untuk memberikan jaminan kepada rakyat.....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Balik Pulau, bangun.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Penjelasan sedikit sahaja. Yang Berhormat dari Kota Melaka mengakui bahawa kecairan adalah perlu dalam pasaran, khususnya dalam pasaran niaga hadapan. Maknanya kita berkehendakkan bukan sahaja ada pasaran, tetapi ada juga peserta dalam pasaran. Tetapi pada masa yang sama, Yang Berhormat menimbulkan senario yang menggemparkan daripada penyertaan dalam pasaran itu sendiri.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ini adalah dua perkara yang bercanggah di antara satu sama lain. Kalau kita akui bahawa kita berkehendakkan kecairan, yakni penyertaan peserta dalam pasaran tetapi dalam masa yang sama kita menimbulkan segala macam senario yang huru-hara yang seolah-olah tidak menggalakkan penyertaan. Jadi, ini adalah dua perkara yang bercanggah dan saya minta penjelasan tentang itu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memberikan kursus Business Finance

kepada Yang Berhormat, tetapi secara ringkas.....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: I can give you a course in Business Finance.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu Yang Berhormat lebih pakar dalam perkara ini, tetapi kalau saya tidak silap dengan apa yang saya belajar semasa di Australia, Professor saya pernah menyatakan kepada saya bahawa kita hendak liquidity – betul, liquidity seperti Fisher Teorem dan lain-lain teorem – tidak payah sebutlah di sini. Kalau kita hendak liquidity, takkan kita hendak put the whole lot and bet everything on it. Itu bukan liquidity. Dalam satu portfolio management, kita ada berbagai-bagai risiko, yang satu riskless, yang satu lagi berisiko tinggi supaya kita dapat mengimbangnya. We have a balance portfolio – an optimise of portfolio. Tetapi bukannya apa yang berlaku dalam Barings dan Bank Negara di mana semua kita campak sahaja – itu judi. Itu yang berlaku.

Saya amat hairan kerana sehingga hari ini Yang Berhormat enggan faham maksud saya. Saya bukan cakap bahawa kita tidak mahu kecairan, kita perlukan kecairan, tetapi takkan kerana kita mahu cair, kita campak sahaja. Macam wang itu air. Itu bukan tujuan liquidity, itu bukan healthy speculation, itu judi – tidak lain daripada Genting Highlands dan harap Yang Berhormat boleh memberikan kursus semasa dengan pihak universiti. Jangan main-main dengan istilah ini. Yang saya maksudkan jangan adakan satu keadaan di mana Nick Leason – no limit, dia boleh trade dalam pasaran niaga hadapan. Bank Negara serupa juga – no limit. Tidak ada limit yang ditetapkan. Yang Berhormat sedar atau

tidak? Saya rasa Yang Berhormat tidak sedar. Baru-baru ini sedar bahawa Bank Negara untuk seorang trader, seorang dealer, tidak ada limit. Dia boleh trade tanpa sekatan - any amount you want to throw in, you can throw in, inilah yang menakutkan dan yang mengejutkan. Tetapi Yang Berhormat pura-pura tidak mahu faham. Itu yang saya amat dukacita, kerana seorang profesional semacam Yang Berhormat cuba hendak mengabui mata rakyat tentang apa yang sebenarnya berlaku.

Jangan tutup skandal seperti ini, be professional - saya harap, Yang Berhormat, jangan main politik dalam perkara ini. Saya berucap secara ikhlas. Kalau kita hendak invest dalam asset dan risiko, kita akan peruntukan satu percentage, bukan 60 - 70%, itu bukan prudent management of our asset. Sekarang saya rasa fahamlah. Mungkin lain hari dia boleh berikan kursus kepada saya macam mana boleh buat pelaburan yang berhemat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, memandangkan kita ada urusan yang lain, Yang Berhormat sudah berucap hampir satu jam. Pendekkan sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, saya akan akur dengan perintah Tuan Yang di-Pertua. Saya ada banyak perkara lagi, tetapi oleh kerana ada banyak gangguan oleh pihak-pihak yang tidak berapa ikhlas, oleh sebab itu saya berharap kepada pihak kerajaan.

Akhirnya bolehkah pihak kerajaan memberikan satu laporan tahunan kepada Dewan yang mulia ini supaya kita boleh tahu kemajuan dalam pasaran niaga hadapan ini dan memberikan jaminan kepada rakyat bahawa kita tidak akan ada Barings

work II dan Bank Negara II dalam pasaran niaga hadapan seperti yang berlaku di masa lampau. Biarkan skandal-skandal ini wujud hanya dalam igauan ingatan kita dan tidak akan berulang lagi. Tetapi untuk memastikannya saya harap ada komitmen, political will dan juga akauntabiliti oleh pihak regulator dan saya rasa mungkin satu langkah daripadanya ialah untuk memastikan satu laporan tahunan dibentangkan di Dewan yang mulia ini supaya ia dapat diteliti dan dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin.

5.20 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis (Rompin): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya kementerian. Seperti mana yang kita lihat tadi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, membentangkan satu Akta untuk meminda Akta yang kita panggil Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

Saya mengucapkan syabas kerana kita telah melihat semenjak Akta ini diluluskan pada tahun ini, kita akan nampak bahawa apa yang kita semua hasratkan iaitu satu pasaran perindustrian niaga hadapan benar-benar dapat dilaksanakan di negara kita. Ini sudah semestinyalah akan mengukuhkan lagi usaha kita meningkatkan lagi kekuatan dan keutuhan kewangan negara kita dan daripada itu, sudah semestinyalah ia akan membawa kepada pengukuhan juga pasaran modal di negara kita.

Tadi, Yang Berhormat dari Kota Melaka baru berhujah. Dia hendak

menumpang peluang untuk membawa isu yang sudah tidak ada isu. Di dalam pilihan raya baru-baru ini pun, dia cuba hendak membawa juga isu Bank Negara ini tetapi tidak laku, tidak tahulah Kepong hendak bawa balik cerita Bank Negara, tidak tahulah. Bahawa yang sebenarnya kita lihat daripada Kota Melaka tidak nampak banyak apa yang dicadangkan untuk membantu kerajaan untuk melaksanakan industri derivatif ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam perkara ini. Pertama, dari segi pendidikan. Kalau kita lihat dari segi pasaran saham itu sendiri, pasaran ekuiti, masih ramai lagi rakyat di negara kita belum faham tentang pasaran saham dan masih lagi kita dengar bahawa banyak lagi rakyat di negara kita ini masih orang putih kata, 'They have their hands burnt'. Oleh kerana itu, saya berterima kasih kepada kerajaan dan kementerian.

Tadi kita dengar ada satu jaminan bahawa salah satu yang penting ialah, dengan izin, 'to educate the public'. Bermakna kita perlu memberi pendidikan dan penjelasan yang sewajarnya kepada masyarakat kita tentang industri 'the futures/derivative' ini. Sebab kita bimbang, dengan pelaburan yang kecil tetapi memberi pulangan yang besar, akan menarik banyak daripada mereka untuk masuk ke dalam pasaran kerana mengimpikan, kerana mereka ini ada igauan untuk mendapatkan keuntungan yang besar.

Oleh kerana itulah saya mengucapkan syabas, sudah sampai masanya negara kita mengadakan pasaran derivatif kita yang tersendiri. Tidak perlu lagi, kalau ada badan-badan korporat ataupun individu yang

mahu menyertai industri atau membeli derivatif ini terpaksa pergi ke Hong Kong, Singapura dan lain-lain negara untuk menyertai pasaran derivatif ini.

Dalam hal ini, satu perkara yang amat penting ialah pengawasan. Seperti saya kata, pengawasan itu amat penting sekali. Saya minta sedikit penjelasan daripada kementerian, adakah kita meletakkan peruntukan-peruntukan baru? "Is there any lessons to be learnt" dengan 'the failures' yang banyak kita dengar. Tadi disebut tentang Barrings. Sebelum itu, sebuah syarikat di negara kita sendiri iaitu Berjaya Corporation dan sebelum itu satu Orient County, syarikat besar Procter and Gamble. "Is there any lessons to be learnt" dengan kerugian besar syarikat-syarikat ini? Adakah peruntukan-peruntukan baru dalam perniagaan derivatif ini untuk memastikan kerugian-kerugian yang besar akan terhindar daripada dihadapi oleh mereka yang mahu menyertai dalam perniagaan derivatif ini.

Saya hendak bertanya kerana dalam struktur derivatif ini kita ada dua iaitu KLOFFE untuk 'the futures' dan khasnya untuk 'the monetary futures' kita ada MME. Dua 'exchange' yang berasingan tetapi kita hanya ada satu sahaja 'clearing house' bagi kedua-duanya. Adakah ini dibuat untuk memastikan kita lebih ketat dan 'strict', dengan izin, supaya permasalahan yang berlaku oleh kerana ada 'common clearing house' ini. Permasalahan-permasalahan yang mungkin timbul dari segi keupayaan, kekuatan dan kedudukan kewangan, 'the players', dengan izin, memasuki pasaran, komitmen yang mereka buat bila mereka membeli atau menjual 'forward'nya, komitmen mereka itu tidak terjamin dari segi bayarannya.

Saya bertanya begini sebab ini amat penting. Kita tidak mahu perkara-perkara yang berlaku, saya bimbang sebab kita ada 'fund' yang terasing - 'the fidelity account'. Ini bermakna kita menjangkakan sudah semestinya ada 'players' yang mungkin tidak boleh membayar komitmen yang mereka buat. Sebab itu diadakan 'fidelity account' ataupun terjemahan dalam Bahasa Malaysia - 'kesetiaan'. Saya pun kurang bersetuju dengan perkataan 'kesetiaan' ini tetapi mungkin tidak ada perkataan yang lain. Adakah ini bermakna sudah mungkin akan ada 'players' atau 'customers' yang mungkin 'default' sebab itu diadakan 'fidelity account' ini atau akaun kesetiaan.

Namun demikian, walaupun kita ada 'fidelity account' ataupun akaun kesetiaan tetapi kita mesti pastikan akaun itu kalau boleh tidak digunakan. Kalau ini berlaku, bermakna dari segi pengawasan kita, perjalanan industri sama ada 'the futures derivative' ini melalui KLOFFE ataupun MME, ia akan berjalan dengan baik.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, tentang pengaruh pasaran derivatif ini ke atas Dasar Kewangan Negara kita. Sebab saya dengar cerita, Simex di Singapura, mereka tidak membenarkan Singapore Dollar itu dilanggankan, dibiarkan orang memasuki pasaran Singapura untuk bermain atau membeli hadapan Singapore Dollars. Ini memastikan supaya kuasa kerajaan dari segi kedudukan kewangan Singapura itu terletak di tangan kerajaan Singapura sendiri. Di Malaysia ini bagaimana? Sebab saya nampak di Malaysia, kita benarkan pasaran itu diniagakan hadapan dalam Malaysian Dollar. Saya minta

penjelasan sedikit, adakah perbezaan ini oleh kerana kedudukan tertentu negara kita. Kadang-kadang kita tidak semestinya mengikut orang. Kita buat cara kita, yang paling baik pada kita, kita buat.

Saya yakin, kita membenarkan Malaysian Dollar diniagakan hadapan di MME oleh kerana kedudukan dan kehendak kita yang tersendiri. Mungkin dapat sedikit penjelasan tentang perkara ini.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit tentang dari segi badan penguatkuasa. Kalau kita lihat dari segi badan penguatkuasa industri 'futures and derivative' ini, kita ada Suruhanjaya Sekuriti yang menyelaraskan dari segi perjalanan kedua-dua bursa tadi - KLOFFE dan MME dan juga Suruhanjaya Sekuriti mengawasi 'the clearing house' dan Bank Negara menyelaraskan institusi-institusi kewangan. Mereka yang hendak memasuki pasaran sudah semestinya ia ada kedudukan kewangan yang kukuh. Bank Negara akan mengawasi 'the declaration' dari segi kedudukan kewangan dia.

Yang satu lagi, kita ada juga satu peranan agensi yang penting iaitu Pendaftar Syarikat. Saya bimbang sedikit sebab satu badan antara tiga yang penting ini tidak di bawah satu payung. Sebab saya ada baca dalam akhbar, ada satu kes di mana kes Hock Wah Bank dalam hendak menggalakkan, saya yakin kerajaan menggalakkan di luar-luar bandar seramai yang boleh masyarakat Malaysia menyertai dalam pasaran saham. Tidak kesemua bandar-bandar kecil ada firma 'stock brokerage'. Oleh kerana itu, mereka membeli saham ini melalui Hock Wah Bank dan Hock

Wah Bank menghantarkan tempahan itu kepada 'brokerage' yang tertentu tetapi dalam pandangan ROC, Hock Wah Bank tidak sewajarnya melibatkan diri di dalam penjualan atau membantu penjualan saham.

Oleh kerana itu, timbul sedikit permasalahan bahawa di bawah kaca mata ROC, tidak benar dan tidak boleh bank melibatkan diri dalam pemasaran penjualan saham, tetapi oleh kerana bank adalah perantara di antara pembeli dan penjual, ia melibatkan diri.

Saya nampak bahawa penyelarasan agensi-agensi ini penting. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kerana baru-baru ini di Labuan, semua permasalahan dan perjalanan industri sekuriti, termasuk hadapan diletakkan di bawah satu badan atau super-regulator sahaja. Ini satu usaha yang amat baik yang dikendalikan di Labuan.

Tetapi permasalahannya, perkara yang serupa boleh berlaku di luar Labuan – sebagaimana di tempat lain di negara kita, permasalahan penyelarasan di antara agensi ini. Mungkin, walaupun ROC adalah di bawah kementerian yang lain, mungkin dapat diadakan lebih rapat lagi penyelarasan di antara agensi-agensi yang terlibat dalam industri saham dan industri derivatif yang saya katakan tadi.

Yang akhirnya, tentang penyelarasan the players yang memasuki pasaran hadapan derivatif. Kita melihat bahawa Bank Negara, seperti yang kita dengar, untuk mana-mana bank yang melibatkan diri di dalam industri derivatif ini, mereka meminta supaya bank ini mengadakan satu modal tambahan atau satu modal

khusus bagi mereka ini menerokai bidang derivatif di masa depan. Itu satu usaha dan kita mengucapkan syabas kepada Bank Negara. Mereka mengenakan satu peruntukan baru untuk mereka menyertai industri derivatif.

Saya hendak bertanya kepada SC pula. Adakah SC (Security Commission) akan mengenakan satu kaedah yang ketat seperti mana Bank Negara mengenakan kepada bank? Mereka tidak dibenarkan menggunakan dana atau kewangan yang ada untuk working capitalnya bagi perniagaan biasa, tetapi untuk mereka menerokai bidang baru derivatif ini yang risikonya amat tinggi, mengadakan juga satu dana yang khusus supaya apa jua berlaku kepada penglibatan perniagaan derivatif ini tidak menjejaskan operasi ataupun co-business mereka yang lain.

Saya rasa ini penting seperti di bank – ia ada single customer limitnya, mengapa tidak, adakah SC juga mengenakan peruntukan yang ketat seperti yang Bank Negara mengenakan kepada bank-bank yang mahu melibatkan diri di dalam pasaran hadapan ini ataupun industri derivatif yang kita sedang membincangkan sekarang.

Saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada kerajaan, khususnya kementerian kerana membentangkan Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 ini dan kita dimaklumkan juga, insya-Allah, kerajaan akan melancarkan dengan rasminya tidak lama lagi bahawa rakyat sekarang akan berhadapan dengan satu era baru untuk kita atau negara Malaysia sekarang pula melibatkan diri dalam satu industri kewangan yang sofistikated yang akan

membawa kita, Insya-Allah, kepada satu negara maju pada tahun 2020.

Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Labuan.

5.34 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang bagi meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

Sebelum saya membahaskan Rang Undang-undang ini, saya ingin menyatakan kepentingan saya di dalam sebuah syarikat broker dan saya juga memegang lesen wakil broker saham.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berupaya untuk mengemukakan pindaan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan yang baru sahaja beberapa tahun diluluskan di Parlimen ini dan ianya mempunyai satu tujuan yang cukup jelas dan cukup ikhlas bagi memastikan kejayaan pasaran modal di negara kita ini. Bukan seperti yang dinyatakan oleh Ahli dari Kota Melaka yang sentiasa mengheret kita di dalam Dewan ini untuk keluar dan bagi menyelewengkan pemikiran kita tentang apa jua usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk tujuan kebaikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun 1970-an, kerajaan menyedari tentang keperluan untuk mempunyai bursa komoditinya sendiri yang berfungsi bagi membuat hedging terhadap risiko harga yang mempunyai hubungan kait dengan permintaan dan

penawaran terhadap minyak kelapa sawit dan untuk menyediakan satu media bagi membuat perlindungan nilai atau hedging ke atas risiko harga bagi komoditi tertentu, maka Kuala Lumpur Commodity Exchange memulakan perniagaan kontraknya ke hadapan pada tahun 1980 dalam bentuk CPO.

Akta Perniagaan Komoditi 1980 mula dipinda pada tahun 1985 untuk mengawal selia Industri Niaga Hadapan Komoditi ataupun Commodity Future Industry dan Stok Indeks Niaga Hadapan mula-mula diperkenalkan pada tahun 1982 apabila Cansus City Board of Trade memperkenalkan Stok Indeks Niaga Hadapan dunia yang pertama yang dipanggil The Value Line Average Index yang berasas kepada purata geometrik bagi 1,683 stok yang menjadikan kontrak derivatif yang terunggul di dunia pada hari ini yang kemudiannya diikuti oleh beberapa bursa-bursa lain di Amerika. Manakala Chicago Mercantile Exchange pula memperkenalkan SNP 500 dan New York Futures Exchange menyenaraikan New York Stock Exchange Composit Index.

Berasaskan kepada kejayaan Stock Indeks Niaga Hadapan di Amerika Syarikat, maka sehingga hari ini, lebih daripada 23 bursa di seluruh dunia telah memperkenalkan dan menawarkan kontrak stok indeks niaga hadapan sebagai derivatif pendasar pasaran saham mereka.

Manakala di Asia pula, Jepun adalah negara pertama yang memperkenalkan kontrak Nikkei 225, Stock Average Futures Contract, niaga hadapan yang diikuti oleh Australia dengan shareprice index pada tahun 1983, manakala Hong Kong pula memperkenalkan Hong Kong Indeks Niaga Hadapan pada tahun 1986 dan

pada tahun yang sama, Singapura memperkenalkan Singapore International Monetary Exchange (SIMX) dan pada tahun 1994, Singapura berjaya memperkenalkan Morgan Stanley Composit Index (BSIMX) yang bertujuan untuk menyaingi Han Seng Indeks Niaga Hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari akan hakikat keperluan untuk menyediakan satu media yang berkesan untuk melakukan hedging terhadap risiko harga bagi peserta dalam pasaran, maka kerajaan telah menubuhkan sebuah bursa yang kita namakan sebagai Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange atau dikenali sebagai KLOFFE pada tahun 1990 yang bertujuan bagi memperkenalkan stok indeks niaga hadapan dan untuk melaksanakan perniagaan stok indeks niaga hadapan di negara ini.

Bersama-sama dengan beberapa Akta, termasuk Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Syarikat 1965 adalah merupakan perundangan sekuriti yang akan digunakan untuk mengawal selia industri saham niaga hadapan dan opsyen di Malaysia.

Dengan pindaan pada hari ini, apabila sampai bulan November tahun ini, peserta pasaran saham di Malaysia akan mempunyai peluang untuk menggunakan stok indeks niaga hadapan yang akan dikenali sebagai Kuala Lumpur Future Index Contract atau KLFIC untuk membuat spekulasi dan melindungi nilai bagi stok portfolio yang mana belum diperkenalkan sebelum ini. Pada hari tersebut, stok indeks niaga hadapan bersama-sama

dengan kontrak niaga hadapan akan diperkenalkan buat pertama kalinya.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Suruhanjaya Sekuriti dan KLOFFE terhadap usaha yang diperlihatkan bagi memperkenalkan niaga hadapan dan juga pelancarannya pada bulan November nanti. Walaupun terdapat beberapa kontroversi, namun ramai yang berpendapat supaya kita terus memperkenalkan stok indeks niaga hadapan kepada pelabur di Malaysia. Ini adalah berasaskan kepada keperluan pengurusan risiko yang boleh memberikan kelebihan kepada sistem kewangan dalam bentuk kemudahan lindungan nilai, mekanisme penentuan harga hadapan bagi menambah kecairan, meningkatkan kecekapan harga (arbitrage) dan kos urus niaga yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa perniagaan hadapan mempunyai risiko yang tinggi, malah ianya telah diperakui bahawa hanya sebilangan kecil atau hanya 3% hingga 5% pelabur dalam pasaran niaga hadapan akan beroleh keuntungan dan 5% hingga 7% akan beroleh "breakeven" dan 90% akan mengalami kerugian. Statistik ini diperolehi daripada buku yang ditulis oleh Dr. Bill Williams dalam bukunya yang bertajuk Trading Cures dan dalam buku Commodity Future: Who Wins Who Loses and Why? yang ditulis oleh Twelfe.

Tuan Yang di-Pertua, apakah risiko yang kita maksudkan ini? Secara ringkasnya saya ingin menyebutkannya sahaja sebagai liberage risks yang berbeza daripada pembelian saham biasa di mana pembeli dikehendaki membayar nilai saham sepenuhnya dan tidak memerlukan pembayaran

tambahan walaupun semasa kejatuhan Dow Jones tetapi dalam keadaan niaga hadapan hanya memerlukan sedikit deposit ataupun margin untuk membolehkan pembelian dalam kontrak niaga hadapan dan ini juga memberikan pengertian bahawa RM1 tunai boleh menguasai RM1 nilai stok. Tetapi dalam niaga hadapan RM1 tunai boleh menguasai kontrak yang bernilai RM10 dan justeru itu apabila ada kejatuhan harga sebanyak 10% terhadap kontrak ini akan melenyapkan modal pelabur berkenaan.

Manakala volatility risks pula mengaitkan dengan harga sesuatu stok adalah menggambarkan pergerakan sesuatu stok yang agak perlahan, manakala dalam indeks niaga hadapan pergerakan pada kadar yang lebih pantas yang disebabkan oleh spekulasi dan keadaan turun naik harga sesuatu kontrak, maka ini bermakna ia mempunyai risiko yang amat tinggi.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai keyakinan malah kagum tentang langkah-langkah yang dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti selama ini bagi melindungi pelabur, bagi memungkinan para pelabur membuat pilihan, berpengalaman, mewujudkan keyakinan mengenai keutuhan pasaran dan mengelakkan kegagalan systemic. Maka, Suruhanjaya Sekuriti telah berjaya dalam fungsinya bagi memberikan perlindungan kepada pelabur di pasaran utama, begitu juga di pasaran sekunder dan memberikan perlindungan melalui pendidikan seperti yang telah dinyatakan oleh rakan saya dari Rompin sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat bahawa perlindungan melalui pendidikan adalah merupakan sektor yang perlu diberikan perhatian

dan dalam konteks Akta ini, melindungi pelabur bererti meminimumkan risiko pelabur melalui pendidikan. Maka persoalan yang perlu kita ajukan kepada KLOFFE, yang pertama; ialah apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh KLOFFE bagi mendidik pelabur dan menyatakan tentang risiko dalam pasaran niaga hadapan. Adakah pelabur-pelabur telah diberitahu atau dididik sepenuhnya tentang bahaya risiko ini? Is enough being done, sebelum urus niaga ini diperkenalkan? Saya maklum bahawa KLOFFE kini sedang giat menganjurkan kursus Malaysian Futures and Options Registered Representative (MFORR) dan bagi mata pelajaran niaga hadapan dan opsyen. Tetapi kursus ini bertujuan bagi memberikan bimbingan kepada mereka yang akan menduduki peperiksaan untuk mendapatkan lesen wakil broker niaga hadapan dan akan bekerja di dalam industri ini.

Memperakui akan pentingnya pendidikan pelabur, maka saya ingin menyarankan supaya KLOFFE atau pihak-pihak yang berwajib juga membuka dan menganjurkan lebih banyak kursus-kursus MFORR ini kepada bakal pelabur. Selaras dengan ini, saya ingin mencadangkan supaya KLOFFE membuat dua pendekatan. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya menurunkan caj bayaran bagi mengikuti kursus-kursus MFORR ini daripada RM1,400 kepada suatu caj yang lebih rendah atau yang lebih berpatutan ataupun tanpa mengenakan apa-apa bayaran kepada bakal pelabur nanti. Yang kedua, supaya pihak yang berwajib ini memperbanyakkan dan mempertingkatkan kekerapan kursus latihan ini. Pada masa ini sebuah syarikat daripada Amerika yang bernama Caffmens, Diamond and Young telah diberikan kontrak untuk melatih broker dan wakil broker niaga hadapan.

Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah pengajar atau tenaga tempatan tidak diambil ataupun syarikat tempatan diberikan peluang untuk melatih broker-broker ini? Saya cukup yakin walaupun industri ini masih baru atau dalam "infant stage"nya, saya percaya kita mempunyai cukup pakar-pakar dalam bidang-bidang ini untuk menjawat tanggungjawab yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal pendidikan ini, pelabur mestilah diberikan pendedahan yang mencukupi tentang risiko yang dihadapi dalam industri ini dan memberikan risalah yang mencukupi tentang perniagaan ini. Menyedari adanya risk disclosure document, mengetahui agensi yang mengawal selia, mengetahui tentang bayaran komisen yang patut dibayar oleh pelabur, mengetahui juga proses penyelesaian disputes ini dan mengetahui strategi perniagaan. Maka, walau apa jua produk yang diperkenalkan dalam industri ini dan untuk berjaya ianya harus mempunyai bilangan broker dan wakil broker serta pelabur yang mencukupi bagi mewujudkan minat dan keyakinan dalam perniagaan ini atau dalam ertikata lain, liquidity dalam industri ini.

Persoalan sama ada bilangan wakil broker niaga hadapan ini adalah mencukupi atau tidak, adalah bergantung kepada keupayaan KLOFFE. Saya ingin tahu setakat ini berapakah yang telah diberikan lesen wakil broker dan berapakah wakil broker pula yang diperlukan menjelang bulan November ini untuk menjayakan pelancaran industri ini dan adakah ianya mencukupi untuk menjayakan pelancaran stock index futures contract

ini nanti? Dan untuk menjayakan pasaran niaga hadapan ini, berapakah bilangan wakil-wakil broker niaga hadapan yang diperlukan? Saya mengambil contoh dalam industri sekuriti tidak kurang daripada 3,500 remisiers yang bekerja dalam industri ini dan bilangan ini sentiasa meningkat dari hari ke hari.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk memperbanyakkan bilangan wakil broker niaga hadapan ini, saya ingin mencadangkan supaya kos untuk melatih seorang wakil broker yang pada hari ini dikenakan bayaran sebanyak RM1,400 dikurangkan kepada satu kadar yang lebih rendah. Saya juga ingin menyarankan lebih banyak kursus-kursus diberikan seperti yang dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur selama ini. Saya menyokong usaha Suruhanjaya Sekuriti yang mengambil inisiatif untuk mengadakan road show di Sabah dan di Sarawak bermula pada esok hari untuk memperkenalkan dan memberikan pengetahuan tentang fungsi dan peranan Suruhanjaya Sekuriti dan menguatkuasakan peraturan, pembangunan serta penyenaian yang menyebabkan sekuriti industri. Dalam hal-hal lain, KLOFFE sepatutnya juga mengambil lebih banyak tenaga pengajar untuk membantu proses pendidikan ini.

Saya ingin mencadangkan agar Suruhanjaya Sekuriti dapat mengerahkan supaya semua broker niaga hadapan yang bakal dilantik menganjurkan kursus-kursus kepada pelabur-pelabur serta memberikan penekanan terhadap kebaikan dan juga risiko perniagaan stok indeks niaga hadapan ini.

Langkah yang diambil oleh T.A. Enterprise dan KLOFFE untuk

menganjurkan seminar yang bertajuk 'Memahami Stok Indeks Niaga Hadapan' pada bulan lalu, bertempat di sebuah hotel adalah merupakan satu langkah yang cukup menggalakkan. Maka kursus-kursus seperti ini sepatutnya diperbanyakkan lagi dan dipertanggungjawabkan kepada broker-broker yang akan beroperasi tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya yang kedua ialah bagi membantu untuk memperbanyakkan wakil broker niaga hadapan ini juga, KLOFFE sepatutnya tidak memastikan semua bakal-bakal wakil broker supaya mengikuti kursus info. Langkah mewajibkan semua bakal wakil broker ini supaya mengikuti kursus info ini adalah tidak sihat dan akan menjadikan penghalang untuk melatih serta mengeluarkan lebih ramai wakil broker yang berkemahiran dalam industri ini. Kalaulah sekiranya KLOFFE khuatir akan kualiti latihan tersebut, perkara ini sepatutnya boleh dikawal melalui peperiksaan yang akan disediakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pindaan kepada akta ini, saya ingin merujuk kepada Fasal 66 yang berhubung dengan pengwujudan tabung kesetiaan (fidelity fund) yang juga telah disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Rompin. Dalam konteks ini, saya ingin merujuk kepada Seksyen 61 dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang mana menghadkan kumpulan tabung amanah ini kepada satu tahap yang kecil yang berjumlah RM2 juta kalau saya tidak silap, yang dikumpulkan untuk tujuan membayar segala tuntutan pelabur di atas kerugian yang dialami oleh mereka, disebabkan oleh kelalaian (defalcation) oleh pekerja atau pengarah syarikat broker saham, di mana setiap tuntutan itu hanya boleh dibayar maksimum

RM100,000. Walaupun tidak banyak tuntutan dalam kes ini yang juga menunjukkan bahawa industri saham kita adalah sihat, namun ianya juga perlu diwujudkan bagi memberikan keyakinan kepada para pelabur bahawa pelaburan mereka itu dilindungi melalui pengwujudan fidelity fund ini.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang saya sebutkan ini adalah tidak memadai, maka dalam Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan ini jumlah pengumpulan tabung kesetiaan ini tidak dinyatakan secara khusus dan saya percaya ianya akan dikemukakan di dalam peraturan atau FIR yang akan diwartakan nanti.

Saya berharap supaya Suruhanjaya Sekuriti dapat memberikan perhatian serta pertimbangan yang praktikal dalam menentukan amaun maksimum di dalam pengwujudan tabung kesetiaan ini. Ianya harus dilihat daripada sudut untuk memberikan perlindungan yang secukupnya kepada pelabur dan berasaskan kepada risiko yang tinggi dalam perniagaan ini, maka amaun bagi setiap tuntutan yang ditetapkan adalah pada satu kadar yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 64 dalam pindaan ini merujuk kepada position dan trading limit, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan saya berharap dalam konteks ini Suruhanjaya Sekuriti akan benar-benar melaksanakan penguatkuasaan bagi position dan juga trading limit ini. Ini penting kerana ia memberikan perlindungan pelabur daripada aktiviti manipulasi dan juga cornering, dengan izin, dalam pasaran niaga hadapan, di mana krisis Barings di Singapura International Monetary Exchange sepatutnya boleh dielakkan oleh kerana adanya kelonggaran dalam

langkah-langkah pengesanan bagi setiap position dan juga trading limit ini yang berlaku di bursa tersebut menyebabkan krisis ini berlaku dan dalam menentukan trading limit ini, pihak Suruhanjaya harus berhati-hati dan memastikan ianya tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta ini tidak dinyatakan secara khusus tentang pengecualian kepada 'bona fide hedges', dengan izin, daripada membuat laporan position dan trading limit kepada bursa ini, yang mana di dalam Akta Komoditi Amerika Syarikat memberikan pengecualian kepada semua pelindung nilai (hedges) daripada membuat pengisytiharan ini. Untuk tujuan pengecualian ini maka CFTC memberikan definasi bagi setiap pelindung nilai atau bagi hedge dan menggaris serta mengenakan satu prosedur bagi memberikan pengecualian yang sewajarnya untuk tujuan tersebut. Oleh kerana ianya tidak dinyatakan secara khusus di dalam pindaan ini, saya ingin bertanya apakah pengecualian kepada pelindung nilai ini akan dinyatakan secara khusus dalam peraturan perindustrian niaga hadapan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa perniagaan niaga hadapan ini merupakan perniagaan yang berisiko tinggi kalau dibandingkan dengan stok dan saham, persoalannya apakah amaun minimum, modal yang akan dikenakan bagi setiap broker yang boleh memberikan perlindungan kepada pelabur sekiranya berlaku kesilapan oleh broker niaga hadapan.

Aspek yang kedua, yang diberikan perhatian di dalam industri ini ialah perlindungan terhadap institusi yang bermaksud bagi memberikan

perlindungan kepada unit tabung pesara dan tabung-tabung insurans dan lain-lain lagi.

Sehingga hari ini kita melihat peningkatan pelabur yang dibuat di dalam pasaran saham oleh pemegang tabung amanah telah meningkat dan setakat hari ini terdapat sebanyak 62 tabung amanah yang diurus oleh 22 buah syarikat yang mempunyai jumlah pelaburan sebanyak RM40 bilion atau sebanyak 6.6% daripada market capitalisation di Bursa Saham Kuala Lumpur. Oleh kerana sebilangan besar pelabur ini dibuat oleh pelabur kecil dan sederhana, persoalannya apakah bentuk perlindungan yang diberikan terhadap institusi ini. Apakah yang akan berlaku terhadap portfolio stok mereka sekiranya pasaran saham jatuh dengan mendadak? Apakah pasaran saham amanah ini dibenarkan untuk membuat perlindungan nilai atau hedging, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua daripada risiko harga pasaran dengan menggunakan kontrak stok indeks niaga hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada amalan biasa saya dapati tidak ada provision yang dinyatakan di dalam prospektus mereka secara khusus untuk menggunakan niaga hadapan untuk tujuan melindungi nilai.

Saya ingin bertanya kepada Suruhanjaya Sekuriti sama ada suatu garis panduan telah ataupun akan dikeluarkan kepada tabung amanah bagi membolehkan mereka menggunakan stok indeks niaga hadapan sebagai satu instrumen untuk membuat hedging.

Tuan Yang di-Pertua, aspek ini amat penting untuk diberikan perhatian kerana dalam mana-mana pelaburan khususnya pelaburan saham, kita akan berhadapan dengan dua bentuk risiko

di dalam pasaran saham, iaitu yang pertama, risiko yang tidak bersistematik (unsystematic risk) atau (devisible risk).

Yang kedua, sistematik ataupun risiko pasaran (market risk). Risiko yang tidak bersistematik adalah merujuk kepada risiko yang berhubung kait dengan penurunan harga stok yang lazimnya berlaku ke atas suatu stok dan berbeza dari penurunan yang disebabkan oleh impak negatif daripada keadaan ekonomi negara ataupun ekonomi dunia, yang mana dikenali sebagai sistematik atau risiko pasaran. Di antara faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada kejatuhan nilai suatu stok adalah disebabkan oleh penurunan dalam laporan pendapatannya atau perolehannya atau pertukaran atau perubahan pengurusan di peringkat syarikat tersebut dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, risiko ini boleh diminimumkan dengan membuat kepelbagaian terhadap kedudukan portfolio yang sedia ada. Saya berpendapat ini adalah merupakan hujah-hujah yang penting bagi penubuhan sesebuah tabung amanah, seperti Amanah Saham Nasional, ASB, ASS, ASK, Kuala Lumpur Mutual Fund, Pacific Fund, Tabung Pesara dan lain-lain lagi. Stok indeks niaga hadapan tidak diperlukan untuk melindungi nilai bagi risiko ini, dan yang boleh dibuat dengan mempelbagaikan portfolio mereka. Tetapi kita juga berhadapan dengan suatu lagi kategori risiko yang mana tidak boleh dikurangkan atau dilindungi walaupun dengan membuat kepelbagaian ke atas portfolio, walaupun kita menjadi pengurus dana amanah tersebut, risiko ini kita namakan sebagai risiko sistematik ataupun risiko pasaran. Ini kita rujuk sebagai penurunan harga stok yang disebabkan oleh kejatuhan atau

perubahan ekonomi sesebuah negara ataupun ekonomi dunia secara keseluruhannya.

Contohnya, disebabkan oleh perubahan atau dasar kewangan negara ataupun disebabkan oleh pertukaran kuasa politik ataupun peperangan, kejatuhan Wall Street dan lain-lain lagi. Dalam hal ini, tidak ada suatu usaha bagi mempelbagai portfolio, boleh mengurangkan ataupun mengelakkan daripada risiko ini, dan ini adalah merupakan suatu risiko yang amat besar. Dalam hal ini, adalah merupakan suatu pengurusan risiko yang tidak dinamakan sistematik atau risiko pasaran di mana pengurus dana boleh menggunakan stok indeks niaga hadapan sebagai amat berguna sekali. Sekiranya instrumen ini tidak dibenarkan untuk digunakan atau tidak boleh digunakan atau sebab-sebab tertentu, maka saya ingin menyarankan supaya pihak kerajaan dan Suruhanjaya Sekuriti dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya bagi membenarkan pengurus-pengurus tabung amanah ini dalam bentuk tabung dan lain-lain bagi membolehkan mereka ini menggunakan stok indeks niaga hadapan untuk tujuan melindungi nilai ataupun hedging.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Suruhanjaya Sekuriti ataupun kepada kerajaan, apakah seseorang pemegang lesen wakil broker niaga hadapan atau futures trading advisor, futures fund manager dibenarkan untuk mengurus niaga atau menjalankan niaga dalam niaga hadapan komoditi. Sebab saya difahamkan ada beberapa kes di mana asset fund manager dibenarkan untuk melakukan perniagaan ini.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Kementerian Kewangan dan juga Suruhanjaya

Sekuriti kerana telah berjaya mengemukakan satu pindaan kepada Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan ini yang saya cukup yakin akan dapat memberikan cukup perlindungan, cukup ketelusan bagi membantu pembangunan pasaran saham di negara kita ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tunggu sekejap, kita ada usul, Yang Berhormat Menteri minta kemukakan usul itu.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di-Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1995 dibahas dan diputuskan, dan Majlis akan ditangguh selepas Ucapan Penangguhan dibuat.”

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sepertimana

yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1995 dibahas dan diputuskan, dan Majlis akan ditangguh selepas Ucapan Penangguhan dibuat.”

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN (PINDAAN) 1995

Perbincangan disambung semula

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.05 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

Tuan Yang di-Pertua, akta ibu, akta induk yang dirujuk di sini berumur kurang daripada tiga tahun. Walaupun begitu, menteri telah mengemukakan pindaan yang mengandungi 91 fasal. Maka apa yang kita boleh membuat rumusan daripada sini ialah keadaan pasaran industri niaga hadapan ini adalah suatu pasaran yang sangat dinamik yang memerlukan perubahan dalam undang-undang dan ianya juga memperlihatkan keprihatinan kerajaan

dalam menangani apa-apa masalah yang mungkin timbul dan juga untuk memperkuat usaha kawal selia Suruhanjaya Sekuriti ke atas industri ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah mengemukakan pindaan-pindaan yang ada di depan kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga maklumat yang bergerak berpusing di dalam dunia ini, terdapat juga sejumlah besar dana ataupun wang yang berpusing-pusing di dalam dunia ini. Maka kita hendaklah mewujudkan infrastruktur-infrastruktur yang membolehkan kita memanfaatkan daripada wang yang ada berpusing-pusing dalam dunia ini. Antara langkah awal yang telah kita jalankan di Malaysia ialah mewujudkan pasaran saham, kemudiannya disusuli dengan pengwujudan pasaran komoditi. Jadi, sebagai satu usaha untuk memperdalamkan lagi pasaran kewangan, pasaran modal negara, kita hendak mempelbagaikan instrumen pelaburan yang ada. Oleh itu, diperkenalkan pula industri niaga hadapan.

Kewujudan industri niaga hadapan bertujuan untuk melindungi peserta-peserta, yakni yang bukan bersasarkan komoditi daripada variasi dalam pasaran spot market, pasaran tunai. Kerajaan juga berhasrat untuk menjadikan pada masa yang sama, Malaysia sebagai pusat kewangan yang ulung di rantau ini, salah satunya yang ulung di dunia. Ini adalah satu usaha yang perlu. Saya melihat keperluan memantapkan pasaran modal, pasaran kewangan negara adalah berkait rapat dengan usaha kita untuk bersaing di pasaran barangan.

Tuan Yang di-Pertua, ada kaitannya di antara pasaran barangan dengan

pasaran modal dan pasaran kewangan. Instrumen-instrumen yang diwujudkan oleh pasaran yang boleh diniagakan dalam pasaran hadapan menjadi satu alatan yang boleh digunakan oleh firma-firma tempatan dalam bersaing dengan firma-firma lain di dunia antarabangsa. Oleh itu, adalah perlu untuk Malaysia kerana kalau dibandingkan perkhidmatan dengan barangan, kekuatan yang ada pada negara dari segi perdagangan antarabangsa adalah pada sektor barangan. Kita sebenarnya menghadapi defisit dalam sektor perkhidmatan. Jadi, untuk membolehkan firma-firma tempatan bersaing di peringkat antarabangsa, maka kita hendaklah membekalkan firma-firma Malaysia dengan sebanyak mungkin alatan ataupun sekurang-kurangnya sama banyak dengan alatan yang ada pada firma-firma lain di negara-negara lain. Antara alatan yang hendak dibekalkan di sini ialah kebolehan mereka untuk buat hedging. Oleh itu, kita mewujudkan industri niaga hadapan. Saya melihat perkaitan di antara pasaran barangan dan pasaran modal ini merupakan satu justifikasi yang benar-benar kuat kenapa kita hendak mewujudkan dan memperkukuhkan industri ini. Saya meletakkan aspek-aspek lain sebagai yang sekunder kepada objektif yang saya kemukakan tadi.

Oleh yang demikian kita tidak ada keraguan kenapa kita perlu memperkukuh Akta Perindustrian Niaga Hadapan ini. Tetapi, dengan membentuk satu pasaran niaga hadapan, kita juga terpaksa berhadapan dengan masalah-masalah yang akan timbul daripada kewujudan pasaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pasaran saham di Malaysia, BSKL

mengikuti ukuran-ukuran yang lazim diguna, pasaran saham yang telah lama wujud itu pun masih belum boleh dikategorikan sebagai satu pasaran yang cukup matang. Tetapi, ianya sesuatu yang kita perlukan, jadi sekarang ini kita hendak memperkenalkan dan sudah pun memperkenalkan pasaran niaga hadapan dan ia akan membuka satu pintu yang boleh dimanfaatkan secara baik tetapi juga boleh dieksploitasikan secara negatif.

Antara perkara yang merunsingkan saya ialah, perkara yang sama telah ditimbulkan oleh Ahli dari Labuan iaitu industri ini adalah satu industri yang sangat berisiko tinggi dan kita tidak jangkakan bahawa peserta-peserta di dalam pasaran ini akan terdiri daripada pelabur-pelabur kecil kerana pelabur-pelabur kecil di dalam pasaran saham pun baru mula berkecimpung dalam pasaran saham yang lebih stabil itu hanya kebelakangan ini dengan pewujudan tabung-tabung amanah. Itu pun sebagai peratusan market capitalisation, aset yang dipegang oleh tabung-tabung amanah ini adalah yang dikatakan tadi hanyalah dalam 6%, 7%, satu pasaran yang matang, sepatutnya mempunyai peratusan yang lebih tinggi lagi.

Jadi, sekarang kita memperkenalkan satu lagi instrumen yang boleh didagangkan dan mempunyai risiko yang tinggi, yang membimbangkan saya di sini, di antara perkara yang hendak kita minta penjelasan daripada Menteri ialah penyertaan pengurus-pengurus dana tabung-tabung amanah ini di dalam pasaran niaga hadapan. Apakah garis panduan, apakah ada batasan-batasan, sekatan-sekatan yang diperuntukkan kepada pengurus-pengurus dana ini dalam melibatkan diri dalam perindustrian niaga hadapan.

Volatility dan juga ketidakstabilan dan juga risiko tinggi dalam industri ini, kita rasakan boleh dijadikan satu jalan pelaburan yang memulangkan pulangan yang tinggi kepada pengurus dana tersebut tetapi ianya juga boleh menyebabkan pengurus-pengurus dana tersebut masuk dana pencen dan sebagainya mengalami kerugian yang boleh menjejaskan tujuan pewujudan dana-dana tadi.

Satu perkara lain yang kita hendak timbulkan di sini ialah walaupun di pasaran saham yang saya katakan masih lagi belum boleh kita kategorikan sebagai satu pasaran yang cukup matang, kita dapati pergerakan pasaran tersebut banyak dipengaruhi oleh sentimen, terutamanya kita lihat misalnya walaupun penyertaan dana asing dalam pasaran saham adalah kecil, kurang daripada 15% atau 20% macam begitu tetapi arah gerakan sentimen pasaran banyak dipengaruhi oleh keputusan yang dibuat oleh pengurus-pengurus dana asing ini. Jadi, untuk industri niaga hadapan ini, satu kebimbangan yang ada ialah, kalaulah sentimen spekulasi ini yang kita tahu memang wujud dan memangnya perlu ada untuk melicinkan mana-mana juga pasaran untuk mencapai satu keseimbangan, kita takut aspek spekulasi yang menyebabkan satu-satu orang atau seseorang pengurus itu menjadi 'risk lever' bertindak dengan cara yang tidak bertanggungjawab dan boleh selain daripada menyebabkan kerugian kepada pihaknya sendiri, boleh juga menimbulkan ketidakstabilan dalam pasaran.

Jadi, ini adalah di antara satu lagi perkara yang saya rasakan yang belum disentuh tetapi yang kita rasakan adalah patut diberi perhatian.

Satu lagi perkara ialah kita kena sedar seperti yang saya katakan tadi,

selain daripada berfungsi untuk 'hadging dan arbitrage untuk mendapat perlindungan daripada pasaran tunai semasa, itu tujuan asas kenapa diadakan pasaran-pasaran ini, tetapi kita juga boleh menggunakan pasaran itu untuk spekulasi yang boleh mendatangkan keuntungan yang besar, jadi apakah ada garis panduan oleh Securities Commission atau apakah kaedah pengawalan yang ada di mana kita tidak mahu sebenarnya peserta-peserta dalam pasaran ini, walaupun kita berkehendakkan kecairan dalam pasaran, kita tidak hendak pasaran ini dijadikan sebagai satu infrastruktur, satu jalan di mana speculators menggunakan pasaran ini semata-mata untuk memperolehi dana yang cukup dengan tujuan untuk membuat 'takeovers' ataupun 'mergers'. Walaupun ini merupakan satu daripada perkara yang boleh dilakukan tetapi ianya bukanlah tujuan utama kenapa kita mengadakan industri ini.

Kita juga bimbang sikap untuk hendak cepat kaya ini, sikap kepada individu dan sikap yang ada kepada 'corporate world' di setengah-setengah syarikat di dalam Malaysia ini, yang lebih ghairah untuk bermain dengan kertas, mewujudkan kekayaan di atas kertas, dengan membuat 'takeover', dengan mengguna leverage yang tinggi, create paper money for the purpose of takeover. Jadi, ini kalau itu akhirnya menjadi kegunaan utama pasaran ini, maka ianya boleh dikategorikan sebagai tidak memenuhi tujuan asas kenapakah kita mengadakan benda ini.

Jadi, dalam konteks itu, saya juga ingin menyarankan kepada sektor korporat di negara ini supaya lebih menumpukan perhatian kepada proses pengeluaran dan kemantapan penguasaan pasaran daripada bermain dengan instrumen-instrumen kewangan

semata-mata. Sekarang ini kita dapati seperti yang dibahaskan tadi dalam Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan juga tabung-tabung yang seperti ini, kebanyakan badan-badan amanah seperti ini, kebanyakannya berpegang kepada kekayaan kertas dan tidak terlibat secara langsung dengan usaha untuk mengeluarkan sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita serius untuk menjadi sebuah negara yang industrialised, maka hakikatnya industri kita mesti mengeluarkan sesuatu. Jadi, kita cuba kumpulkan modal daripada pasaran-pasaran kewangan tetapi matlamatnya ialah untuk mengeluarkan sesuatu dan bukannya untuk berpuas hati dengan mewujudkan keuntungan di atas kertas.

Satu lagi persoalan yang saya ingin timbulkan di sini ialah oleh kerana pasaran modal ini berkait dengan sistem kewangan dan sistem bank misalnya, kerana apakah ada mekanisma yang boleh mengawal sesuatu 'the bleeding' sesuatu bleeding dalam sesuatu pasaran supaya tidak menjejaskan pasaran yang satu lagi, misalnya apakah peruntukan-peruntukan yang ada dari segi keperluan margin ataupun keperluan dari segi tahap maksimum leverage yang ada supaya kita boleh menjamin bahawa kalau ada ledakan-ledakan yang tertentu dalam pasaran modal ianya tidak berjangkit dan menjejaskan institusi-institusi kewangan khususnya bank-bank itu sendiri, kerana kita, sebab benda ini pada hakikatnya adalah berkait rapat tetapi kita hendaklah mempunyai satu mekanisma yang boleh isolatekan satu-satu masalah ke dalam pasaran itu sahaja tanpa menjejaskan dengan teruk pasaran-pasaran yang berkaitan.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah oleh kerana pasaran ini merupakan satu pasaran yang menjanjikan pulangan yang sangat tinggi, saya rasa sudah tentunya spekulators yang tidak bertanggungjawab akan memasuki pasaran ini, tetapi kita lihat daripada pindaan yang ada dalam Akta ini telah mengambil kira untuk memperketatkan pengawalseliaan Securities Commission ke atas pasaran, tetapi saya ingin juga menyarankan dengan usaha kita untuk membangunkan pasaran-pasaran kewangan modal di negara kita, dengan mengukuhkan fungsi Security Commission, dengan memperuntukkan undang-undang untuk mengawal segala industri niaga hadapan dan industri sekuriti semua, selari dan sejajar dengan pembangunan (development) ini, kita juga hendaklah memastikan pihak Polis, misalnya, dalam white collar crime divisionnya, dalam apa juga department yang ada dalam Polis Di-Raja Malaysia yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan siasatan dalam kesalahan white collar ini juga perlu dimantapkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ada peruntukan undang-undang dalam pindaan Akta ini dan juga dalam pindaan Akta Suruhanjaya Sekuriti dan kita adakan penalti-penalti yang tertentu, pihak polis juga perlu meningkatkan aspek kebolehan mereka untuk menyelidik dan mendakwa mereka yang bertindak bercanggah dengan keperluan undang-undang.

Oleh itu, Seksyen Commercial Crime, Polis Diraja Malaysia juga hendaklah dikukuhkan bersama dengan kita memperkenalkan banyak peluang-peluang untuk melabur tetapi dalam masa yang sama kita juga

mewujudkan peluang-peluang untuk orang yang tidak bertanggungjawab bertindak dengan salah. Jadi, dengan ini saya menyeru agar pihak Polis juga haruslah mewujudkan satu pasukan Commercial Crime yang profesional untuk berdepan dengan kemungkinan yang sudah semestinya ada di hadapan kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk perbincangan dasar, itulah sahaja yang hendak saya katakan. Saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya difahamkan ramai yang ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan Suruhanjaya Sekuriti, jadi, saya nampaknya tidak dapat membenarkan masa yang lebih untuk Rang Undang-undang yang ada sekarang ini. Kalau boleh, saya minta Menteri menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekarang.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah berikan saya 10 minit?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 10 minit? Yang Berhormat janji - 10 minit sahaja? Okay, 10 minit, selepas ini kementerian akan menjawab.

6.25 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ada janji dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dia hendak dengar apa cadangan saya. Saya nampak daripada Rang Undang-undang yang tebal ini ada banyak perkara, ada yang boleh

diterima, tetapi yang pentingnya ada beberapa perkara yang saya hendak sentuh di sini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia ini ada lebih 200 bilion wang – hard money dalam edaran dan wang tidak mengenal sempadan. Saya percaya dengan mengadakan Rang Undang-undang ini kita hendak menarik balik lebih banyak wang seperti ini dalam negara ini, dan saya tidak nampak ada sebutan mengenai Hong Kong. Saya percaya besar kemungkinan Rang Undang-undang seperti ini adalah untuk menarik pelaburan daripada Hong Kong yang akan diambil alih oleh pihak PRC pada tahun 1997 dan kita memang berharap banyak syarikat seperti Jarjing Flamming, Guinness Flight dan sebagainya dapat melabur di Malaysia.

Yang Amat Berhormat tadi tidak menyebutkan apakah maksudnya, walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang belum lagi disentuh oleh rakan saya iaitu mengenai forex dan yang tidak disentuh lagi ialah bagaimana ketelusan ini dapat dilaksanakan memandangkan pada tahun 1980-an Bursa Komiditi sudah tumbang, sudah ditutup dan ada hari yang sangat gelap kerana bekas pemilik KFC (Kentucky Fried Chicken) yang membolot pasaran dengan begitu sahaja – iaitu di dalam pasaran kelapa sawit sehingga di dalam niaga pasaran hadapan dia bolot semua kontrak dan menaikkan harga dan orang-orang yang membeli kontrak itu adalah dengan harga yang mahal. Kemudian, pihak kerajaan tutup pasaran itu dan mencari fasal mengapa Goh Chen Yee berbuat demikian.

Ini satu pengalaman kita mengenai pasaran niaga hadapan yang tidak pernah diumumkan sebab-musabab

tragedi ini berlaku di negara ini. Ini yang pertama. Juga kalau kita hendak sebutkan tindakan kerajaan sendiri di dalam London Metal Exchange, pernah pihak kerajaan membolot bijih timah dan kemudian London Metal Exchange tukarkan peraturannya sehingga pihak kerajaan mengalami kerugian yang sangat besar (MAMINCO). Kedua lagi, yang saya tambahkan hari ini untuk menunjukkan bahawa ketelusan itu memang diperlukan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi dan saya hendak menekankan bahawa bila seseorang itu menceburkan diri dalam niaga hadapan, dia boleh hilang sebuah bungalow dalam satu hari, dan dengan modal awal yang tidak besar, cuma 10% dia boleh menceburkan diri dalam niaga hadapan, berbanding dengan Bursa Saham yang memerlukan modal yang lebih tinggi. Maka sebab itulah banyak orang yang menceburkan diri di dalam niaga hadapan.

Walau bagaimanapun saya hendak mencadangkan, sebab saya hendak mematuhi masa yang diberikan selama 10 minit – 4 cadangan saya ialah:

Yang pertama, seperti mana yang dibuat oleh Bank Negara, pasukan-pasukan audit adalah dihantar kepada bank-bank untuk mengkaji akaunnya. Saya mencadangkan supaya pasukan-pasukan audit daripada Suruhanjaya Sekuriti dihantar kepada firma-firma niaga hadapan untuk meneliti akaun-akaunnya dan di sini, ada baik juga di dalam pindaan seksyen 36, menteri boleh melalui peraturan-peraturan menetapkan dan mengenai penyimpanan rekod perakaunan, penyediaan dan pengemukaan kepada Suruhanjaya akaun-akaun untung dan rugi dan kunci kira-kira oleh perbadanan yang merupakan syarikat bursa, pusat penjelasan bagi syarikat

bursa, broker niaga hadapan dan pengurus kumpulan wang niaga hadapan. Ini baik juga tetapi kita mesti tambahkan lagi pasukan-pasukan audit dihantarkan ke firma-firma niaga hadapan.

Yang kedua, saya mencadangkan supaya apabila siasatan-siasatan dibuat ke atas penyelewengan atau kecurangan yang berlaku oleh firma-firma niaga hadapan, laporan ini hendaklah diumumkan untuk dimaklumkan kepada orang ramai sebagai satu langkah untuk ketelusannya.

Yang ketiga, ketika pihak kerajaan meluluskan lesen kepada firma-firma niaga hadapan, saya mencadangkan hanya firma-firma dengan latar belakang yang baik - 'good international track record', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dipilih sebab kalau kita tidak berbuat demikian, tidak mengkaji semua firma-firma yang memohon untuk lesennya, kita akan menghadapi kesusahan seperti mana yang dilakukan oleh bekas pemilik KFC.

Yang keempat dan yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, wakil-wakil broker, orang-orang yang terlibat di dalam niaga hadapan perlulah diberi latihan seperti mana yang dicadangkan oleh beberapa Yang Berhormat tadi, tetapi saya mencadangkan supaya hanya orang yang layak dibenarkan beroperasi. Orang-orang yang layak sahaja. Jangan kita benarkan orang-orang yang tidak layak sebab di dalam lebih satu dekad ini, saya sering kali menerima telefon daripada wakil-wakil ini untuk menceburkankan diri di dalam niaga hadapan. Entahlah, desakan demi desakan di dalam lebih satu dekad dan saya berharap, wakil-

wakil broker seperti ini adalah orang yang paling layak untuk berniaga di dalam industri niaga hadapan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebenarnya saya banyak buat nota di sini untuk dikemukakan. Sekian, terima kasih.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

6.33 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada enam orang sahabat iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Kota Melaka, Rompin, Labuan, Balik Pulau dan Kepong.

Sebahagian dari Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan juga Ahli Yang Berhormat dari Labuan telah memberi apa yang boleh saya sifatkan sebagai satu kuliah yang baik kepada Dewan ini mengenai dengan industri niaga hadapan ini dan saya sangat-sangat berterima kasih di atas sumbangan mereka itu supaya kita Ahli-ahli Dewan ini termasuk diri saya dapat memanfaatkan daripada ilmu kedua-dua orang Ahli ini.

Dua orang Ahli iaitu Ahli dari Parit Sulong dan Kota Melaka telah menyatakan rasa bimbang mereka mengenai dengan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku di dalam industri niaga hadapan di negara kita ini berasaskan kepada apa yang berlaku baru-baru ini baik di luar negeri mahupun di dalam negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Kota Melaka menyebut dua peristiwa iaitu peristiwa Barings, yang dilakukan oleh Nick Leason dan juga peristiwa syarikat Berjaya. Saya ingin menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tujuan pindaan-pindaan ini dibuat ialah untuk mengatasi masalah-masalah itu. Untuk membuat usaha preemptive terhadap masalah-masalah yang sama yang timbul yang membawa kepada keruntuhan Barings dan kerugian syarikat Berjaya.

Jadi, semua yang dibuat ialah semata-mata untuk memperkukuhkan FIA ini agar industri niaga hadapan kita akan merupakan satu industri yang dikawal selia dengan rapi oleh Suruhanjaya Sekuriti dan juga pihak kerajaan.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya belum kata apa lagi. Saya baru mukadimah sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan kerana dia kata berdasarkan kepada tumbangnyanya dan muflisnya Barings, dia mengemukakan Rang Undang-undang ini pada halnya kita pun tidak tahulah apa yang sebenarnya berlaku di dalam Barings, cuma satu spekulasi setakat ini dan laporan kepada pihak kerajaan Singapura pun belum diumumkan lagi. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk meminda semula setelah kita terima laporan daripada Singapura?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong ini tidak sabar. Tunggulah sekejap, saya hendak beritahu.

Jadi, latar belakang dan senario sebeginilah yang mendatangkan kebimbangan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Yang Berhormat dari Parit Sulong. Yang saya katakan tadi ialah usaha-usaha kita untuk mengadakan satu usaha preemptive agar apa yang akan dan telah berlaku dalam peristiwa Barings itu tidak akan berlaku di tempat kita. Kita hanya boleh berikhtiar, Yang Berhormat. Tidak perlu kita mengetahui secara detail apa yang berlaku di Singapura itu untuk kita mengadakan pindaan-pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam FIA.

Jadi, di sini, untuk kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang mengatakan itu, saya menghayati dan saya, dengan izin, appreciate portion yang telah diberi oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk menjelaskan lagi, di dalam pindaan-pindaan sebagai usaha preemptive, saya ingin merujuk kepada seksyen-seksyen 11A dan 106B dan juga di seksyen 106A.

Di dalam pindaan-pindaan di bawah seksyen-seksyen ini, kita telah memasukkan kuasa mahkamah, membuat arahan ke atas perlakuan pelanggaran peraturan-peraturan berniaga. Sebarang penukaran peraturan ke atas sesuatu urusan niaga mestilah dibenarkan oleh Akta iaitu Akta ini. Di dalam Akta FIA, tiada peruntukan yang membolehkan Suruhanjaya menguatkuasakan peraturan niaga lagi.

Jadi, di dalam pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya dibolehkan membuat permohonan kepada mahkamah untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan ini yang akan diadakan dan ini akan menutup satu 'missing link' yang

dahulu wujud di dalam Akta lama, yang mana Suruhanjaya tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan sebelum itu.

Di dalam 106A, saya ingin menyatakan di sini bahawa tujuan kita meminda untuk mengadakan preemptive ataupun usaha-usaha preemptive ini, tujuan kita meminda 106, iaitu mengadakan satu peruntukan baru ialah untuk mewujudkan akaun berasingan di antara klien dan broker. Ini akan menghalang peristiwa kerugian broker yang ditanggung bersama oleh klien.

Misalannya di dalam peristiwa Barings – itu contoh di dalam peristiwa Barings, akaun-akaun klien tidak terjejas, hanya akaun Barings sahaja yang terjejas. Ini kita tahu dan ini kita lakukan sebagaimana yang wujud di dalam SIMX. Pihak berkuasa di Singapura memindahkan segala akaun klien apabila berlaku peristiwa ini daripada akaun Barings kepada lain-lain akaun broker yang solvent. Di sini, undang-undang yang mengawali insolvency tidak dikaitkan dengan peraturan-peraturan pusat penjelasan, iaitu peraturan-peraturan yang ada.

Jadi, ketiga-tiga pindaan yang dibuat ini adalah usaha setakat mana yang kita boleh buat setakat ini untuk memperkemas dan memperketat pengawalseliaan yang ada di bawah Akta FIA 1993 untuk kita memastikan bahawa kebimbangan-kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Yang Berhormat dari Parit Sulong itu diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa industri niaga hadapan ini bukanlah perkara baru. Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi mengatakan bahawa ianya wujud di dalam kurun ke-19 di Amerika.

Sebenarnya, mengikut sejarah, industri ini wujud di dalam tahun-tahun 1500 dan 1600 apabila pihak East India Company datang memperdagangkan barang-barangnya dengan East English. Jadi, masa itu sudah pun wujud nukleas ataupun bibit perdagangan niaga hadapan dan mungkin ianya wujud lebih awal dari itu. Mungkin ianya wujud di dalam perdagangan Seri Vijaya dengan Benua China. Kita tidak tahu, tetapi yang direkodkan ialah pada masa itu telah pun dilakukan niaga hadapan kerana perdagangan barang-barang dagang yang dibawa daripada Eropah dan daripada Asia ke Eropah mengambil masa 3 bulan ataupun 4 bulan, jadi perlu diadakan ini.

Cuma, yang ada pada masa ini ialah satu usaha yang mencanggihkan instruments yang ada. Jadi, di sini, saya ingin menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa industri niaga hadapan di negeri kita khususnya adalah suatu industri langsung, tetapi dari segi kemodenannya, kita masih lagi di dalam keadaan yang infancy, dengan izin.

Yang Berhormat dari Parit Sulong menyebut tentang kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang ketat untuk memastikan ianya tidak berlaku, iaitu segala yang telah pun saya nyatakan di sini tadi. Yang Berhormat dari Parit Sulong juga bimbang akan wujud syarikat dan individu yang tidak ada kredibiliti, iaitu membuat secara 'sembrono'.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Parit Sulong, saya ingin meyakinkan Yang Berhormat bahawa di dalam pindaan ini, khususnya pindaan di seksyen-seksyen 10, 15, 15A, 16A iaitu 18A, peruntukan baru 31, 87, 11A dan 106. Semua ini adalah

langkah-langkah yang diperketatkan yang termasuk kriteria-kriteria ahli-ahli yang hendak berniaga di dalam industri niaga hadapan ini dipilih dan ditapis dengan baik dan dipastikan bahawa orang-orang, seperti mana yang Yang Berhormat Kepong katakan tadi, orang-orang yang layak sahaja – orang yang mempunyai kredibiliti, orang-orang yang bermaruah tinggi dan orang yang mempunyai niat yang baik sahaja dimasukkan dan diterima sebagai peniaga-peniaga di dalam industri niaga hadapan kita.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Parit Sulong dan juga Ahli-ahli lain yang membangkitkan soal pendidikan diperlukan untuk memberitahu kepada rakyat umum mengenai dengan mekanisme niaga hadapan ini. Saya menyatakan di sini, langkah telah pun diambil di dalam pindaan Akta Suruhanjaya Sekuriti yang akan dibentangkan selepas Akta ini. Kita telah membuat peruntukan dan juga kebolehan Suruhanjaya menubuhkan badan korporat, bukan sahaja untuk memberi pendidikan yang lebih tinggi kepada pegawai-pegawainya, malah untuk membolehkan badan korporat yang ditubuhkan di bawah Suruhanjaya Sekuriti ini mewujudkan usaha-usaha penyelidikan dan latihan, termasuk kepada peniaga-peniaga di dalam pasaran dan juga orang-orang umum.

Misalannya, pada masa ini levi yang didapati oleh Suruhanjaya Sekuriti daripada pasaran kewangan negara lebih kurang RM200 juta setahun dan saya fikir dengan wang yang sebanyak ini, segelintir daripadanya boleh digunakan untuk tujuan ini, iaitu memberi balik atau to give back, dengan izin, kepada pasaran dan juga kepada umum sebagai satu social responsibility Suruhanjaya Sekuriti negara kita.

Yang Berhormat dari Parit Sulong juga membangkitkan mengenai elemen spekulasi yang wujud. Saya tidak menafikan bahawa spekulasi memang wujud, malah instruments derivatif ini, satu daripada penggunaannya ialah speculators, bukan sahaja hedgers, bukan sahaja arbitrage, malah satu kumpulan yang besar ialah speculators.

Kita tidak dapat mengelak speculators. Kalau orang hendak berjudi, kalau hendak speculate, kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini pun boleh dispeculate – hari ini sebanyak mana; esok sebanyak mana dan boleh dimasukkan sebagai satu perkara di dalam perniagaan industri niaga hadapan.

Jadi, pilihanraya pun orang speculate, permainan bola semi pro pun orang speculate. Jadi.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Dua orang bangun.....dua orang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Nanti sekejap, saya hendak habiskan ayat dahulu. Jadi, spekulasi memang ada dan kita tidak nafikan bahawa sebahagian daripada peniaga-peniaga ini adalah orang-orang yang speculate, termasuk kita yang membeli saham-saham di KLSE secara margin, kita speculate juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin dahulu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Penjelasan sedikit. Yang

Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa spekulasi ini termasuk juga Ahli di dalam Dewan. Saya hendak tanya, ada orang hendak meletakkan wang untuk speculate Yang Berhormat dari Kepong tidak akan datang petang ini? (*Ketawa*) Kalau Tuan Lim Kit Siang ada, saya bimbang juga!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Ya, saya kata kemungkinan, semua boleh. Yang Berhormat dari Kepong menang berapa, kalah berapa, itu pun boleh dibuat spekulasi. Jadi, kita tidak dapat menolak hakikat itu, iaitu sebahagian daripada fiil manusia ialah berjudi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham bahawa urusan niaga ini membabitkan spekulasi. Yang saya maksudkan ialah supaya dijelaskan kepada umum, walaupun ini membabitkan spekulasi, ini pula tidak merupakan satu perniagaan untung dan nasib perjudian seperti di kasino-kasino. Itu yang saya mahu dijelaskan kepada umum.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, dahulu, Yang Berhormat Menteri Kewangan selalu berleter kepada kita bahawa jangan jadikan KLSE sebagai kasino! Ini pun mungkin akan dijadikan sebagai kasino pada permulaannya.

Jadi, ada sesetengah pihak yang mengatakan, apa salahnya sebahagian daripada pemain-pemain KLSE ataupun di sini FIA ataupun futures menspekulasi sebab mereka berhujah bahawa sesuatu pasaran itu memerlukan liquidity. Liquidity hanya boleh berlaku bila ada sebilangan speculators.

Jadi, ada dua cerita dalam hal ini. Sesetengah kata, spekulasi tidak bagus, setengah kata, spekulasi bagus. Tadi kita dengar kuliah daripada Yang Berhormat dari Balik Pulau – dia mementingkan spekulasi. Setengah orang, minta maaf – mementingkan likuiditi dan kita tahu bahawa satu pasaran itu akan bertambah likuiditinya jikalau ada elemen spekulasi. Jadi, inilah yang saya katakan tadi. Bukan saya hendak katakan kita tidak boleh menolak kemungkinan ini. Tetapi dengan kematangan sesuatu pasaran, maka elemen ini akan berkurang. Jadi, seperti mana yang saya kata tadi, kematangan kita belum lagi meningkat, termasuk KLSE sendiri.

Tuan Ahmad Rahin bin Mohd. Said:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bagan Datok.

Tuan Ahmad Rahin bin Mohd. Said:
Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu.....Kuala Nerus.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila. Sila.

Tuan Ahmad Rahin bin Mohd. Said:
Saya ingin tahu sama ada spekulasi itu adalah sama dengan perjudian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Spekulasi sama dengan perjudian. Setengah orang kata sama, setengah orang kata tidak. Jadi, terletaklah kepada Yang Berhormatlah. Janganlah beri beban kepada saya mentakrifkan ini (*ketawa*) kerana itu terletak kepada Yang Berhormat. Kalau saya beli saham Idris Hydraulic pagi ini, saya jual petang dengan spekulasi harga naik 20 sen, apakah itu perjudian?

Tuan Yang di-Pertua: Orang beli tanah pun kadang-kadang dia hendak untung juga.

Tuan Ahmad Rahin bin Mohd. Said: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tertarik dengan jawapan daripada Yang Berhormat. Cuma saya tertanya-tanya tentang Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan bahawa futures trading itu adalah berbentuk perjudian. Yalah, saya hendak cerita pasal Islam pun boleh jugalah. Dalam Islam.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya boleh minta penjelasan.

Tuan Ahmad Rahin bin Mohd. Said: Saya hendak terangkan tentang judi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, lain kalilah. Lain kalilah.

Tuan Ahmad Rahin bin Mohd. Said: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi maksud saya bila kita sebut judi ini maknanya futures trading ini walaupun ia berbentuk futures (akan datang) tetapi delivery of goods, dengan izin, kalau kita beli katakan Deutsche Mark di bulan Mac tetapi pada waktu itu bulan Januari, tetapi delivery of goods kepada futures trading itu datang kemudian pada waktu tempoh matang (maturity). Jadi, maknanya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta penjasankah itu?

Tuan Ahmad Rahin bin Mohd. Said: Tidak, bila saya tanya tadi. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, bila saya tanya spekulasi dengan perjudian tadi, jadi saya kena terang. Maknanya futures trading ini bukannya perjudian kerana ada delivery of goods.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Baik.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat menolong saya dalam hal ini. Tetapi kalau Yang Berhormat hendak

bercakap mengenai dengan hakikat ini, ada satu lagi akta yang saya akan bentang selepas ini, boleh bercakap. (*Ketawa*) Saya tidak mahu terbabit. Kalau kita hendak tahu bahawa segala instrumen di dalam futures trading adalah instrumen yang hendak menguruskan risiko. Instrumen swap, instrumen opsyen, instrumen futures dan forward adalah semuanya hendak menguruskan risiko. Ianya bukan berjudi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong juga membangkitkan mengenai dengan risiko iaitu masalah pengurusan risiko dan bagaimana kita mengatasinya. Saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat di dalam pindaan seksyen 10, seksyen 15 dan seksyen baru 15A. Tujuan untuk pindaan yang dibuat di sini ialah untuk memelihara pasaran hadapan daripada risiko-risiko. Semuanya yang di dalam seksyen tadi kalau Yang Berhormat baca, "pasaran-pasaran hadapan adalah alat untuk menguruskan risiko" sebagaimana saya kata tadi. Tetapi mereka sendiri adalah terdedah kepada risiko-risiko juga. Jadi, dalam dia mengurus risiko, dia pun terdedah kepada risiko. Jadi, perlulah kita membuat pindaan. Yang Berhormat tanya tadi, amatlah penting diberi kuasa kepada Menteri dan Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawal pasaran-pasaran hadapan ini. Sebab itu, kita memberi kuasa kepada Menteri membuat perintah-perintah untuk memastikan bahawa pasaran ini tidak terdedah kepada risiko yang banyak.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong juga menanyakan adakah benar kebolehan Malaysia menguruskan derivatif adalah terhad. Saya ingin menjawab bahawa tidak benar. Suruhanjaya Sekuriti dengan pindaan-

pindaan yang kita akan lulus nanti akan mempunyai kebolehan-kebolehan ataupun kuasa-kuasa yang bertambah untuk memastikan bahawa kebolehan suruhanjaya ini mengurus adalah pada peringkat yang tinggi.

Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pergi berjumpa dengan pegawai-pegawai Suruhanjaya Sekuriti kita, tentu Ahli Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa kepakaran yang ada di kalangan pegawai-pegawai yang kebanyakannya muda-muda belaka, yang berkelulusan daripada Harvard University, Cambridge University, Oxford University dan lain-lain lagi mempunyai kebolehan dengan peluang yang kita beri kepada mereka, dengan kuasa yang kita pinda untuk mereka menjalankan pengurusan yang lebih baik dan memastikan bahawa industri niaga hadapan negara akan berjalan dengan baik dan lancar.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Sedikit penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong yang dijawab oleh Yang Berhormat Dato' tadi, saya pun mahu membangkitkan perkara itu juga. Bahawa kita tidak risau tentang kepakaran Suruhanjaya Sekuriti tetapi kebimbangan kita ialah di pasaran itu sendiri, among the players. Di kalangan merchant bankers, corporate concerned, mereka yang mengurus kewangan di syarikat-syarikat korporat, treasury officers di syarikat masing-masing; adakah keupayaan itu sampai tahap mereka boleh mengambil masuk pasaran, risikonya amat besar? Ini persoalan

yang saya juga lihat kalau boleh Yang Berhormat menyentuh sedikit.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan dan kuasa-kuasa yang ditambah iaitu dari pihak Menteri dan juga dari pihak Suruhanjaya Sekuriti sendiri, kita boleh mengawalnya – insya-Allah. Dengan kepakaran, kebolehan melihat mengenai dengan penyelewengan-penyelewengan. Cuma yang saya agak bersetuju sedikit dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi mengenai apakah kebolehan White Collar Crime Division Polis kita menyiasat pada masa ini, jikalau ianya berlaku. Kita harap pihak Polis pun akan dilatih oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti, diberi maklumat yang tertentu, yang cukup bagaimana hendak meneliti dan mengenal pasti apa-apa penyelewengan yang berlaku.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:

Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya juga tidak menafikan kebolehan pihak Suruhanjaya Sekuriti. Yang saya persoalkan adalah, adakah benar laporan yang mengatakan bahawa merchant bankers kita sendiri mempunyai kemampuan yang terhad untuk menguruskan risiko dan dengan itu juga mereka mempunyai pergantungan yang agak tinggi kepada kepakaran luar negeri. Itu yang saya persoalkan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Saya hendak memberi jawapan secara tepat, mungkin tidak dapat. Tetapi dengan adanya merchant bankers kita yang banyak, yang telah berpengalaman, saya pasti apa yang

disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak benar. Dakwaan-dakwaan yang mengatakan bahawa mereka tidak berkebolehan adalah tidak benar.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan kebimbangan; seperti mana yang saya jawab tadi, telah ada peruntukan untuk mengatasi kebimbangan-kebimbangan Ahli Yang Berhormat tadi. Jikalau di dalam proses kita membangun industri niaga hadapan kita, berlaku juga, maka Dewan ini akan memberi lebih kuasa dan kita akan memainkan peranan yang penting. Apa yang kita buat hanya apa yang kita boleh lakukan to the best of our ability pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bertanya adakah kerajaan ada political will untuk mengambil tindakan ke atas peristiwa Bank Negara Malaysia? Saya tidak tahulah apa yang dimaksudkan dengan "tindakan yang hendak diambil" kerana orang-orang yang bertanggungjawab di dalam peristiwa perniagaan forex di Bank Negara Malaysia telah pun pergi, telah pun berhenti. Jadi, tindakan apa yang hendak diambil saya tidak tahu kerana tiap-tiap satu perlakuan yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia ataupun mana-mana badan korporat di dalam perniagaan adalah satu perlakuan yang terdedah kepada risiko dan tiap-tiap ahli yang membuat keputusan, kalau ianya keputusan dibuat bukan dengan izin, criminal intention, maka ahli itu mestilah mempunyai certain degree of indemnity, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, di sini dengan pemberhentian orang-orang yang bertanggungjawab, maka saya fikir tindakan telah pun selesai.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau perkara ini boleh dianggap selesai begitu sahaja, orang-orang yang terbabit telah meninggalkan Bank Negara, bukankah ini boleh dianggap sebagai satu hukuman yang amat ringan, memandangkan bahawa negara telah rugi begitu banyak, di antara RM16 bilion hingga RM30 bilion? Ini yang pertama.

Yang kedua, mengenai kawalan dalaman. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tidak ada had (limit) yang dikenakan tentang volume dan jumlah yang boleh diperdagangkan? Bukankah ini satu kesilapan yang sungguh basis sekali, dengan izin.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, kalau kesilapan ataupun keputusan dibuat tanpa criminal intention, dengan izin, maka kita tidak dapat berbuat apa-apa. Kalau sebuah syarikat itu rugi, dengan tidak sengaja, satu kesilapan atau keputusan yang dibuat tidak kena, maka apakah kita hendak menghukum orang yang menjalankan korporat itu? Jadi, di sinilah persoalan setakat mana hendak menghukum, kalau di dalam budaya Jepun, kalau ini berlaku sebab di dalam budayanya itu menetapkan satu malu yang besar. Maka ada instrumen di dalam budaya itu dilakukan 'seppuku' ataupun 'hara-kiri', tetapi budaya kita tidak ada begitu? Jadi, adakah kerajaan dapat mengambil tindakan kepada orang-orang yang membuat kesilapan tanpa criminal intention? Ini adalah persoalan yang saya hendak utarakan iaitu soal etik. Apakah kita hendak menghukum mereka, kerana kita telah memberi responsibility atau tanggungjawab kepada mereka untuk menjalankannya, tetapi dia buat

keputusan silap? Jadi, hukumannya ialah mereka telah berhenti daripada Bank Negara, pada saya itulah sahaja yang dapat kita lakukan.

Tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan mengenai kuasa Menteri iaitu satu paradoks yang mana, Yang Berhormat kata jikalau kita buat peraturan, tetapi kuasa Menteri ada untuk mengatasinya tidak perlu dan tidak bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri untuk mengarah ataupun membuat peraturan-peraturan adalah kuasa yang umum (general power), dengan izin untuk membuat peraturan-peraturan yang tidak bercanggah dengan fungsi-fungsi Suruhanjaya atau fungsi-fungsi yang kita beri kepada KLOFFE ataupun MME. Menteri adalah accountable kepada Parlimen, accountable kepada Kabinet, maka saya fikir Menteri akan membuat apa-apa keputusan, apa-apa peraturan dengan suci hati, dengan penuh concern yang baik untuk memastikan bahawa pasaran niaga hadapan kita menjadi satu pasaran yang sihat. Mana ada Menteri yang ingin membuat keputusan yang dia tahu akan merosakkan pasaran, yang mana ini akan memberi nama yang buruk kepada beliau.

Di sini, saya ingin meyakinkan Yang Berhormat bahawa kuasa-kuasanya adalah kuasa secara umum dan ianya dibuat mengikut peruntukan, mengikut fungsi-fungsi yang ada di bawah ketiga-tiga agensi ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Memandangkan bahawa kuasa di bawah Fasal 3A ini memberikan kuasa bukan sahaja umum, tetapi sangat luas

kerana pengecualian bukan setakat satu dua bahagian atau dua tiga seksyen dalam Rang Undang-undang, tetapi keseluruhan Akta ini. Saya rasa ini jarang dilihat di mana kuasa ini boleh mengecualikan pasaran daripada Rang Undang-undang ini. Kalau begitu, jika kita hendak menjamin ketelusan dan akauntabiliti. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jaminan supaya prinsip ini dipatuhi? Memberikan satu garis panduan dan kriteria di mana beliau boleh menggunakan kuasa ini, kerana saya rasa seakan-akan melampaui, membatasi kuasa yang diberikan oleh Parlimen.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jaminan yang saya sebut tadi iaitu Menteri secara umum, secara etikal, tetapi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya membaca seksyen 3A bersama-sama dengan seksyen 36, 37, 38 dan seksyen 44, yang mana pindaan yang kita buat untuk membuang obligasi umum, menyimpan akaun di dalam FIA.

Di dalam penyimpanan akaun semua peserta pasaran hadapan diperlukan oleh Akta Syarikat 1965 menyimpan akaun mengikut cara-cara tertentu. Oleh sebab akaun di dalam pasaran niaga hadapan adalah berlainan daripada akaun-akaun syarikat biasa, maka syarat-syarat yang dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965 adalah terlalu beku dan ketat. Jadi, kita mengetepikan itu, oleh obligasi iaitu kuasa Menteri.

Oleh itu, pindaan di dalam seksyen-seksyen ini memberi kuasa kepada Suruhanjaya membuat arahan over and above, arahan-arahan yang ada di dalam Akta Syarikat 1965 itu dan ini dengan kelulusan Menteri. Walau

bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kehendak-kehendak asas penyimpanan akaun yang digariskan oleh Akta Syarikat 1965 adalah dipertahankan. Seksyen-seksyen ini membolehkan Menteri mewujudkan accounting standard tambahan yang relevant kepada penyimpanan akaun pasaran hadapan kewangan. Jadi, inilah contoh-contoh kuasa Menteri, kerana akaun-akaun di dalam pasaran hadapan bukan macam akaun-akaun di dalam syarikat sendirian berhad yang lain, kerana pasaran hadapan adalah 'off balancing items'. Inilah contoh-contoh kuasa Menteri yang diberikan iaitu membolehkan akaun-akaun tidak mengikut apa yang dikehendaki di dalam Akta Syarikat 1965. Jadi ada kelas-kelasnya yang Menteri ada kuasa untuk mengatasi peraturan-peraturan FIA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga ingin bertanya jumlah kerugian di Malaysia di dalam perniagaan derivatif, syarikat apa dan bila berlaku.....

Tuan Lim Guan Eng: Ya, beri saya jalan.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Ini ialah tentang perkara yang sama, kerana bila saya membaca seksyen 3A, exempt futures market, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ini ialah tentang perkara yang sama, kerana bila saya membaca seksyen 3A exempt futures market, dengan izin. Saya rasa ini bukan setakat tentang accounting standard sahaja, tetapi semua seksyen-seksyen di dalam Akta ini.

Tadi kalau saya tidak silap, bila saya mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri,

beliau menyatakan bahawa ini adalah perlu kalau keadaan mengizinkan. Saya rasa kalau begitu 3A ini memberikan kuasa mutlak kepada Menteri bukan hanya setakat piawaian atau standard perakaunan, tetapi keseluruhan Akta ini. Adakah itu garis panduan? Kalau setakat apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, ini memang saya setuju, tetapi kalau daripada keseluruhan Akta ini dan di sini adalah jelas mengecualikan pasaran niaga hadapan daripada operasi FIA. Ini dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, bukan hanya Fasal 36, 37, tetapi keseluruhan akta ini.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru iaitu seksyen 3A bertujuan untuk mewujudkan fleksibiliti di dalam kuasa Menteri memberi pelepasan kepada peserta-peserta pasaran yang canggih untuk membuat transaksi secara over the counter tanpa melalui exchange. Itu seksyen 3A dan yang saya sebut tadi ini adalah contoh-contoh bukan keseluruhannya. Jadi, bukan keseluruhan Menteri mempunyai kuasa tiap-tiap items. Contoh yang saya sebut tadi adalah contoh-contoh yang nyata, yang ada justifikasinya.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau tentang perkara-perkara lain, jika dia ada kuasa untuk mengecualikan pasaran niaga hadapan daripada mematuhi seksyen-seksyen lain, adakah Menteri mempunyai kuasa?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Kalau hendak dihujahkan sebegini, Tuan Speaker.....

Tuan Lim Guan Eng: Memang ada dalam.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Memang menteri mempunyai kuasa ke seluruhan akta....

Tuan Lim Guan Eng: Itu sebab saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah satu garis panduan ditetapkan supaya kita tahu dalam keadaan mana menteri boleh mengecualikan pasaran niaga hadapan daripada mematuhi akta ini yang kita habiskan masa yang panjang untuk menelitinya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang inilah yang saya sebutkan tadi sebagai satu daripada dalam Jadual. Kalau Yang Berhormat tengok dalam jadual, di dalam pindaan ini ada menggariskan exemption ataupun pengecualian yang diberi oleh menteri, ada dalam Jadual.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat juga bertanya mengenai jumlah kerugian di Malaysia dalam perniagaan derivatif. Setakat ini seperti mana yang saya kata awal-awal tadi, perniagaan derivatif adalah dalam keadaan infancy, keadaan mula. Jadi, kita tak tahu banyak mana, Yang kita tahu hanya kerugian yang dialami oleh Syarikat Berjaya Kayment. Itu sahaja, lebih kurang RM14 juta. Saya tidak mahu bercakap lebih daripada itu sebab perkara ini adalah dalam mahkamah sekarang. Itu sahaja yang kita tahu.

Mengenai dengan 'calls warrant', sejauh mana ianya berjaya pada pelabur yang tidak berpuas hati dengan call warrant. Kita tahu bahawa banyak call warrant yang belum lagi matang. Jadi, adalah mustahil bagi saya ataupun bagi Suruhanjaya dapat memberi angka-angka kepada Yang Berhormat pada setakat ini. Mungkin dalam masa dua tahun ataupun tiga tahun lagi boleh dapat memberi angka-angka yang terperinci kepada Yang Berhormat.

Mengenai Tabung Kesetiaan (Fidelity Fund) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini bahawa ianya telah digariskan di dalam seksyen 57 hingga seksyen 77 yang bertujuan memansuhkan peruntukan-peruntukan di dalam hal Fidelity Fund di bawah Akta FIA, jadi pindaan-pindaan ini kita buat untuk memperkukuhkannya.

Perkara-perkara berkaitan dengan Fidelity Fund hanya akan digariskan di dalam peraturan-peraturan sahaja sekarang ini. Fidelity Fund wujud untuk mengatasi masalah yang dibawa oleh perlakuan fraud ataupun juga perlakuan defalcation, iaitu perbuatan penipuan dengan berniat jahat. Di dalam pindaan ini, syarat-syarat tuntutan di bawah peraturan-peraturan adalah lebih jelas daripada apa yang digariskan di bawah akta yang dahulu. Jadi, syarat-syarat akan digezet dan digariskan dengan jelas. Undang-undang bukti ataupun, dengan izin, the rules of evidence tidak terpakai apabila ianya diletakkan di bawah peraturan. Justeru itu, penyelesaian dapat dibuat dengan lebih cepat, jadi tidak perlu kita pergi ke mahkamah, dan hasilnya kepercayaan pelabur yang tinggi akan diperolehi dalam hal-hal Fidelity Fund yang mana dahulu tidak ada peraturan. Sekarang kita gantikan dengan peraturan yang dijelaskan sejelasa-jelasnya dan kalau ada masalah kita ikut peraturan itu dan tidak perlu dibawa ke mahkamah.

Tuan Lim Guan Eng: Tentang Fidelity Fund, Tuan Yang di-Pertua, atau Tabung Kesetiaan. Apa yang saya bimbang ialah Tabung Kesetiaan BSKL akan dijadikan sebagai terms of reference apabila menentukan sama ada sesuatu tuntutan ganti rugi boleh dibayar atau tidak. Ini amat membimbangkan kerana sungguhpun

Tabung Kesetiaan telah ditubuhkan lebih 12 tahun saya rasa, tak ada satu bayaran dibuat. Saya tak percaya tak ada penipuan yang berlaku dalam industri saham kita. Memang saya rasa, Yang Berhormat sendiri akui ada penipuan, tetapi tak dibayar langsung, sungguhpun semua syarat diikuti. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu jaminan bahawa pembayaran akan dibayar dari segi semangat. Kalau ada penipuan, wujud penipuan seperti Yang Berhormat kata tadi, the rules of evidence, itu bagus. Tetapi dari segi semangat, dari segi prinsip, kalau ada penipuan, bayaran akan dibuat. Bukan BSKL yang menguruskan Tabung Kesetiaan. Tak ada satu sen pun dibayar. Saya rasa ini tak bermakna kalau ada Tabung Kesetiaan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Dengan pindaan ini, Tuan Speaker, sebagaimana yang saya sebut tadi, peraturan-peraturan yang jelas dibuat, dan saya pasti dengan adanya peraturan ini, tidak ada contention lagi dari mana-mana pihak apabila ada tuntutan. Mungkin dahulu orang yang hendak membayar daripada Fidelity Fund itu mempunyai contention, iaitu ia tidak mencukupi syarat the rules of evidence dan lain-lain lagi. Jadi, inilah apa yang saya nyatakan bahawa pindaan ini akan meningkatkan tahap efisiensi pengurusan Fidelity Fund kita.

Yang Berhormat juga bertanya mengenai dengan KLOFFE 40 syarikat apakah syarat-syaratnya modal berbayar dalam lebih kurang RM5 juta dan apakah campuran ahli-ahli asing. Pada setakat ini 80 permohonan telah dibuat dan 40 akan dipilih, dan 10 daripadanya adalah daripada luar negeri, yang mungkin termasuk pelabur-pelabur dari Hong Kong, Taiwan dan lain-lain lagi seperti yang

diminta oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi. Jadi, kemungkinan besar mereka masuk kerana pelarian pelaburan akan berlaku dari situ ke sini dan kita minta kalau boleh mereka datang ke sini.

Yang Berhormat juga meminta bolehkah kerajaan memberi laporan tahunan supaya tidak ada Barings kedua. Tuan Speaker, laporan tahunan Suruhanjaya tiap-tiap tahun Suruhanjaya Sekuriti mengeluarkan laporan tahunan. Juga mengenai laporan tahunan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi supaya dikeluarkan khas untuk 'futures trading' ini, dengan izin, adalah satu cadangan yang baik dan kita mengambil kira cadangan Yang Berhormat itu, dan insya-Allah kita akan lakukan untuk memastikan ketelusan ada di dalam perniagaan niaga hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rompin bercakap panjang mengenai dengan clearing house, pengaruh derivatif ke atas ekonomi kita. Jadi, banyak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, mengenai badan penguatkuasa, peristiwa Hock Hwa, bank perlu ada modal khusus. Ini adalah cadangan-cadangan yang baik. Ahli Yang Berhormat bertanya adakah pihak Suruhanjaya Sekuriti akan mengenakan syarat-syarat ketat ke atas institusi yang dikawalselia olehnya. Jawapannya, pusat penyelarasan akan mengurus risiko dengan:

- (i) memerlukan modal mencukupi oleh firma yang akan dikira berasaskan risiko, seperti yang disyorkan oleh Bank of International Settlement;
- (ii) memerlukan margine yang berubah setiap hari berasaskan kepada dagangan yang dibuat;

- (iii) memerlukan initial margine untuk melindungi rumah penjelasan bagi pergerakan yang besar dalam satu hari;
- (iv) deposit sekuriti iaitu cagaran tidak kurang dari RM1 juta; dan
- (v) mewujudkan guarantee fund dengan sumbangan dari semua ahli-ahli pusat penjelasan.

Jadi, perkara kedua yang akan dilakukan oleh Suruhanjaya ialah Suruhanjaya dan Pusat Penjelasan akan mengawasi risiko pasaran dan mengadakan analisis risiko dengan cara yang kerap selalu dibuat. Suruhanjaya dan Bursa serta pusat penjelasan akan mengadakan audit biasa dan audit mengejut dan juga kaedah-kaedah perniagaan akan meletakkan piawaian profesionalisme bagi ahli-ahlinya akan diwujudkan.

Ahli Yang Berhormat dari Rompin juga bertanya mengenai dengan Simex dan dagangan dalam dollar Singapura. Kita mengakui bahawa benar Simex tidak membenarkan sebarang kontrak dalam dollar Singapura atau dalam apa-apa aset atau instrument berasaskan dollar Singapura. Ini memang berlaku di Singapura. Tetapi kita tidak boleh menggunakan dasar yang sama kerana kita rasakan dasar ini tidak boleh dipakai di Malaysia, sebab kita mahukan pelabur-pelabur dalam aset-aset berasaskan ringgit Malaysia untuk melindungi iaitu hedging, dengan izin, kedudukan mereka dan untuk mengurus risiko sebagaimana yang perlu. Jadi, kita berbeza daripada Singapura dalam hal ini. Kita harap dengan adanya pengawalan yang ketat, ianya tidak akan menjejaskan ekonomi negara kita sebagaimana Yang Berhormat bimbang.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya mengenai dengan pengajaran dari Barings dan Orient County, saya telah menjawab pada mula tadi, dan saya ingin menambah bahawa rumah penjelasan harus boleh mengambil alih kedudukan broker yang tak solven dan melangsaikan kedudukan tanpa disekat oleh pemakaian undang-undang ketidak solvenan. Yang kedua, penekanan yang lebih ke atas pengurusan risiko dengan tumpuan yang khusus kepada:

- (i) risiko undang-undang;
- (ii) risiko operasi;
- (iii) risiko kredit;
- (iv) risiko kecairan; dan
- (v) risiko pasaran

dan ini kita klasifikasikan untuk kita mengawasinya.

Perkara yang ketiga, peningkatan kerjasama antarabangsa iaitu antara badan pengawalseliaan industri diwujudkan di antara negara kita dengan lain-lain negara yang menjalankan urusan niaga hadapan ini. Itulah Yang Berhormat, jawapan saya kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Rompin bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Satu lagi perkara yang saya bangkitkan tadi, macam di Labuan diadakan super

regulator yang menguruskan pertanggungjawaban di bawah Bank Negara, SC dan ROC sekali. Tetapi di sini kita ada tiga badan; Bank Negara, SC dan ROC dan dari segi Bank Negara dengan SC kita nampak di bawah kementerian tetapi kita ada satu ROC ini, kita ada satu kes yang disebut tentang masalah pemasaran dengan Hock Hwa Bank. Adakah pada masa akan datang kerajaan akan menimbang, merapatkan lagi kerjasama di antara ketiga-tiga agensi ini. Saya rasa kerjasama di antara SC dengan Bank Negara sudah ada, tetapi bagaimana hendak merapatkan lagi dengan ROC supaya pemasaran yang timbul seperti yang saya sebutkan dengan masalah Hock Hwa Bank ini tidak lagi berbangkit di masa yang akan datang.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang ini boleh kita sifatkan Suruhanjaya Sekuriti merupakan the super regulator dengan bantuan Bank Negara. Seperti mana yang saya sebut di dalam jawapan saya pada awal-awal tadi, peruntukan-peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965 yang mana relevan dengan operasi pasaran yang kita percakapkan ini dibawa ke sini dan itulah cara kita menyelaraskan, yang mana yang ROC kita bawa ke dalam pasaran hadapan ini dan juga di dalam pindaan yang saya akan bentangkan selepas ini, pindaan kepada Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti nanti akan disebutkan perkara-perkara yang wujud di dalam Akta Syarikat 1965 yang akan dibawa nanti. Jadi, Yang Berhormat tunggulah akan penerangan saya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan di dalam ucapannya yang panjang lebar ada bertanya juga kepada saya iaitu beliau

bertanya bilangan wakil broker yang dilesenkan dan bilangan yang diperlukan. Jawapannya ialah tiada wakil broker yang telah dilesenkan setakat ini – tidak ada. Bilangan yang telah lulus peperiksaan iaitu salah satu syarat mendapat lesen ialah 147, jadi tidaklah sampai 3,500 lagi yang macam di KLSE dan lebih kurang 250 wakil diperlukan bagi 40 ahli KLOFFE dan 15 ahli MME pada permulaan pasaran. Pada permulaannya kita hanya memerlukan 250 orang sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga bertanya, sama ada Tabung Amanah Saham boleh menggunakan stock index futures untuk melindungi nilai. Tuan Yang di-Pertua, jawapannya, apabila stock index futures diperkenalkan, Suruhanjaya akan menimbang sama ada dana amanah saham akan dibenarkan menggunakan stock index futures untuk melindungi nilai dan pengurusan risiko akan dipertimbangkan.

Soalan yang ketiga, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan iaitu amaun sumbangan yang kecil ke dalam Tabung Kesetiaan. Sungguhpun amaun yang dinyatakan adalah kecil, seksyen 64(3) FIA membolehkan Syarikat Bursa dengan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti menaikkan amaun ini untuk disesuaikan dengan saiz dana dan saiz pasaran. Ianya akan dinaikkan mengikut progress industri kita, bila saiz dana meningkat, saiz pasaran membesar, maka kita akan pertimbangkan kenaikannya.

Ahli Yang Berhormat juga telah bertanya adakah had-had kedudukan dan dagangan akan dikecualikan daripada terpakai ke atas bona fide hedges dan arbitrage. Pengecualian akan diberi melalui peraturan-

peraturan niaga hadapan yang akan diwartakan dan juga melalui kaedah-kaedah perniagaan syarikat-syarikat bursa. Peraturan dan kaedah juga akan menyatakan cara bagaimana had-had kedudukan dan dagangan ataupun, dengan izin, position and trading limits akan ditetapkan iaitu peraturan-peraturan akan diadakan.

Ahli Yang Berhormat bertanya juga berapa lesen wakil yang telah dikeluarkan setakat ini dan berapakah bilangan yang mencukupi. Setakat ini belum lagi ada wakil broker yang diberi lesen, mereka sedang menjalani latihan dan akan mengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen dalam sedikit masa lagi. Mengenai bilangan wakil peniaga, ia bergantung kepada minat orang ramai dan kemampuan syarikat-syarikat broker untuk mengambil mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau membangkitkan perkara-perkara mengenai dengan.....

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: (*bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Labuan bangun.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada bilangan dan juga keupayaan wakil broker niaga hadapan ini, kalau kita melihat dan mengikuti tentang pemberian lesen wakil peniaga saham ini, ianya memerlukan seseorang itu menjalani latihan di sebuah syarikat broker saham untuk satu tempoh yang membolehkan wakil broker saham ini untuk mendapatkan pengalaman dan seterusnya pengetahuan di dalam industri pembrokeran saham. Persoalannya, kita hanya mempunyai

tempoh waktu yang pendek daripada bulan September hingga November ini sebelum pasaran niaga hadapan ini dilancarkan pada bulan November nanti.

Persoalan saya, apakah dalam tempoh masa yang pendek ini, sedangkan kita belum mempunyai industri ini, maka dengan itu tidak ada pengalaman, tidak ada exposure yang boleh diperolehi oleh wakil broker niaga hadapan ini untuk memberikan keyakinan kepada mereka dan juga kepada masyarakat pelabur bahawa mereka ini sudah mempunyai satu kepakaran yang boleh kita percayai untuk menjalankan perniagaan ini. Apakah tempoh yang pendek ini kementerian mempunyai keyakinan kita akan dapat mengeluarkan peniaga atau mengeluarkan wakil broker niaga hadapan ini dengan baik dan berkesan dan tidak akan menjejaskan pasaran niaga hadapan.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi, mereka sedang menjalani latihan dan kita memerlukan 250 orang ataupun lebih lagi daripada itu dan saya pasti berasaskan kepada pengalaman kita dengan KLSE dahulu pun begitu juga, apabila kita mulakan pasaran itu memanglah pada permulaan, kita boleh membuat andaian-andaian tetapi kita mengharapkan apabila bermula KLOFFE dan MME dilancarkan pada bulan November ini, insya-Allah, wakil-wakil broker yang sedang dalam latihan akan dapat memenuhi kehendak pada masa permulaan ini.

Insya-Allah dari satu tangga ke satu tangga, kita akan mencapai matlamat-matlamat kita. Ahli dari Balik Pulau bercakap panjang mengenai dengan persoalan-persoalan seperti mana yang saya katakan tadi iaitu penyertaan

pengurus-pengurus dana, apakah garis panduan dan sekatan-sekatan yang diperuntukkan. Jadi, di dalam pindaan ini ada garis-garis panduan yang kita peruntukan begitu juga kuasa yang diberi kepada menteri mengenai dengan garis panduan dan peraturan-peraturan yang akan diadakan.

Beliau juga bertanya adakah ada mekanisma yang boleh mengawal suatu bleeding, dengan izin, dalam satu pasaran yang tidak menjejaskan pasaran yang satu lagi. Tadi saya ada sebut mengenai dengan Seksyen 106A – mungkin ianya tidak menjawab soalan Yang Berhormat dengan tepat tetapi peruntukan dalam seksyen 106A ini membezakan akaun-akaun itu adalah satu mekanisma yang mungkin dapat mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat membangkitkan apakah pihak White Collar Crime Division itu tadi – saya pun merasa sangsi juga apakah pihak Polis kita mempunyai kepakaran dan kebolehan. Jadi, terletaklah kepada pihak Suruhanjaya melatih mereka sebagai 'watchdog' yang boleh menjalankan kerja-kerja mereka dengan lebih berkesan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah memberi banyak cadangan dan cadangan beliau diambil perhatian. Dia tidak ada soalan, dia hanya hendak bercakap tentang cadangan dan hendak bertanya kepada saya soalan-soalan yang pelik-pelik, jadi, saya tidak mahu jawab. Empat cadangan yang diberi tadi kebanyakannya adalah wujud di dalam cadangan-cadangan kita di dalam pindaan yang dibuat di dalam Akta FIA ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja jawapan yang saya dapat beri, kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat memikirkan ada lagi yang saya harus memberinya, saya tidak nampak di sini. Tidak payahlah bangkit lagi dalam Dewan ini kerana hari sudah lewat dan kita akan bincangkan di dalam Akta yang akan datang. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak puas hati boleh bangkitkan lagi dalam Akta yang akan dibentangkan ataupun bill yang akan saya bentangkan nanti. Dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada 6 orang sahabat yang telah pun bercakap dengan begitu bernas dan memberi pandangan-pandangan yang begitu baik kepada kementerian dan kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk kami menjadikan panduan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 91 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
SURUHANJAYA SEKURITI
(PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.35 mlm.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini pada amnya berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- (i) untuk memperkemas beberapa takrif yang dipakai dalam Akta tersebut supaya ianya lebih jelas dan merangkumi semua aspek yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti;
- (ii) untuk menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai peranan dan tanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti serta perkara-perkara yang perlu dikemukakan untuk pertimbangannya; dan
- (iii) untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti.

Sebagaimana yang termaklum, Suruhanjaya Sekuriti telah ditubuhkan pada 1hb Mac, 1993 di bawah Akta

Suruhanjaya Sekuriti, 1993 dengan peranan utamanya untuk mengawal selia dan membangunkan industri sekuriti serta industri niaga hadapan negara. Sejak penubuhannya Suruhanjaya Sekuriti telah berjaya menjalankan peranan dan tanggungjawab dengan baik selaras dengan kehendak undang-undang yang sedia ada. Bagaimanapun, berdasarkan pengalamannya, dalam tempoh dua setengah tahun ini, Suruhanjaya Sekuriti mendapati beberapa aktiviti dan tanggungjawabnya tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana peruntukan undang-undang yang sedia ada agak terhad dan kurang jelas. Dengan itu, pindaan-pindaan sewajarnya telah dicadangkan ke atas beberapa peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi membolehkan Suruhanjaya Sekuriti memainkan peranannya dengan lebih licin dan berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan utama yang secara terperinci yang dicadangkan ke atas Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993 melalui Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 2 dan Fasal 3 Akta ini bertujuan untuk meminda dan memasukkan beberapa takrif dalam Akta itu supaya ianya lebih jelas dan tepat.

Fasal 4 meminda Seksyen 13, Akta Ibu untuk membolehkan seseorang Ahli Suruhanjaya Sekuriti yang mempunyai kepentingan dalam perkara-perkara yang dibincangkan dalam sesuatu mesyuarat Suruhanjaya Sekuriti untuk menzahirkan kepentingan tersebut dan selepas itu meninggalkan mesyuarat berkenaan semasa perbincangan ke atas perkara yang beliau mempunyai kepentingan

sahaja. Beliau juga tidak boleh mengambil bahagian dalam sebarang keputusan yang dibuat mengenai perkara itu.

Pada masa ini mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan adalah dikehendaki tidak mengambil bahagian dalam keseluruhan mesyuarat berkenaan.

Fasal 5 meminda seksyen 15, Akta Ibu untuk menjelaskan peruntukan-peruntukan dan untuk menjelaskan maksud perenggan-perenggan yang terkandung di dalamnya serta untuk meluaskan bidang tugas Suruhanjaya.

Fasal 6 meminda Seksyen 16, Akta Ibu untuk menjelaskan bahawa Suruhanjaya hendaklah diberi segala kuasa untuk memenuhi fungsi-fungsinya di bawah Undang-undang Sekuriti.

Fasal 7 meminda seksyen 19, Akta Ibu dengan memberikan kuasa kepada Menteri untuk memberi arahan am kepada Suruhanjaya yang tidak bercanggah dengan fungsi-fungsi Suruhanjaya di bawah Akta Ibu. Menteri juga boleh menghendaki Suruhanjaya memberi maklumat berkenaan fungsi-fungsi Suruhanjaya di bawah undang-undang Sekuriti.

Fasal 8 meminda seksyen 22 Akta Ibu untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk memberi pinjaman pelajaran dan biasiswa kepada pegawai-pegawainya.

Fasal 9 memasukkan seksyen 22A yang baru bagi membolehkan Suruhanjaya menyertai mana-mana badan korporat dengan persetujuan menteri untuk tujuan penyelidikan dan latihan berkenaan industri sekuriti atau kontrak niaga hadapan. Ini adalah perlu untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan menyemai budaya

pasaran yang sesuai untuk membangunkan pasaran modal.

Fasal 10 meminda seksyen 24 Akta Ibu iaitu pindaan kepada sub-seksyen (2) dan subseksyen (6) adalah lanjutan daripada pindaan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang baru diluluskan tadi.

Fasal 11 meminda keseluruhan Bahagian V Akta Ibu.

- (a) Seksyen 32 Akta Ibu adalah dipinda untuk menangani kesulitan operasi yang dihadapi oleh Suruhanjaya berkenaan cadangan-cadangan terbitan sekuriti yang perlu diluluskan oleh Suruhanjaya. Pindaan yang dicadangkan bertujuan membatalkan konsep tawaran kepada awam, menjelaskan jenis-jenis transaksi yang perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya dan melalui peraturan-peraturan memperuntukkan kriteria bagi memudah carakan peralihan secara berperingkat-peringkat daripada sistem penelitian berteraskan merit kepada suatu sistem berteraskan penzahiran.

Ungkapan tawaran kepada awam adalah tidak jelas dan telah timbul pelbagai keraguan dan ketidakpastian mengenai jenis-jenis tawaran yang sepatutnya mendapat kelulusan Suruhanjaya. Adalah dirasakan bahawa demi ketepatan dan kepastian undang-undang, semua terbitan sekuriti memerlukan kelulusan Suruhanjaya melainkan jika dikecualikan di bawah Akta ini.

Perenggan (a) hingga (g) di dalam subseksyen (2) menyenaraikan jenis-jenis cadangan yang perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya. Ia secara luasnya menyenaraikan semua transaksi di mana lazimnya kelulusan Suruhanjaya diperlukan.

Subseksyen (5) yang baru menjelaskan jenis-jenis keputusan yang boleh dibuat oleh Suruhanjaya berkenaan cadangan yang diserahkan kepadanya menurut seksyen 32.

Subseksyen (7) dan (8) membolehkan Suruhanjaya mengambil tindakan-tindakan tertentu sekiranya berlaku pelanggaran terma dan syarat yang dikenakan pada kelulusan yang diberi atau apa-apa pertukaran atau perkembangan yang berkenaan dengan cadangan setelah Suruhanjaya memberi kelulusan.

Di bawah subseksyen (8), Suruhanjaya hendaklah tidak mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (7) melainkan jika pemohon diberi peluang untuk didengar.

Untuk memastikan bahawa pelabur dilindungi, subseksyen (9) dirangka untuk menghalang orang yang menerbitkan sekuriti dari memberi gambaran bahawa kelulusan Suruhanjaya adalah juga merupakan satu anjuran Suruhanjaya kepada pelabur untuk melabur dalam sekuriti yang berkenaan.

- (b) Seksyen 32A menyenaraikan jenis-jenis transaksi yang tidak tertakluk kepada seksyen 32. Seksyen 32A tidak terpakai pada kelas atau kategori sekuriti atau kategori transaksi yang disebut dalam Jadual. Ia juga tidak terpakai kepada beberapa keadaan lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh menteri dengan mengambil kira kepentingan awam melalui perintah yang disiarkan di dalam *Warta*. Ini adalah untuk membolehkan tindakan segera diambil dalam menentukan sama ada urus niaga baru dan inovatif perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya selaras dengan perubahan yang berlaku dalam pasaran modal.
- (c) Seksyen 32B yang baru memperuntukkan mengenai kesalahan membekalkan maklumat palsu dan mengelirukan kepada Suruhanjaya di dalam dokumen-dokumen cadangan. Syarikat-syarikat yang menerbitkan sekuriti, pengarah-pengarahnya dan para profesional seperti penasihat kewangan atau pakar-pakar juga perlu berhati-hati ketika memberi kenyataan atau maklumat kepada Suruhanjaya Sekuriti. Ini adalah salah satu langkah menerapkan budaya profesionalisme dalam objektif untuk membangunkan pasaran modal.
- (d) Pindaan ke atas seksyen 33 bertujuan untuk mewujudkan asas perundangan yang kukuh mengenai peraturan-peraturan

berkaitan dengan pengambil alihan dan percantuman, dengan izin, 'take-overs and mergers'.

Seksyen 33A yang baru memberi kuasa kepada menteri untuk menetapkan dan menerbitkan Kod Malaysia mengenai pengambil-alihan dan percantuman serta menerbitkannya dalam *Warta*. Suruhanjaya diberi kuasa untuk membuat keputusan mentafsirkan kod itu.

Seksyen 33B yang baru mengenakan tugas statutori ke atas pemeroleh di dalam keadaan-keadaan tertentu untuk mematuhi peruntukan-peruntukan kod.

- (e) Seksyen 33D yang baru menyenaraikan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh Suruhanjaya untuk menguatkuasakan kod dan keputusan-keputusan yang boleh diperbuat oleh Suruhanjaya. Tindakan-tindakan ini mungkin diperbuat menerusi arahan kepada orang yang engkar, penalti sivil ataupun celaan sama ada celaan am atau persendirian atau mengarahkan bursa saham supaya menarik balik akses kepadanya.
- (f) Pindaan ke atas seksyen 34 bertujuan untuk menyelaraskan dan menjelaskan prosedur berkenaan pemerolehan wajib setelah berlakunya satu pengambil-alihan yang berjaya. Seksyen ini terpakai dalam hal pengambil-alihan syer-syer

dalam syarikat yang diambil alih, yang masih tidak dikawal oleh pihak yang membuat tawaran. Dalam keadaan sedemikian, mereka diberi hak untuk secara wajib membeli syer-syer pemegang syer yang menentang setelah memiliki 90% nilai nominal syer yang sama setelah dibuat tawaran olehnya sekiranya beliau berjaya mendapatkannya dalam tempoh 4 bulan. Walau bagaimanapun, beliau hendaklah menghantar serahkan notis pemerolehan wajib setelah berjaya melepasi syarat di atas.

Fasal 12 meminda seksyen 36 Akta Ibu untuk menjelaskan kuasa pegawai penyiasat dari Suruhanjaya untuk memasuki dan membuat penyiasatan di mana kesalahan di bawah Undang-undang Sekuriti disyaki telah dilakukan. Ini adalah penting untuk melindungi keutuhan pasaran dan untuk melindungi pelabur.

Fasal 13 memasukkan dua seksyen baru iaitu seksyen 39A dan 39B. Seksyen 39A memperuntukkan penalti am dengan denda yang tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi 5 tahun jika seseorang didapati bersalah di bawah Akta ini di mana tidak ada penalti khusus diperuntukkan.

Seksyen 39B dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa pengarah atau pegawai sesebuah perbadanan juga dianggap bersalah sekiranya kesalahan dilakukan oleh

sesebuah perbadanan. Walau bagaimanapun, jika pengarah atau pegawai tersebut membuktikan bahawa kesalahan tersebut dilakukan tanpa persetujuan atau pembabitannya itu merupakan satu pembelaan baginya.

Fasal 14 meminda seksyen 41 untuk membolehkan Suruhanjaya mengambil juru perunding jika perlu untuk membantu di dalam menjalankan kerja yang bersangkutan dengan tugasnya.

Fasal 16 memasukkan seksyen 43A, 43B dan 43C yang baru.

Seksyen 43A mewujudkan pengecualian kepada Suruhanjaya yang bertanggungjawab menyimpan rahsia bagi membolehkan Suruhanjaya memberi maklumat kepada mana-mana pihak berkuasa untuk menyiasat dan menguatkuasakan undang-undang ke atas mana-mana pihak.

Seksyen 43B memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk memberi bantuan kepada pihak berkuasa asing yang mana dirasakan sesuai. Ini adalah untuk membolehkan Suruhanjaya memberi kerjasama antarabangsa di dalam menguatkuasakan undang-undang.

Seksyen 43C memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk menetapkan cara dan bentuk maklumat yang dikehendaki olehnya serta tempoh masa untuk mematuhi permintaan tersebut.

Fasal 18 memasukkan seksyen 44A yang baru yang memberi perlindungan dari tanggungan sivil kepada

Suruhanjaya, ahli Suruhanjaya atau Jawatankuasa, Pengerusi atau pegawai Suruhanjaya melaksanakan tugas dengan suci hati di bawah undang-undang Sekuriti. Ini adalah penting untuk memastikan tugas mereka dijalankan dengan licin dan berkesan.

Fasal 19 memasukkan Jadual Pertama berkenaan sekuriti atau transaksi yang tidak tertakluk kepada subseksyen 32(4). Cadangan pindaan-pindaan di atas dibuat setelah mengambil kira pengalaman Suruhanjaya Sekuriti dalam menjalankan peranannya dalam masa kira-kira dua setengah tahun yang lalu dan perkembangan pasaran modal.

Dengan pindaan-pindaan yang saya syorkan itu, saya yakin bahawa pasaran modal negara kita akan berkembang dengan lebih pesat lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Labuan.

7.53 mlm.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1993 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi yang

mana ianya juga merupakan consequential kepada pindaan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang baru sahaja diluluskan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan beberapa langkah yang telah dibuat dalam pindaan ini yang menjelaskan tentang kedudukan conflict of interest bagi ahli-ahli Lembaga di dalam Suruhanjaya Sekuriti ini kerana ianya agak sukar sekiranya ianya tidak dijelaskan dengan tepat bagi ahli-ahli Lembaga untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dalam Suruhanjaya ini.

Saya juga menyokong tentang pemberian biasiswa yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti ini melalui Suruhanjaya Sekuriti ini memandangkan industri ini adalah merupakan suatu industri yang masih berada dalam infancy lagi, maka ianya memerlukan pendekatan, pembaharuan serta beberapa perubahan yang diperlukan. Maka dengan itu, setiap ahli ataupun pegawai-pegawai di dalam Suruhanjaya ini sentiasa diberikan peluang untuk mempelajari dan mendapatkan pengalaman-pengalaman tertentu, sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri untuk mempertingkatkan kecekapan mereka dalam menguruskan suruhanjaya sekuriti yang dipertanggungjawabkan dengan beban dan tanggungjawab yang besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Sekuriti kerana telah berjaya memandu Suruhanjaya ini dengan berkesan dan mendapat kepercayaan daripada institusi dan juga pelabur di dalam usaha untuk membangunkan pasaran modal di

negara ini dan sekali gus meletakkan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat kewangan yang terunggul di rantau ini.

Walaupun ini hanyalah merupakan langkah awal ataupun masih di peringkat infancy, dengan pindaan-pindaan yang dibuat ini, ianya akan dapat memperkuat dan memperkukuhkan lagi kedudukan Suruhanjaya Sekuriti ini. Usaha Suruhanjaya Sekuriti yang berterusan bagi menganjurkan beberapa siri road shows adalah merupakan satu pendekatan yang baik bagi memberikan pendedahan tentang pasaran modal di negara ini dan selaras dengan seksyen 15(i)(k) di dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1983 yang mempertanggungjawabkan Suruhanjaya Sekuriti untuk menggalak dan mengekalkan pasaran sekuriti dan juga industri niaga hadapan yang adil, cekap, terjamin dan telus.

Kedua, bagi membantu pembangunan yang teratur bagi pasaran modal yang inovatif dan bersaing, langkah kerajaan menyatukan beberapa Jawatankuasa seperti Jawatankuasa Terbitan Modal, Panel Pengambilalihan Jawatankuasa Pelaburan Asing adalah merupakan suatu langkah yang amat berkesan bagi mewujudkan sebuah badan pengawal selia tunggal untuk menggalakkan pasaran saham dan Suruhanjaya Sekuriti mempunyai tanggungjawab yang berat untuk mengemaskini pengawalseliaan pasaran sekuriti di negara kita.

Kita sepatutnya boleh berbangga di atas pencapaian Suruhanjaya Sekuriti selama ini dan pindaan pada Akta ini dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan dan dua lagi Akta Industri Sekuriti yang akan dibentangkan tidak berapa lama lagi merupakan suatu usaha yang

patut dipuji dan berani yang diambil oleh kerajaan bagi menambah dan meningkatkan sophistication produk-produk kewangan di negara ini bagi menarik dan menyediakan Kuala Lumpur bersaing dengan pusat-pusat kewangan di rantau ini ataupun bagi memperbagaikan pasaran modal di negara kita.

Sementara kita menunggu pelancaran Stok Indeks Niaga Hadapan pada bulan November tahun ini, maka beberapa usaha sepatutnya dilakukan untuk mendidik masyarakat pelabur tentang kebaikan dan juga kelemahan yang terdapat dalam urus niaga hadapan yang mana telah banyak diperkatakan dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Dalam siri road shows yang diadakan di Sabah dan juga di Sarawak ataupun di Semenanjung pada masa akan datang ini dan yang bermula besok di Sabah dan Sarawak ini, saya ingin menyarankan supaya Suruhanjaya Sekuriti juga memperkenalkan perniagaan niaga hadapan ini kepada mereka atau kepada market players yang berada di Sabah dan di Sarawak.

Dalam konteks penggunaan bahasa dan juga mendaulatkan bahasa Malaysia, saya begitu kagum sekali tentang penguasaan bahasa yang diamalkan atau yang dipraktikkan oleh pegawai-pegawai di Suruhanjaya Sekuriti. Ini dapat dilihat semasa Suruhanjaya Sekuriti memberikan taklimat kepada Ahli Dewan baru-baru ini dan saya ucapkan tahniah kepada mereka. Walaupun mungkin ada beberapa penterjemahan masih perlu dirujuk kesesuaian dan juga ketepatan penggunaannya. Contohnya, ada di kalangan ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang tidak bersetuju bahawa

penggunaan "Fidelity Fund" itu diterjemahkan sebagai Tabung Kesetiaan. Terpujanglah kepada pakar-pakar bahasa kita untuk menentukannya.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pasaran sekuriti yang merupakan suatu sektor yang penting di dalam negara ini. Ini dapat diperlihatkan melalui bilangan stok yang terdapat di Bursa Saham Kuala Lumpur yang berjumlah lebih daripada 500 stok di mana 169 disenaraikan di papan kedua dan 391 di papan pertama yang menghasilkan market capitalisation, dengan izin, sejumlah melebihi RM550,000 bilion dan sekali gus meletakkan Malaysia menjadi pasaran keempat terbesar di Asia dan 11 di dunia.

Maka, mengawalselia sebuah bursa yang besar ini bukanlah merupakan suatu tanggungjawab yang mudah dilaksanakan dan ini memerlukan komitmen dan dedikasi dari semua pihak kerana ianya merupakan suatu perkara yang amat sensitif yang memisahkan di antara pelaksana undang-undang dan masyarakat pelabur.

Di samping itu juga, Suruhanjaya bersama-sama dengan agensi-agensi lain melaksanakan undang-undang sekuriti di negara ini. Maka, ia memerlukan satu gerak kerja yang baik dalam bentuk kerjasama dan koordinasi dan juga komitmen. Secara ringkas, Suruhanjaya Sekuriti kita telah berjaya dalam beberapa bidang. Misalnya, mewujudkan surveillance di pasaran kita dengan berkesan dalam bentuk penyelidikan dan pembangunannya.

Yang ketiga, menyediakan satu rangka pengawalseliaan yang baik; yang keempat pendidikan; kelima

enforcement – walaupun ada sedikit sebanyak yang perlu diperketat dan diperhebatkan lagi untuk memastikan negara kita ini merupakan negara yang terbaik ataupun pasaran saham kita ini dihormati di rantau ini. Keenam, pengwujudan pasaran modal Islam adalah merupakan suatu inovatif yang tinggi yang patut kita berikan pujian kepada Suruhanjaya ini.

Yang ketujuh, memperkenalkan permohonan terbitan melalui sistem elektronik ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempertingkatkan imej Suruhanjaya Sekuriti, saya ingin mengutarakan beberapa isu yang terkini dan yang saya anggap perlu diberikan perhatian oleh Suruhanjaya Sekuriti yang mana ianya juga boleh membantu dan mempertingkatkan kualiti pasaran modal kita.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pasaran sekuriti. Di kebelakangan ini secara khusus saya ingin merujuk kepada bulan Ogos yang lalu di mana pasaran saham kita telah mengalami penurunan yang begitu ketara sekali, yang bermula daripada 3hb Ogos di mana Komposit Indeks di Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh sebanyak 6.3%, daripada 1,077 kepada 1,009 mata. Kejatuhan sebanyak 68 mata ini menunjukkan saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur berada dalam keadaan yang rendah ataupun lemah berbanding dengan bursa-bursa saham di rantau ini.

Di pasaran Hong Kong, penurunannya hanya setakat 2.2% iaitu dari 9,461 kepada 9,097. Manakala di pasaran Singapura, penurunannya hanya sebanyak 1.2% dan di Jepun peningkatan sebanyak 4.8% dan di Wall Street jatuh sebanyak 2.4% sahaja. Ini menjadikan saham di

Malaysia sebagai mangsa khususnya saham-saham blue-chips berbanding dengan bursa saham yang lain di Asia dan menjadikan di Malaysia, pasaran saham kita yang paling teruk kejatuhannya. Dan ini bukanlah kerana ketiadaan sokongan daripada pengurus dana asing (foreign fund managers). Apa yang menyebabkan kekhawatiran saya ialah tentang kejatuhan pasaran kita, boleh saya nyatakan secara ringkas.

Yang pertama, mungkin adanya kekhawatiran tentang kewujudan defisit perdagangan yang akan bertambah. Yang kedua, mungkin tentang adanya kemungkinan peningkatan terhadap kadar faedah. Ketiga, disebabkan oleh penstrukturan atau liberalisasi terhadap sistem pembrokeran di Malaysia. Keempat, pemindahan semula dana ke pasaran saham di Jepun dan yang kelima, perolehan korporat yang agak rendah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang amat merunsingkan sekali ialah tentang berlakunya kejatuhan harga dan turnovers, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, atau penurunan jumlah saham yang didagangkan yang berterusan kini telah mendapat perhatian yang meluas di kalangan pelabur-pelabur di negara kita ini dan di sekitar negara kita ini dan saya menyokong ke atas usaha yang dibuat oleh Bursa Saham Kuala Lumpur untuk memperkenalkan CDS dan perniagaan tanpa skrip (scriptless trading) yang akan diperkenalkan sepenuhnya menjelang tahun 1996 dan ini adalah merupakan langkah yang berani selaras dengan saranan G30 yang mempunyai objektif untuk mempercepatkan proses penjelasan dibuat, mengurangkan insiden kehilangan dan kecurian skrip. Di samping itu, ia juga merupakan suatu instrumen untuk mengatasi manipulasi

dan market ragging, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Banyak yang telah bertanya, apakah dengan memperkenalkan perniagaan tanpa skrip ini bertujuan bagi melemahkan atau mematikan CLOB dan apakah kerajaan telah mengambil kira tentang kesan memperkenalkan CDS yang akan mendatangkan kesan yang tidak baik kepada CLOB atau terhadap perniagaan di kaunter CLOB dan seterusnya apakah kerajaan telah mengambil kira tentang kesannya terhadap keutuhan pasaran saham di BSKL secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, juga dilaporkan bahawa kejatuhan dagangan dan harga-harga saham adalah disebabkan oleh penjualan yang berterusan daripada pelabur-pelabur di Singapura yang merupakan suatu kuantum yang agak besar dan ini adalah disebabkan oleh ketidakpastian tentang pemberian pinjaman dan pemberian kredit dalam membiayai pembelian saham di dalam CDS. Manakala di Malaysia pula pelabur-pelabur masih belum diberi keyakinan atau masih bertanya-tanya tentang pemberian kredit oleh bank-bank bagi pembelian saham-saham melalui CDS. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri agar dapat menyatakan mengapakah masyarakat pelabur masih bertindak negatif terhadap perniagaan tanpa skrip ini (scriptless trading) khususnya pelabur yang mengurusniaga melalui kaunter CLOB.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah amat penting untuk diambil kira. Perniagaan melalui kaunter CLOB khususnya pelabur di Singapura adalah merupakan pelabur yang agak besar yang memberikan sumbangan kepada perniagaan di BSKL. Adalah

dilaporkan sebanyak 48% urusan jualan saham di Singapura adalah melalui CLOB dan adalah juga dilaporkan bahawa sebanyak RM20 bilion hingga RM30 bilion nilai saham yang dipegang oleh pelabur Singapura. Persoalannya, apakah akan terjadi sekiranya pelabur-pelabur ini akan menjual semua pegangan mereka ini dan ini boleh mendatangkan satu krisis lagi dalam industri saham negara kita ini. Jadi, saya ingin mendapat perhatian daripada kerajaan agar menangani masalah ini dan agar dapat bertindak sebaik mungkin supaya pasaran saham kita terus unggul dan kukuh pada bila-bila masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks memperkenalkan penggunaan CDS ini ataupun perniagaan tanpa skrip ini supaya kita melakukan atau mengadakan lebih banyak kursus, lebih banyak pengeluaran brochure dan road-show kepada masyarakat pelabur termasuk juga pelabur-pelabur di Singapura kerana ini adalah amat penting sekali dilakukan memandangkan masalah yang kita hadapi hari ini.

Perkara yang kedua, yang sepatutnya juga dijelaskan oleh pihak kerajaan ialah sebelum ataupun masih belum terlewat lagi supaya kerajaan melakukan rundingan dengan bank-bank di negara kita ini ataupun bank-bank di Singapura supaya mereka ini juga memberikan kerjasama dan merangka suatu langkah sama ada untuk memberikan pembiayaan pemberian kredit bagi pembelian saham-saham CDS ini dan ini saya percaya akan dapat memulihkan semula keyakinan para pelabur di negara kita ini dan juga di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lalu telah dilaporkan di dalam sebuah akhbar bahawa BSKL telah

mengadakan rundingan dengan pihak Singapura dan menyebabkan saham kita melonjak di setengah jam terakhir perniagaan pada hari tersebut. Tetapi pada hari kemudiannya telah dilaporkan bahawa tidak ada, bahawa BSKL telah meniadakan rundingan itu berlaku dan kita melihat bahawa pasaran saham di negara kita ini terus menjunam pada hari kemudiannya. Kerana ini amat penting dan sensitif sekali, maka saya ingin menarik perhatian supaya kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya supaya dapat membendung masalah ataupun krisis yang mungkin akan kita hadapi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dalam konteks perbahasan pindaan Rang Undang-undang ini ingin menarik perhatian tentang apabila kita melancarkan stok indeks niaga hadapan pada bulan November nanti ini, di mana negara kita sekali lagi akan menjadi spotlight dan akan menjadi tumpuan di kalangan pelabur-pelabur kerana penganjuran ataupun pelancaran satu lagi produk kewangan ini, apa yang perlu diambil perhatian supaya tidak ada kecemasan dan juga tidak ada kecacatan yang mungkin akan berlaku di dalam industri ini yang pada hari ini saya agak khuatir kerana adanya terdapat beberapa skandal pada masa yang lalu misalnya skandal yang melibatkan CPO pada tahun 1984, skandal yang melibatkan Hang Seng Index pada tahun 1986 dan 1987 dan juga operator currency 'fly-by-night' ini pada tahun 1990. Ini saya tekankan kerana di negara kita ini terdapat sebilangan besar atau sejumlah tidak kurang daripada 50 buah syarikat-syarikat yang menjalankan atau yang mengaut keuntungan melalui perniagaan currency atau forex yang dalam bentuk Japanese Yen, British Pound dan sebagainya. Ini amat

meragukan dan ini amat menakutkan sekali kepada kita tambahan pula kita ini dalam waktu-waktu untuk memperkenalkan suatu produk yang baru di negara kita ini. Concern ini, saya nyatakan di sini kerana tidak ada satu badan pengawalseliaan yang wujud sama ada di Kementerian Kewangan ataupun melalui Exchange Control Act 1993 atau melalui CTA 1985 ataupun FIA 1993 (Amendment) ini tidak ada menyentuh soal pengawalseliaan syarikat-syarikat yang beroperasi dalam perniagaan sport currency dan bukannya future ini. Jadi, kalaulah misalnya ada berlaku suatu penyelewengan ataupun satu fraud dalam industri ini, maka ianya akan mencemarkan negara kita ini. Walaupun ini hanya melibatkan 50 buah syarikat yang terlibat di seluruh negara kita ini, tetapi ianya akan mendatangkan kesan yang negatif, yang amat besar kepada industri saham kita, industri modal kita di negara ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah yang diadakan ataupun yang dianjurkan oleh kementerian bagi mengawal syarikat-syarikat ini?

Akhirnya, saya juga ingin menyarankan supaya kerajaan menimbang untuk menggubal satu undang-undang untuk mengawalselia syarikat-syarikat Forex yang terkecuali. Ini saya nyatakan yang berasingan dengan syarikat-syarikat Forex yang dipunyai oleh bank-bank di negara kita ini. Maka dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan menyokong atas pindaan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Wangsa Maju.

8.12 mlm.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh (Wangsa Maju): Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk bersama-sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1995 ini.

Saya memulakan dengan ucapan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan kerana akibat daripada pindaan yang dibuat pada Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1995 tadi, berbagai-bagai pindaan diperlukan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti yang lama untuk memastikan supaya perjalanan pasaran saham kita itu berjalan dengan baik, dengan penuh ketelusan dan penuh kuasa bagi Suruhanjaya dan kementerian bagi mengawal perjalanan dan perniagaan dalam pasaran modal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya membincang hal Suruhanjaya Sekuriti ini dalam konteks perubahan-perubahan yang sudah begitu banyak, yang diperkenalkan oleh kementerian dan kerajaan, bagi memantapkan lagi pertumbuhan pasaran modal ini dan industri sekuriti ini dengan lebih mantap, selari dan setuntas dengan perkembangan ekonomi kita ke peringkat yang lebih maju.

Dalam hal ini saya mengucapkan tahniah kepada kementerian dan kerajaan kerana sejak tahun 1990 begitu berani dan sungguh mempunyai foresight, dengan izin, membuat keputusan untuk mengasingkan Bursa Saham Kuala Lumpur daripada Bursa Saham Singapura, di mana perkembangan ini telah membawa kita ke tahap yang sungguh menakjubkan mereka yang dahulunya merasa sangsi ataupun sceptical tentang kemungkinan kita berkembang begitu pesat dalam

soal pasaran ini. Maka kerja oleh Suruhanjaya Sekuriti ini memanglah yang terpenting dalam soal mengawasi dan mengawalselia perkembangan-perkembangan ini.

Dalam hal ini apa yang telah dilakukan oleh kerajaan selepas daripada pemisahan Bursa Saham Kuala Lumpur daripada Singapura itu termasuk apa yang disebutkan tadi oleh rakan saya Yang Berhormat dari Labuan tentang pengenalan CDS ataupun urus niaga tanpa skrip dengan berbagai macam pindaan-pindaan kepada Akta Perbankan dahulu, semuanya ini adalah bertujuan untuk mengembangkan lagi usaha kita dalam memperdalamkan, memperluaskan dan seterusnya memperkuat industri modal dan pasaran modal kita ini. Dalam hal inilah maka saya merasa sungguh bijak apa yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam soal menyusun proses liberalisasi ekonomi kita sejak kemelesetan tahun 1980-an sehingga kita menuju kepada kemajuan dan pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat sejak kebelakangan ini.

Bahawa dalam proses membuat keputusan yang begitu berani meliberalisekan ekonomi kita, kita telah mengikuti satu susunan liberalisasi yang sememangnya dituntut oleh teori dengan cara yang dibuat di sini memberi kita keyakinan bahawa proses liberalisasi itu tidak akan memberi peluang kepada gejala-gejala yang kurang sihat dalam ekonomi yang berasaskan pasaran yang sentiasa kita baca, termasuk soal berkaitan dengan industri dan pasaran modal.

Dalam hal ini apa yang dilakukan oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan di bawah pimpinan Yang Berhormat Tun Daim sebelum ini dan juga sekarang dilanjutkan oleh Yang

Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Anwar bin Ibrahim bahawa kita telah melonggarkan syarat-syarat perdagangan termasuk import. Kita telah melonggarkan kod-kod pelaburan mengikut susunan ini. Kemudiannya kita mengkaji kedudukan cukai dan mengubah, membuat reformasi dalam susunan cukai supaya memberikan flexibility, dengan izin, dalam susunan kewangan awam dan kewangan swasta.

Sekarang ini kita dalam proses meliberalisasikan sistem kewangan negara kita termasuk berkaitan dengan sebelum ini pasaran ataupun tukaran wang asing, isu kadar faedah dan lain-lain. Dengan cara sedemikian, maka cara-cara kita menyusun liberalisasi itu mengikut susunan ini memanglah mengikut apa yang perlu dibuat.

Dalam soal pemerluasan atau liberalisasi, dalam bidang sistem kewangan kita termasuk dalam bidang industri modal ini, sekuriti dan lain-lain, bahawa kita masih lagi dalam proses memperluaskan dan memperbanyakkan instruments yang akan diperdagangkan ataupun diurusniagakan dalam bursa saham.

Baru sebentar tadi kita telah meluluskan satu pindaan berkaitan dengan niaga hadapan dan dengan kemungkinan kita dapat mengurusniaga dan berdagang dalam instruments hadapan ini termasuk satu masa nanti apabila kita memperkenalkan Stock Index Trading, dengan izin, dan juga kemungkinan pindaan yang akan membolehkan, dengan izin, short selling dan sebagainya. Maka akan lebih memantapkan proses perniagaan tersebut, malah dituntut oleh pindaan-pindaan yang sekarang Dewan yang mulia ini telah luluskan dan sedang dibahaskan sekarang.

Usaha-usaha kita ini juga selaras dengan lanjutan kepada apa yang telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan iaitu Yang Amat Berhormat Menteri sendiri tentang peranan yang boleh dimainkan oleh pengurus dana asing yang juga menonjolkan kemungkinan Kuala Lumpur atau Malaysia menjadi pusat kewangan rantau yang lebih canggih.

Tentu sekali ada yang mengatakan kita ini dalam proses bersaing dengan Singapura dan Bangkok supaya kita dapat menarik pelabur-pelabur asing dalam bidang kewangan ini ke kawasan atau ke negara kita selepas Hong Kong dipulangkan kembali miliknya kepada Benua China. Namun kita harus ingat dan sentiasa memberitahukan kepada media asing dan juga pelabur asing bahawa apa yang kita buat ini adalah dalam urusan agenda kita sendiri bahawa kita tidak mahu berlumba dengan mana-mana pihak, bahawa tahap yang kita sampai ini adalah tahap yang logical, dengan izin, dalam proses liberalisasi yang kita telah mulakan itu.

Bagaimanapun, seperti dalam perbahasan sebelum ini tentang pindaan niaga hadapan, memanglah dalam proses meliberalisasikan pasaran kewangan termasuk pasaran modal, memang banyak kemungkinan-kemungkinan penyelewengan, bukan sahaja dari segi soal spekulasi yang terlalu berlebihan, bukan sahaja dari segi manipulasi syer dan stok dan bukan sahaja dari segi kemungkinan dalam keadaan pasaran dunia semakin global ini, pihak-pihak asing memasukkan 'short term funds', atau dengan izin, 'hot money' dalam negara dan pasaran kita. Kemungkinan-kemungkinan ini adalah dibolehkan oleh kerana pengembangan media elektronik dan perdagangan melalui sistem elektronik di mana membolehkan berbilion-bilion ringgit

dipindahkan daripada satu negara ke satu negara tanpa rintangan seperti dahulu. Dan dengan scripless trading juga apa yang sebenarnya bertujuan satu langkah yang positif boleh disalahgunakan oleh pihak-pihak yang menggunakan kompleksiti yang memangnya ada pada pasaran yang baru kita majukan ini.

Dalam hal inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh mengalukan pindaan-pindaan yang telah diajukan untuk Suruhanjaya Sekuriti ini supaya memberikan mereka gigi yang lebih tajam untuk mengawalselia dan juga mencari dan membuat penyelidikan untuk menghukum mereka yang telah menyalahgunakan dasar kerajaan meliberalisasikan pasaran modal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang keluasan sistem kita ini kepada urus niaga hadapan, kerana ini adalah satu-satu tugas baru yang pada tiap-tiap perenggan dalam peruntukan pindaan yang sedang kita bahaskan ini. Suruhanjaya Sekuriti diberi kuasa baru, iaitu memperluaskan bukan sahaja dalam pasaran sekuriti, tetapi juga melalui soal pasaran hadapan. Memanglah tujuan kita dalam soal derivatif ini, dengan izin, sebagai satu instrumen untuk mengurus risiko pada pemodal dan pelabur, bahawa instrumen ini adalah bertujuan untuk memberi kita pelabur-pelabur yang besar mahupun yang kecil, yang institutional mahupun yang perseorangan untuk mereka mengurus risiko mereka itu dan sekali gus meningkatkan liquidity bagi pasaran ini.

Dalam soal inilah apa yang menjadi masalah besar bagi derivatif yang kita lihat pada contoh-contoh yang telah disebutkan oleh rakan-rakan kita

dahulu yang sememangnya saya percaya pihak Security Commission, dengan izin, dan pegawai-pegawai yang memang mengikuti perbincangan dalam media, sama ada melalui Orient County, Procter and Gamble, Gibson Reading Card atau yang akhir ini Barings, semuanya ini adalah satu pengajaran bagi kita semua bahawa apa yang baik boleh disalahgunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Bahawa soal seperti yang disebutkan oleh ramai rakan-rakan dalam soal mengurus derivatif sama ada dalam bentuk index futures ataupun dalam bentuk lain-lain instrumens hadapan ini. Prosedur membuat penilaian indeks ataupun instrumens-instrumens ini, oleh kerana ianya adalah dua langkah daripada syer yang sebenarnya begitu kompleks yang melibatkan formula-formula mathematical yang kadangkadangkang pelabur itu sendiri tak faham. Mungkin hanya menerima nasihat-nasihat daripada firma-firma yang sememangnya dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti ini telah diberi kuasa atau diberi tempat untuk memainkan peranan masing-masing dalam pasaran hadapan tersebut.

Jadi, jika ini adalah kompleks bagi pelabur-pelabur, maka Suruhanjaya dan pegawai-pegawainya harus jugalah memahami sedalam-dalamnya bagaimana bukan sahaja penilaian-penilaian ataupun valuation ini, dengan izin, dibuat dan bagaimanakah pula ianya dapat dimanupulasikan. Termasuk juga soal forecasting interest rate dan sebagainya, dengan izin, semuanya ini menimbulkan kekeliruan jika tidak diawasi dengan baik ataupun diberi pengetahuan dan pengajaran ataupun pendidikan yang wajar kepada pihak-pihak tertentu. Itu yang pertama.

Yang keduanya, dari segi apa yang berlaku kepada mereka yang telah

terjerumus dalam masalah bankrupsi berkaitan dengan derivatif ini. Adalah oleh kerana mereka terlalu luas, ataupun kemungkinan terlalu besar exposure mereka kepada pinjaman untuk membiayai pelaburan tersebut. Oleh kerana kebanyakan daripada urusan niaga hadapan ini bergantung kepada apa yang akan berlaku masa hadapan, apabila timbul masalah dan ianya juga digalakkan dengan kemungkinan spekulasi yang begitu luas skopnya, apabila seseorang pelabur iaitu bergantung kepada leverage ataupun pinjaman untuk membiayai pelaburan tersebut, maka akan timbul masalah-masalah seperti yang terjadi kepada Procter and Gamble dan Orient County dan sebagainya. Dalam hal inilah maka peranan Suruhanjaya ini harus kita minta pihak kementerian awasi dan beri segala bantuan untuk meningkatkan keupayaannya.

Dalam pindaan ini, selain daripada scholarship dan biasiswa diberikan untuk mendidik dan melatih pegawai-pegawai penyelidik dan pegawai-pegawai di jabatan ataupun di Suruhanjaya ini, namun perlu jugalah pihak pelabur awam diberikan pendidikan dan kursus-kursus sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya ingin sentuh ialah berkaitan dengan masalah Suruhanjaya Sekuriti ini memainkan peranan mengawasi dan mengawalselia berbagai-bagai badan yang akan juga terlibat dalam soal pengurusan sistem pasaran modal kita ini, sistem kewangan kita, termasuk Bank Negara yang mempunyai tanggungjawab ke atas nilai mata wang dan exchange rate kita, termasuk panel pengambilalihan dan pencantuman dan juga Security Commissions sendiri bahawa satu

penyelarasan melalui Kementerian Kewangan sangat-sangat penting.

Kalaupun soal Companies Act ataupun Akta Syarikat juga terlibat melalui ROC, maka tentu sekali ini juga melibatkan satu koordinasi yang sangat penting seperti disebutkan oleh seorang daripada rakan-rakan kita, bahawa semuanya ini kita buat bertujuan untuk meningkatkan kredibiliti pada Suruhanjaya Sekuriti dan badan-badan tersebut. Dari segi Bank Negara waktu soal spekulasi berkaitan dengan foreign exchange atau pertukaran asing dahulu kepada ROC berkaitan dengan isu-isu yang mungkin rakan lain dapat perelaskan dalam perdebatan ini mengenai insider trading ataupun urusan niaga dalaman dan dalam soal isu derivatif sebagai satu arena yang baru.

Bahawa tanpa kita memberikan prasarana, pengawasan yang wajar dan pindaan-pindaan kepada beberapa perenggan berkaitan dengan tukaran atau tukar maklumat antara badan dalam negeri termasuk Suruhanjaya Sekuriti bersama dengan badan-badan luar antarabangsa dalam satu kerjasama apabila timbul masalah-masalah penyelewengan dan skandal, ini memanglah perlu dalam konteks ini supaya kita benar-benar dapat mengangkat taraf Securities Commission kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran saham kita di peringkat yang sungguh mencabar bagi negara kita. Mungkin ada pihak yang mengatakan bahawa perubahan-perubahan yang dibuat ini mungkin terlalu laju dan dibuat dari segi perancangan yang mungkin lebih pada mulut ataupun pada kertas tetapi tidak pada apa yang sebenarnya yang berlaku, dari segi susunan pentadbiran dan kemungkinan pengawalan yang rapi.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya kita terus memberikan semangat baru kepada usaha kita untuk mengangkat pasaran saham dan juga pasaran modal kita ini ke taraf yang setanding dengan perkembangan ekonomi kita. Bahawa peluang untuk kita dalam sejarah termoden ini iaitu sejarah akhir-akhir ini memberi kita satu, dengan izin, window of a opportunity, satu ruang untuk kita mengambil peluang meletakkan kedudukan pasaran modal kita itu kepada peringkat yang akan membanggakan kita dan memberi penghormatan yang tinggi oleh orang-orang luar kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan beberapa perkara yang juga merupakan detail, tetapi saya buat secara senarai sahaja. Pertamanya, ialah soal kelulusan-kelulusan yang dibuat oleh Securities Commission. Sepatutnya haruslah dipercepatkan processing bagi permohonan-permohonan untuk penyenaiaan. Keduanya, soal pricing iaitu meletakkan nilai bagi initial public offer (IPO), itu haruslah seperti kata setengah-setengah pelabur sedekat mungkin dengan keadaan pasar walaupun kita tidak mungkin dapat membuat unjuran yang tepat mengenai pasaran itu. Dalam soal ini, maka nanti kita bertambah matang dalam soal memberi peluang kepada pelabur-pelabur walaupun yang individu ataupun retail players supaya kita dapat mengurangkan proses spekulasi dan menggunakan pasaran saham kita ini sebagai dulu dikatakan 'casino'.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sudah melalui satu tahap yang sungguh dramatic dalam perkembangan pasaran saham ini dan juga pasaran modal kita dengan cadangan-cadangan baru seperti 'derivatives trading' tadi.

Saya yakin bahawa dengan kuasa-kuasa baru yang diberikan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan peluang-peluang untuk meningkatkan keupayaan pegawai-pegawainya untuk mengawalselia industri ini, maka tentu sekali cita-cita kerajaan untuk mencapai perkembangan yang lebih mantap dalam negara kita akan tercapai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

8.35 *mlm.*

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan yang di-Pertua, saya turut ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyatakan persetujuan saya tentang usaha pihak kerajaan untuk menambahkan penalti am dengan hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau tempoh pemenjaraan tidak melebihi lima tahun jika seseorang didapati melakukan kesalahan di bawah akta yang baginya tiada penalti khusus telah diperuntukkan. Di sini, secara dasar bolehkah semua penalti ini sekurang-kurangnya adalah sama berat dengan penalti am yang dikenakan. Saya rasa ada banyak seksyen-seksyen di mana penalti yang ditetapkan adalah lebih kurang daripada penalti am ini. Dan saya rasa ia harus diseragamkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya rasa bagi keadaan tertentu, penalti am yang dikenakan ini adalah tidak mencukupi. Ini adalah kerana untuk setengah-setengah kes penyelewengan atau penipuan yang

berlaku jumlah yang terlibat adalah tersangat besar sekurang-kurangnya RM10 juta atau RM20 dan kadang-kala boleh sampai RM100 juta atau mungkin juga berbilion-bilion ringgit. Kalau begitu, untuk orang seperti ini, denda RM1 juta saya rasa bukanlah sesuatu yang menakutkan dan adalah sesuatu yang amat ringan sekali dan sebaliknya menggalakkan mereka melakukan penipuan atau penyelewengan. Macam kes-kes di Amerika Syarikat di mana Peter Winsky di mana dia telah dihukum US\$100 juta oleh ICC Amerika Syarikat dan ini telah dikecam oleh semua pemerhati dan rakyat Amerika kerana dianggap terlalu rendah berbanding dengan keuntungan yang diperolehi olehnya menerusi cara-cara yang tidak beretika, irregular atau haram. Dan saya rasa, untuk negara kita kalau RM1 juta untuk 'the man in the street', dengan izin, orang biasa nampaknya sangat tinggi dan besar tetapi untuk corporate tycoon, ini sangat besar, malah dalam UMNO untuk pertandingan ketua bahagian sudah RM6 juta, so apa RM1 juta?

Saya rasa RM1 juta bukan sesuatu yang menakutkan dan kalau boleh, bolehkah saya mencadangkan bahawa selain daripada penalti am ini, satu peruntukan dimasukkan untuk membolehkan segala keuntungan yang diperolehi daripada cara-cara yang tidak beretika atau haram ini dirampas oleh pihak kerajaan. Saya rasa dengan cara ini, menambah lagi dengan penalti am ini akan merupakan satu penghalang atau sesuatu yang boleh menakutkan mereka yang ingin menipu orang awam atau pelabur-pelabur dalam pasaran modal kita. Kalau tidak, saya rasa RM1 juta ini sekarang bukanlah jumlah yang besar dan tidak bermakna langsung. Oleh

sebab itu, saya harap pihak kerajaan boleh menambahkan satu proviso, tidak guna kita mengadakan penalti am, kita tambah lagi semua keuntungan yang diperolehi daripada cara penipuan ini dirampas. Saya rasa ini akan lebih berkesan.

Selain daripada itu, tentang ganti rugi yang dituntut oleh mereka yang ditipu, saya rasa bolehkah saya minta di sini bahawa pihak kementerian melonggarkan syarat-syarat tuntutan kerana seperti yang saya sebutkan tadi, setakat tabung fidelity fund ini ditubuhkan atau tabung kesetiaan ditubuhkan, tidak ada satu pembayaran dibuat? Dan saya tidak faham mengapa perkara ini boleh berlaku, sedangkan kita ada banyak skandal penipuan yang berlaku sejak 20 tahun kebelakang ini, bukan tidak ada orang memohon malah saya sendiri bagi pihak sekumpulan mangsa pelabur-pelabur kecil di Tampin telah memohon bagi pihak mereka kepada tabung kesetiaan ini yang diuruskan oleh BSKL, tetapi ditolak. Sungguhpun Pendaftar Syarikat telah mendakwa bukan sahaja 'illegal agent' atau ejen haram tetapi juga mendakwa pengarah syarikat broker saham di bawah seksyen 87A Akta Industri Sekuriti atau Section 87A of the Securities Industry Act, jelas bahawa sesuatu defalcation, dengan izin, telah berlaku dan ini boleh dilihat dengan pendakwaan pengarah stockbroker, dengan izin, not a remisier, stockbroker, di bawah SIA.

Tetapi permohonan mereka ditolak oleh KLSE dan tidak ada saluran permohonan rayuan langsung. Tentu kalau pergi ke mahkamah untuk memaksa pembayaran dibuat daripada tabung kesetiaan, itu saya rasa amat sukarlah, selain daripada kos guaman yang amat tinggi. Oleh sebab itu, saya berharap pihak kementerian boleh

mengkaji perkara ini. Kalau tidak apakah gunanya kita menubuhkan satu tabung kesetiaan yang tidak dibayar langsung dan tidak digunakan langsung. Lebih baik kita letakkan ini dalam Unclaimed Money Act – put it under unclaimed money – kalau ia tidak boleh dikeluarkan langsung, tidak boleh digunakan langsung dan tidak memenuhi matlamatnya untuk memberikan satu safety net, dengan izin, untuk pelabur-pelabur kecil. Selain daripada itu, saya berharap juga jumlah dana dalam fedelity fund ini boleh ditambah. Setakat ini hanya RM6.1 juta sahaja dan saya rasa kalau tuntutan yang dibuat oleh pelabur-pelabur kecil yang ditipu hendak diuruskan dengan serius, saya rasa jumlah ini terlalu rendah dan harus ditambah. Kalau boleh mungkin sumbangan yang dibuat oleh Ahli-ahli BSKL ini boleh ditambah supaya tabung ini dapat benar-benar membantu mereka ini.

Kalau boleh, bolehkah saya bertanya sama ada tabung kesetiaan ini boleh dilabur dalam tabung-tabung yang memberikan pulangan terjamin, supaya sekurang-kurangnya ia tidak menjadi satu jumlah yang tidak aktif langsung atau tidak berhasil langsung? Saya harap pihak kementerian boleh mengambil berat dan memberikan perhatian tentang perkara ini.

Tentang Suruhanjaya Sekuriti saya rasa saya ingin menyatakan penghargaan saya kepada Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti yang saya nampak lebih sensitif sedikit kepada keperluan orang ramai berbanding dengan CIC atau badan-badan sebelumnya. Saya harap beliau boleh meneruskan sikapnya yang cuba sedaya mungkin untuk peka ke atas semua soalan atau aduan rakyat, termasuk saya sendiri. Tetapi pada masa yang sama saya harap pihak Suruhanjaya

Sekuriti boleh mengambil tindakan tegas di atas insider trading, dengan izin. Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti telah menyatakan bahawa siasatan ke atas suatu kes insider trading sedang dijalankan, tetapi setakat ini kita masih belum menerima sebarang kemajuan tentang siasatan ke atas insider trading. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini tentang kemajuan siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Sekuriti ke atas insider trading ini?

Kedua, ialah perlunya hak-hak pelabur-pelabur kecil dijaga. Kalau tidak ini akan memberikan satu gambaran, wujudnya double standard, di mana hak-hak atau kepentingan pelabur-pelabur besar lebih penting daripada pelabur-pelabur kecil. Saya membangkitkan perkara ini kerana saya melihat di antara Fasal Rang Undang-undang ini ialah Fasal 10 berkaitan dengan perlindungan pelabur, di mana untuk memastikan perlindungan pelabur, subseksyen baru 32(9) dicadangkan agar bertujuan mencegah salahnyataan oleh penerbit tentang kelulusan Suruhanjaya yang diberikan terhadap apa-apa cadangan dengan menghendaki sesuatu pernyataan dibuat bahawa kelulusan Suruhanjaya Sekuriti itu tidak boleh dikira sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya mengesyorkan cadangan itu kepada pelabur-pelabur.

Di sini saya rasa exclusion oleh Suruhanjaya Sekuriti bahawa mereka tidak menyokong sesuatu pernyataan yang dibuat, saya rasa adalah tidak mencukupi. Dalam apa-apa terbitan saham yang baru saya rasa adalah perlu mana-mana unjuran atau ramalan keuntungan yang dibuat oleh syarikat-syarikat perakaunan atau underwriter atau merchant bank, mestilah tepat dan sah. Seringkali ramalan atau unjuran keuntungan ini tidak tepat.

Bolehkah saya mencadangkan di sini, untuk memastikan bahawa ramalan ini bukan sesuatu yang dimainkan, sesuatu yang tidak dianggap serius, sebaliknya dianggap sebagai sesuatu di mana pihak underwriter atau pihak syarikat perakaunan mempunyai fiduciary duty, ke atas pelabur-pelabur kecil yang bergantung kepada laporan mereka untuk membuat keputusan pelaburan. In other words, dengan izin, rely on this financial report to make their financial decision. Bolehkah pihak Suruhanjaya Sekuriti memastikan bahawa kalau mereka tidak memenuhi ramalan atau unjuran keuntungan mereka, mereka kena bayar ganti rugi kepada pelabur-pelabur kecil yang bergantung kepadanya – breach of fiduciary duty? Saya rasa, ini telah diamalkan di Amerika Syarikat, di mana saya rasa kalau ada, dengan izin, variance of ten percent, apa yang lebih daripada 10% variance ini, syarikat perakaunan dan underwriter yang membuat perkara ini terpaksa membayar perbezaannya. Saya rasa hanya dengan mengenakan syarat ini pihak-pihak yang berkenaan yang lebih serius tentang ramalan keuntungan atau unjuran keuntungan mereka, kalau tidak mereka boleh, dengan izin, pluck the figure from the thin air – tidak ada apa-apa akibat atau tidak ada apa-apa tindakan yang akan diambil terhadapnya.

Saya rasa kalau saya tidak silap, amalan ini atau peraturan ini telah ditetapkan oleh ACC daripada syarikat ke atas semua terbitan baru saham dan saya rasa ini harus diamalkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan saya rasa Yang Berhormat dari Rompin pun bersetuju dengan saya, kecuali syarikat dia yang terlibat. Setakat ini semuanya menepati ramalan keuntungan, saya rasa – ini bukan masalah, tetapi untuk

syarikat-syarikat tertentu saya ada perhatikan variannya kadang-kadang lebih daripada 200%. Sebagai satu contoh, sebuah syarikat – saya tidak mahu menyebut nama, tetapi sebuah syarikat dia membuat unjuran bahawa dia akan untung sebanyak RM2 juta untuk tahun depan, tetapi sebaliknya dia rugi RM2 juta – apa yang berlaku? Tetapi tidak ada tindakan yang diambil dan untuk pelabur-pelabur kecil yang membeli saham itu berdasarkan ramalan keuntungan itu, mereka rugi. Siapa yang akan bertanggungjawab ke atas kerugian atau kejatuhan harga saham mereka? Atau adakah mereka terpaksa menanggung atas diri sendiri, saya rasa ini adalah tidak adil memandangkan syarikat perakaunan ini telah mendapat pembayaran profesional mereka untuk membuat laporan kewangan ini.

Oleh sebab itu kalau mereka memberikan ramalan secara profesional dan berdasarkan 'informed result', dengan izin, atau butir-butir daripada syarikat yang berkaitan yang tidak diketahui oleh orang awam.

Saya rasa mereka mestilah bertanggungjawab. Ini hanya adil ke atas dan kepada pelabur-pelabur kecil. Kalau tidak, saya rasa sesiapa pun boleh membubuh satu angka kerana mereka tidak payah bertanggungjawab langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mencadangkan bahawa syarikat perakaunan atau pihak underwriter mesti membayar kesemua atau segalanya tetapi sekurang-kurangnya kalau mereka dipastikan dikenakan untuk membayar ganti rugi. Kalau variance atau ramalan keuntungan sebenarnya terlalu jauh daripada ramalannya, saya rasa kita boleh mendapat ramalan atau mendapat

maklumat yang sahih dan tepat. Kita menuju ke atas, dengan izin, 'mandatory disclosure of information'. Apa gunanya kalau kita mewajibkan pemberian maklumat kalau ia tidak boleh dipercayai? Saya rasa inilah sesuatu perkara yang penting - 'mandatory disclosure of information', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak berguna langsung 'if it is not reliable or without any basis'.

Oleh sebab itu, sungguhpun kita memastikan maklumat diberikan tetapi kalau kita tidak menguatkuasakan peraturan supaya mereka yang memberikan maklumat ini bertanggungjawab, saya rasa ini tidak akan membantu pelabur-pelabur kecil.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, tentang etika syarikat-syarikat broker saham di mana dalam satu kenyataan bahawa had 10 syarikat saham yang boleh disenaraikan dalam BSKL telah dibatalkan tetapi ada beberapa syarat tertentu seperti modal mestilah RM100 juta. Bolehkah pihak kementerian atau pihak Suruhanjaya Sekuriti memastikan bahawa semua syarikat broker saham mengamalkan kaedah kewangan yang beretika. Ini adalah kerana saya telah menerima banyak aduan daripada pelabur-pelabur kecil tentang cara-cara syarikat-syarikat broker saham ini mengendalikan perniagaan mereka seperti di Melaka, kebanyakan aduan ini daripada OCBC Securities.

Saya tidak tahu sama ada pihak Suruhanjaya Sekuriti ada menerima aduan daripada pelabur-pelabur kecil yang berasa mereka telah ditindas atau dianiayai oleh OCBC Securities Sdn. Bhd. Oleh sebab itu, saya harap mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyiasat tentang syarikat broker saham ini. Saya tahu,

bila saya membuat permintaan ini, agak susah saya untuk membeli saham di Melakalah tetapi saya kena menjalankan tugas saya.

Satu lagi mengenai amalan yang tidak berapa sihat ialah perbezaan tiba masa untuk membayar 'contra gains' dan 'contra losses'. Untuk 'contra losses' saya rasa semua pelabur kecil yang dikenakan membayar 'contra losses' mengikut tiba masa ialah mungkin T+7, T+9. Itu mengikut amalan syarikat broker saham tetapi untuk 'contra gains' biasanya dua bulan baru terima. Bolehkah perbezaan masa ini diseragamkan kerana saya ada terima aduan sampai ke orang Kedah di mana mereka merungut bahawa timbul masa untuk membayar 'contra gains' dan 'contra losses' berlainan. Bila 'contra losses' mesti cepat kena bayar tetapi 'contra gains' sampai dua bulan.

Saya harap pihak Suruhanjaya boleh mengeluarkan arahan supaya timbul masa membuat bayaran 'contra gains' dan 'contra losses' adalah sama. Kalau ada perbezaan yang begitu besar seperti ini, saya rasa syarikat broker saham untung.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Sekejap lagi, hanya satu, dua perkara sahaja.

Satu perkara lagi ialah untuk mengelakkan masalah penyelewengan atau masalah penyelewengan yang berlaku dalam pasaran saham atau sekuriti. Saya rasa satu punca utama ialah 'the demand of the supply', dengan izin. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah adalah tidak cukup syarikat-syarikat broker saham dan kalau pihak kementerian tidak mahu menambah 'stockbrokers' saya rasa bolehkah mereka dibenarkan menubuhkan cawangan?

Saya tidak faham mengapa syarikat broker saham tidak dibenarkan menubuhkan cawangan seperti bank-bank. Kalau bank-bank boleh menubuhkan cawangan, mengapa syarikat broker saham tidak dibenarkan berbuat demikian? Saya rasa kalau ia dibenarkan berbuat demikian, masalah ejen-ejen saham secara haram yang berleluasa di bandar-bandar kecil akan diatasi seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mungkin di tempat dia sendiri ada 'illegal share agents'. Di mana-mana tempat, semua tempat ada 'illegal share agents' yang berdagang secara haram untuk broker saham dan ini adalah satu hakikat, satu perkara yang berlaku di seluruh negara dan saya rasa bahayanya ialah kalau sesuatu masalah timbul, siapa yang akan menanggung kerugian? Bukan syarikat broker saham, pelabur kecil sendiri.

Saya rasa sudah sampai masanya syarikat broker saham dibenarkan menubuhkan cawangan dan akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta pihak kementerian mengambil berat tentang operasi syarikat-syarikat yang mengendalikan 'forex trading'. Itu bukan 'forex trading' yang dikendalikan oleh bank-bank tetapi di mana syarikat ibunya terletak di luar negara khususnya dari Hong Kong di mana mereka boleh 'speculate currency', dengan izin, atau mata wang asing dan saya rasa kalau masalah ini tidak dikawal selia atau dibendung, saya kluatir ini akan menjadi satu skandal kewangan yang meletup pada masa akan datang. Buat masa ini, sudah ada banyak aduan tentang kerugian yang dialami oleh pihak pelabur-pelabur dalam perdagangan mata wang asing ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita banyak lagi. Bolehkah kita hadkan ucapan masing-masing? Sekiranya saya minta 10 minit seorang boleh atau tidak? Di belakang sana, minta 10 minit ya?

8.58 *mlm.*

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bangun di Dewan yang mulia ini untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan berhubung satu perkara yang begitu penting dalam pengurusan pasaran modal negara iaitu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Sekuriti kerana mengemukakan pindaan ini semata-mata untuk memastikan pengurusan dan kawalan industri sekuriti negara akan berada pada tahap yang paling efisien dan kompetitif. Pindaan ini tepat pada masanya memandangkan industri sekuriti kita kini mendapat perhatian dunia dengan banyak kalangan di luar negara mengikuti perkembangan pasaran kita terutama ekoran pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berhubung dengan liberalisasi pasaran modal.

Walaupun usia Suruhanjaya ini boleh dianggap baru setahun jagung, iaitu selepas penubuhannya kira-kira 3 tahun lepas, tetapi badan ini sudah mula merasai cabaran dan tanggungjawab yang besar yang harus dipikulnya. Menyedari betapa pesatnya industri ini berkembang dan betapa kepentingan para pelabur perlu dilindungi, badan ini perlu diberi kuasa

sewajarnya untuk membolehkan ia memainkan peranan sebagai watchdog yang benar-benar berkesan agar kredibiliti industri sekuriti negara terpelihara daripada apa jua gejala yang mungkin boleh menghancurkannya.

Tuan Yang di-Pertua, elemen paling penting dalam industri sekuriti ialah kalangan pelabur. Tanpa pelabur, maka malaplah pasaran. Oleh itu, peranan atau tanggungjawab utama Suruhanjaya Sekuriti ialah mewujudkan suasana pelaburan yang sihat dan menggalakkan. Ia harus membuat satu perancangan jangka panjang yang bukan sahaja dapat menarik minat pelaburan, malah yang penting ialah mengekalkan keyakinan mereka terhadap pasaran modal negara ini.

Dalam hal ini, satu perkara yang sering menjadi isu dan keluhan di kalangan pelabur ialah urusan dalaman atau insider trading. Gejala ini jika tidak dibendung mulai sekarang akan memberi kesan buruk terhadap pelabur untuk menanam modal mereka. Perkara ini timbul kerana sikap tidak jujur dan perasaan tamak di kalangan individu tertentu yang mahu mengaut keuntungan tanpa memperdulikan masa depan pasaran modal negara.

Walaupun telah berkali-kali perkara ini dibangkitkan kepada umum dan amaran dikeluarkan, namun individu-individu berkenaan masih terus menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka dengan memanipulasikan maklumat untuk kepentingan diri. Perbuatan mereka begitu ketara, terutama apabila seringkali berlaku di mana harga saham tertentu melambung tinggi beberapa hari sebelum satu pengumuman penting mengenai sebuah syarikat dibuat kepada umum.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah niat saya di sini untuk melemparkan tuduhan secara membuta tuli, tetapi hakikatnya ialah individu tertentu dalam syarikat-syarikat berkenaan, termasuk ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan mereka harus dipertanggungjawabkan dalam perkara ini. Kalangan ini seharusnya lebih bertanggungjawab kerana mereka sebenarnya telah diberi mandat untuk memegang amanah dan tidak ada maklumat penting dibocorkan sebelum pengumuman rasmi dibuat.

Bercakap mengenai gejala ini, satu peristiwa yang boleh dijadikan contoh paling jelas ialah peristiwa yang berlaku kira-kira 2 tahun lalu yang membabitkan syarikat The New Serendah Rubber Company dan HICOM Berhad. Tidak ada siapa menduga The New Serendah Rubber Company akan dijadikan sebagai listing vehicle, dengan izin, bagi HICOM Berhad di KLSE. Hanya beberapa jam sebelum pengumuman mengenai pengembalian itu dibuat, urusan niaga saham dibuat di kaunter New Serendah yang biasanya perlahan, tiba-tiba menjadi rancak dengan harga saham pada kaunter itu melonjak naik sehingga ditutup pada harga RM300.

Kejadian ini jelas menunjukkan bahawa segelintir individu tertentu yang diamanahkan memelihara maklumat telah mengambil kesempatan untuk membuat keuntungan. Peristiwa itu berlaku berulang kali membabitkan saham-saham di kaunter lain.

Sungguhpun perbuatan insider trading ini jelas berlaku, tetapi pihak-pihak berkuasa tidak mampu membuat apa-apa, lantas mendorong gejala ini terus berlaku. Kalangan ini bukanlah sembarangan orang. Mereka adalah

orang yang berkedudukan dan pintar serta tahu selok-belok industri. Mereka menggunakan nomine-nomine di negara lain untuk menjalankan urusan niaga.

Gejala ini tidak harus dibiarkan berterusan. Adalah diharapkan, apabila Dewan yang mulia ini meluluskan Akta ini, Suruhanjaya Sekuriti akan benar-benar dilengkapi dengan senjata yang diperlukan untuk membanteras gejala ini. Suruhanjaya Sekuriti hendaklah berusaha lebih keras dengan mendapatkan kerjasama pihak-pihak berkuasa di negara-negara lain untuk menjejaki kalangan yang bertanggungjawab terhadap gejala insider trading ini. Golongan berkenaan perlu dihukum agar keyakinan pelabur terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, gesaan kerajaan untuk mengalakkan rakyat melabur dan menanam modal tidak akan tercapai matlamatnya sekiranya pasaran saham terus dipengaruhi oleh spekulasi. Sesungguhnya, banyak kalangan bumiputera yang mulai sedar dan berminat untuk berkecimpung dalam pasaran modal, tetapi keghairahan mereka akhirnya lenyap begitu sahaja kerana suasana pasaran yang hanya dimanipulasikan oleh golongan tertentu.

Saya merayu agar Suruhanjaya Sekuriti memandang serius perkara ini dan memikirkan cara bagaimana untuk menjadikan pasaran kita benar-benar dapat berfungsi dengan baik bagi mengalakkan lebih banyak pelabur, terutama di kalangan rakyat di negara ini.

Suruhanjaya ini juga diharapkan dapat memainkan peranan mendidik kalangan bumiputera, terutama di luar bandar untuk turut serta melabur di dalam pasaran saham. Ketika ini, urusan

niaga saham lebih bersifat "oven batch" dengan tumpuan kepada pelabur di bandar-bandar sahaja.

Mungkin ada baiknya jika difikirkan cara untuk menarik penyertaan kalangan di luar bandar untuk turut serta. Di sini, saya cadangkan agar seminar-seminar mengenai pelaburan saham diadakan di peringkat daerah dan di bandar-bandar di luar ibu negeri, misalnya di bandar Sandakan dan Tawau di Sabah untuk meningkatkan pengetahuan rakyat mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menggesa agar sekuriti meningkatkan penumpuan mereka dalam membantu memastikan pasaran sekuriti kita dapat bergerak dalam suasana sihat, iaitu pasukan polis, terutama Cawangan Jenayah Komersil. Walaupun pihak polis diakui telah berusaha memberi penekanan terhadap meningkatkan kepakaran mereka dalam penyiasatan berhubung urusan niaga dalam industri ini, tetapi tidak keterlaluan jika saya mengatakan bahawa kemampuan pasukan polis kita dalam bidang ini masih lagi terbatas.

Memang benar, banyak kes-kes yang telah berjaya dibawa ke muka pengadilan, tetapi bilangan kes yang berjaya diselesaikan tidak menggambarkan keadaan penyelewengan dan penipuan yang banyak berlaku dalam urusan niaga sekuriti.

Saya sendiri pernah mendengar rungutan daripada firma-firma broker saham yang mengadu bahawa mereka telah melaporkan begitu banyak aduan kepada polis, tetapi tidak banyak tindakan sewajarnya yang dapat diambil. Setengah mereka mengadu bahawa mereka bukan sahaja bukan sekadar melaporkan kejadian penipuan, malah memberi maklumat-

maklumat penting sebagai bahan bukti kepada polis, tetapi masih tidak dapat diselesaikan.

Saya juga difahamkan bahawa pihak polis juga ada menghantar para pegawainya untuk menjalankan latihan di firma-firma broker saham bagi memahami selok-belok urusan niaga, tetapi di dalam satu kes yang saya dimaklumkan, pihak polis masih tidak dapat menyelesaikan kes penipuan di sebuah firma broker di ibu kota ini walaupun firma tersebut sebelumnya menerima beberapa pegawai polis untuk menjalani latihan di firma itu sendiri.

Saya ingin mencadangkan di sini agar pihak polis hendaklah bekerjasama lebih erat dengan Suruhanjaya Sekuriti bagi meningkatkan kemampuan mereka membendung segala penyelewengan dan penipuan yang berlaku. Kita tidak harus hanya menyesali kenapa berlakunya keadaan-keadaan yang saya bangkitkan sebentar tadi kerana kita mempunyai masa dan banyak kesempatan untuk memperbetulkan keadaan.

Apa yang perlu ialah kesungguhan dan perasaan ingin melihat bahawa pasaran sekuriti negara terus diyakini pelabur demi kesejahteraan bersama. Apa juga yang silap mesti diperbetulkan. Jika kekurangan kakitangan menjadi masalah, langkah segera harus diambil untuk menambahnya. Harapan kita ialah agar suruhanjaya ini benar-benar dapat bertindak menjadi polis dalam menguasai industri sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin.

9.09 mlm.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis (Rompin): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti.

Saya turut memberikan penghargaan kepada Suruhanjaya Sekuriti kerana membentangkan satu pindaan akta untuk mengukuhkan dan mengemaskinikan lagi peraturan-peraturan dan peruntukan-peruntukan yang ada bagi mengurus dan kalau boleh, harapan kita ialah membangunkan lagi pasaran modal di negara kita ini.

Saya dalam hal ini, banyak rakan-rakan bercakap kalau kita lihat dari segi semasa, kita pada ketika itu bersama dengan Singapura, kalau kita bandingkan dengan sekarang amatlah berbeza. Tadi, Ahli Yang Berhormat dari Labuan ada mengatakan saiz kita ialah kira-kira RM550 bilion kalau dibandingkan dengan dahulu. Ini saya ucapkan syabas kepada pengurusan Lembaga Pengarah Suruhanjaya Sekuriti yang dapat membawa pasaran modal di negara kita kepada satu tahap yang amat kita banggakan.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa perkara. Sekarang ini ada pandangan ataupun kalau hendak dikatakan keluhan pun tidak juga Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada satu kebimbangan. Walaupun dari segi jumlahnya besar, saiznya RM550 bilion dan jumlah dalam papan yang pertama lebih RM340 bilion, papan kedua kira-kira RM169 bilion. Tetapi kebimbangan dari segi kualiti yang ada, saiznya kita bangga, jumlahnya kita bangga tetapi ada satu pandangan mengatakan bahawa banyak

penyenaraian yang baru-baru ini dari segi mutu, dari segi value-added perusahaan yang disenaraikan itu ada kebimbangan. Kadang-kala ada satu syarikat, kerjanya hanya potong besi, terus dijadikan steel fabricators. Bermakna ini akan menjejaskan nanti kepada pelabur-pelabur asing yang datang, Tuan Yang di-Pertua.

Melihat dari segi penjelasan tentang kaunter itu amat baik tetapi kalau dilihat dari segi penilaian atau value added dalam syarikat itu amat kurang. Dalam jangka panjang ini ada memberi impak. Pelabur-pelabur akan datang, sebab kita tahu dan mahu melihat bahawa pembangunan pasaran modal terus meningkat, kita memerlukan juga kemasukan pasaran pelabur-pelabur dana asing. Rakan saya Yang Berhormat dari Parit Sulong sudah menjadi pakar dari segi pasaran saham ini. Dia lebih pakar daripada saya sekarang ini. Sebab mungkin kerana dia pernah di Utusan Melayu. Kebimbangan kita, itu yang pertama.

Yang kedua ialah product range. Penglibatannya di dalam produk-produk yang dikendalikan oleh syarikat yang baru disenaraikan ini amatlah limited sekali dan juga "market based"-nya amat kecil sekali. Ini kita bimbang. Kadang-kadang ada syarikat yang hanya membuat kotak tetapi disenaraikan, membawa satu penarikan kepada pelabur besar dan kecil tetapi selepas dua-tiga tahun kaunternya sudah tidak bergerak. Ini saya nampak bahawa harapan kita supaya Suruhanjaya Sekuriti ini melihat juga potensi syarikat-syarikat yang hendak disenaraikan ini juga bukan hanya daripada keuntungan yang dilihat dari jangka pendek dua-tiga tahun tetapi juga jangka panjang. Jangan hanya sekarang kita bangga bahawa untuk

menjaga kepentingan pelabur terutama yang kecil, mereka ini terpaksa mengunjurkan keuntungannya, Tuan Yang di-Pertua, dua-tiga tahun. Tiga tahun saya rasa, dan mesti menepati, kalau tidak SC akan kenakan denda. Tetapi bagaimana selepas tiga tahun nanti? Apakah pengawasan Suruhanjaya Sekuriti supaya pelabur-pelabur yang masuk dalam pasaran benar-benar mahu menjadi pelabur yang mencari satu pulangan jangka panjang, mereka ini selepas dua-tiga tahun kaunter mereka tidak bergerak lagi.

Itulah harapan saya kerana kita sudah mendapat satu nama yang baik atas usaha pengurusan Suruhanjaya Sekuriti yang ada tetapi kita mahu nama yang harum ini dikekalkan terus di masa yang akan datang dan kalau boleh bila kita melangkah ke dekad akan datang, bahawa nama kita tadi lebih harum lagi. Sekarang ini di tempat ke-11 di dalam dunia. Kita mahu lebih tinggi. Dalam Asia Pasifik nombor 7 atau nombor 6, kita mahu lebih tinggi ke atas. Tetapi saya nampak bahawa kejayaan ini mesti berasaskan usaha kita mengukuhkan, menguatkan industri sekuriti kita, industri saham kita untuk juga pada jangka masa panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua yang saya ingin sentuh sedikit, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa sebagai sebuah negara Malaysia, baru-baru ini kita bangga dalam kita menyambut Hari Kemerdekaan, semua masyarakat waktu malam pukul 12.00 - 100,000 orang pergi ke Dataran Merdeka. Ini satu kebangkitan kita sebagai anak Malaysia. Tetapi dalam industri saham ini, industri pasaran modal ini juga kita mahu penglibatan semua kaum, bukan

kelompok-kelompok tertentu. Bagaimana sekarang ini, dengan peningkatan yang mendadak RM550 bilion ini, saya tidak mahu angka yang tertentu, adakah kita bangga dengan penyertaan bumiputera setakat ini? Bagaimana pula dari segi pegangannya (holding power) Tuan Yang di-Pertua? Kadang-kadang saham dia dapat, diberi melalui institusi tetapi bagaimana pegangannya? Do we have, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, a more qualitative, pelabur bumiputera yang lebih berkualiti sekarang ini yang masuk dalam pasaran benar-benar sebagai pelabur? Kalau dia jual pun satu kaunter, dia beli kaunter lain. Bukan dia jual sahamnya, dia beli keretakah. Dia jual sahamnya, dia kahwin satu lagikah – kita tidak mahu. Yang Berhormat dari Parit Sulong tidak tahulah tentang dia.

Sebab itu saya hendak kalau boleh sedikit jaminan sama ada kita berpuas hati, Suruhanjaya Sekuriti puas hati bahawa sudah ada satu peningkatan dari segi pegangan bumiputera ini dalam pasaran saham kita. Saya turut mahu, Tuan Yang di-Pertua, memberi sokongan kepada rakan-rakan tadi yang mahu supaya exposure ataupun peluang pelabur-pelabur untuk menyertai pasaran saham ini juga daripada luar bandar.

Tadi saya bawa satu contoh tentang Hock Hua Bank. Bank-bank banyak di luar bandar. Bank Simpanan Nasional banyak di luar-luar bandar. Mengapa tidak sebagai cadangan tadi, dibenarkan juga brokerage tadi juga melantik cawangan-cawangan yang mereka ini mungkin bank, mungkin BSN untuk access kepada pasaran modal kita buka semua kepada luar bandar tidak kira bangsa apa. Di estekah, di luar bandarkah. MCA

sudah balik? Di kampung baru, supaya semua rakyat Malaysia ini benar-benar dapat menyertai dalam pasaran modal kita ini, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua terakhir, Tuan Yang di-Pertua, kita bangga satu recognition yang baru saya nampak Suruhanjaya Sekuriti dengan kematangan pasaran modal ini, saiznya sampai RM550 bilion. Ia hendak lebih mempercayai kepada market. Serah kepada market dengan perkataan penzahiran. Apa yang saya cuba hendak baca, Tuan Yang di-Pertua ialah supaya, less regulation – percaya lebih kepada pasaran. Kita bergantung lebih kepada disclosure. Sebab itu dalam Fasal 13, ditingkatkan denda for non-disclosure denda sampai RM1 juta.

Saya hendak bertanya, saya bimbang sedikit. Benar kita matang, benar pasaran kita sudah tinggi tetapi sekarang ini, are we ready to completely trust the market, dengan izin? Bolehkah kita percaya bulat-bulat kepada pasaran ini? Sebab kita masih merasa bahawa kepakarannya kepada Suruhanjaya Sekuriti. Saya tidak berapa bersetuju sebenarnya kalau bulat-bulat kita serahkan kepada pasaran. Sebab masih banyak lagi “nila setitik”. “Nila” ini masih banyak lagi, bukan setitik dalam pasaran. Jadi, saya minta sedikit jaminan diberi. Walaupun kita dalam pembangunan pasaran modal ini memang baik, kita cuba kurangkan regulation, “liberalise”kan pasaran, beri lebih kepercayaan kepada pasaran. Tetapi tolong buat ini perlahan-lahan. Jangan terus terjun kita beri kepercayaan. Sebab saya dengar cerita sekarang ini dari segi instrumen-instrumen lain dalam pasaran seperti dalam membuat rights issue, dalam banyak instrumen-instrumen lain di mana lebih kurang mengawasi ataupun

lebih menerima cadangan daripada merchant bankers. Itu baik tetapi saya minta supaya dari segi pengawasan itu mesti dikekalkan, ditetapkan.

Yang keduanya dalam isu ini, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 13 ini nampaknya kita lebih kepercayaan melalui pertukaran merit base kepada penzahiran. Tetapi kita tidak menggunakan undang-undang kriminal. Kita masih hanya menggunakan undang-undang sivil sahaja. Mengapa tidak digunakan kalau benar-benar kita hendak beri kepercayaan kepada pasaran? Siapa yang membuat salah, yang tidak disclose maklumat yang benar, kita anggap sebagai criminal. Bila criminal, kalau dia bersalah, kalau dia silap – tidak adalah time barge. Tetapi orang awam (civilian), kalau buat silap, tidak ambil tindakan dalam satu masa, ia boleh lari.

Sebab itu saya nampak bahawa saya bimbang sedikit tentang denda yang ada, penalti yang dikenakan walaupun berat tetapi benar-benarkah ia boleh menguasai, mengawasi pasaran ini? Sebab kita tidak mahu pelabur-pelabur kecil akan teraniaya kalau kita tidak benar-benar mengawasi. Jadi, saranan saya, kita bersetuju sampai masanya lebih kita deregulate sedikit, kita berilah sedikit kepercayaan yang lebih kepada pasaran, tolong buat secara perlahan-lahan. Janganlah mendadak, sebab masih banyak lagi pelabur-pelabur kecil yang perlu dibela, Tuan Yang di-Pertua. Sebab kalau dibiarkan hanya kepada market forces, bimbang yang kecil-kecil tadi, kurang exposure, kurang maklumat yang didapati, akan teraniaya nanti.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Suruhanjaya bahawa kita dengar dia

juga akan membawa kaedah pasaran modal dari segi Islam.

Saya amat bangga benarlah bahawa Suruhanjaya amat peka dan sensitif tentang perkara ini, bukan sahaja bank kita perbankan secara Islam, pasaran modal juga kita ada cara pendekatan. Ini adalah satu pendekatan yang amat baik 'call warrant' pun sudah ada cara Islam, saya difahamkan. Ini adalah satu usaha yang amat baik.

Kita mengucapkan syabas Tuan Yang di-Pertua, dan saya mohon menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Alor Gajah, sila. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

9.22 mlm.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof (Alor Gajah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan di Dewan yang mulia ini Rang Undang-undang bagi meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Saya ingin juga mengucapkan syabas kepada Suruhanjaya Sekuriti kerana objektif-objektif penubuhan Suruhanjaya Sekuriti telah dapat dilaksana dengan berkesan sungguhpun kewujudannya baru dalam 2 1/2 tahun sahaja. Di samping itu Suruhanjaya telah juga dapat memperkenalkan beberapa inisiatif dan langkah yang inovatif di dalam pasaran modal yang mana, di antaranya ialah seperti menyebarkan permohonan saham dengan lebih meluas kepada orang ramai, dengan menerbitkan dalam akhbar-akhbar kebangsaan sebagai tambahan kepada cara-cara yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa kelulusan pindaan Rang Undang-undang ini boleh mewujudkan asas bagi satu sistem pasaran modal yang fleksibel tetapi melindungi, untuk mempertingkatkan sumbangannya ke arah pencapaian objektif ekonomi negara kita.

Di sini saya ingin menyentuh beberapa fasal dalam Rang Undang-undang ini khususnya kepada fasal-fasal seperti berikut.

Pertamanya, saya ingin menyentuh Fasal 5 iaitu fasal ini bertujuan meminda ke seksyen 15 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Dengan pindaan peruntukan seksyen 15 ini, fungsi-fungsi Suruhanjaya Sekuriti akan diperluaskan. Mengikut seksyen 15(1)(m) nyatalah bahawa Suruhanjaya Sekuriti akan diberi kuasa untuk melesen dan mengawasi semua orang berlesen.

Bagi seksyen 15(1)(m) pula akan memberi kuasa kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk memaju dan mengekalkan integriti semua orang berlesen dalam perindustrian sekuriti dan niaga hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pasaran saham naik tempoh hari, kita dapati ramai orang berminat untuk menjadi broker saham kerana hendak cepat kaya. Sekiranya tiada pengawalan yang ketat berkaitan dengan perlesenan peniaga-peniaga dan broker saham. Ini boleh menjejaskan pasaran modal kita kerana pelabur-pelabur tidak mendapat nasihat secara profesional. Dengan pemindahan kuasa pelesenan ini kepada Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Sekuriti sebagai badan pengawalan tunggal akan dapat mempercepatkan proses mengambil keputusan berkaitan dengan pengeluaran lesen-lesen kepada bursa

dan peniaga-peniaga serta broker dan boleh menentukan syarat bagi pemegang lesen untuk dipatuhi.

Suruhanjaya Sekuriti boleh juga mengawal selia dan memberi kemudahan latihan atau pendidikan kepada peniaga-peniaga dan broker saham ini agar mereka dapat melaksanakan urusannya secara cekap dan profesional. Dengan ini bukan sahaja boleh membangunkan pasaran saham secara teratur, saksama dan cekap, bahkan juga menaikkan imej peniaga-peniaga dan broker saham. Walau bagaimanapun, di samping mewujudkan peniaga-peniaga broker saham yang berkaliber, saya menyeru agar Suruhanjaya Sekuriti tidak mengabaikan dasar kerajaan untuk membantu masyarakat bumiputera yang kukuh dan berdaya maju dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga menyentuh Fasal 6, Rang Undang-undang. Mengikut Fasal ini seksyen 16 yang mana sekaligus meluaskan bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti, di mana bukan sahaja tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti, tetapi juga kepada Undang-undang Sekuriti yang lain, iaitu Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perindustrian Depository Pusat 1991 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan.

Peruntukan seksyen 16 yang akan dipinda ini adalah berbunyi seperti berikut:

“16 Suruhanjaya hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu bagi atau berkaitan dengan, atau semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah undang-undang sekuriti.”

Dengan pindaan peruntukan ini, nyatalah bahawa Suruhanjaya akan bukan sahaja mempunyai kuasa di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti bahkan juga mempunyai kuasa di bawah undang-undang sekuriti yang lain seperti tersebut di atas. Sebagai contoh, di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1993, Pendaftar syarikat diberi kuasa pelaksanaan dan penyiasatan seperti ternyata dalam Bahagian X Akta tersebut.

Dengan adanya, pindaan peruntukan seksyen 16 ini, Suruhanjaya Sekuriti juga mempunyai kuasa seperti tersebut di Bahagian 10 Akta berkenaan. Walau bagaimanapun, pindaan seksyen 16 ini tidak memansuhkan kuasa-kuasa Pendaftar di bawah Bahagian X.

Apa yang dikhuatirkan ialah dengan adanya dua badan yang mempunyai kuasa penyiasatan dan pelaksanaan yang sama, mungkin berlaku tindakan yang bertindih, di mana kedua-dua badan ini iaitu Pendaftar syarikat dan Suruhanjaya Sekuriti menjalankan tindakan yang sama dalam melaksanakan kuasa di bawah Bahagian X Akta tersebut. Oleh itu, adalah disyorkan agar Kementerian Kewangan dapat menentukan sama ada secara pentadbiran atau sebagainya supaya Suruhanjaya Sekuriti lebih dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tindakan di bawah Undang-undang Sekuriti. Oleh kerana Suruhanjaya Sekuriti adalah badan tunggal yang ditubuhkan untuk mengawalselia segala perkara berhubung dengan perindustrian sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal yang terakhir, yang ingin saya sentuh ialah Fasal 18 Rang Undang-undang. Fasal ini bertujuan memasukkan satu

peruntukan baru sebagai seksyen 44A Akta Suruhanjaya Sekuriti berkaitan dengan Indemnity. Mengikut peruntukan yang dicadangkan ini "Suruhanjaya atau mana-mana anggotanya tidak boleh ditanggungkan bagi sesuatu tindakan untuk ganti-rugi di atas tindakan anggota-anggota tersebut melaksanakan mana-mana fungsi atau menjalankan mana-mana kuasa di bawah sesuatu undang-undang sekuriti. Sekiranya pelaksanaan fungsi atau perjalanan kuasa itu dilakukan dengan niat suci hati atau dengan izin, *bona fide*."

Dari pindaan peruntukan ini bermakna sekiranya seseorang yang teraniaya dan hendak mengambil tindakan bagi menuntut ganti-rugi ke atas Suruhanjaya atau mana-mana anggota orang tersebut hendaklah membuktikan bahawa Suruhanjaya atau mana-mana anggota berkenaan mempunyai niat jahat atau dengan izin, *mala fide* dalam melaksanakan fungsi-fungsi atau perjalanan kuasanya. Dalam tindakan mahkamah biasanya pembuktian *mala fide* ini bukanlah perkara mudah, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, demi keadilan adalah diharapkan agar Suruhanjaya ataupun mana-mana anggota tidak menggunakan peruntukan ini sewenang-wenangnya sebagai satu lesen untuk menjustifikasikan tindakan yang tidak wajar dilakukan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan pindaan rang undang-undang ini, saya yakin pasaran sekuriti dan kontrak niaga hadapan dapat dikawal dan dibangunkan dengan cekap lagi. Di samping itu, kepentingan pelaburan awam dan pemegang sekuriti minority dapat dilindungi. Dengan ini, saya memohon menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri menjawab.

9.32 mlm.

Dato Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada enam orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap mengenai dengan pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Boleh dikatakan kesemua enam orang Yang Berhormat telah menyentuh mengenai dengan pindaan-pindaan, khususnya yang dibuat dalam bidang koperasi, iaitu pindaan yang terdapat di dalam seksyen 13, 15, 16, 22, 22A, 24, 41, 42A dan 44A seperti mana yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti ini, yang dipentingkan oleh pihak Suruhanjaya dan pihak kementerian ialah untuk memperketatkan segala peraturan dan undang-undang yang sedia ada di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti ini agar ianya dapat mengatasi masalah-masalah kini, khususnya di dalam hasil ataupun consequential, dengan izin, kepada pindaan-pindaan dan yang dibuat di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan yang telah kita luluskan tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap – sekarang ada dua orang sahaja yang tunggu. Jadi, eloklah adil saya menjawab kepada kedua-dua orang yang ada dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju telah memberi banyak pandangan yang bernas selaras dengan ilmu dan pengetahuan beliau sebagai bekas profesor ekonomi dan Pengarah MIER. Kita mengambil pandangan-pandangan beliau dengan baik. Di sini saya ingin menjawab ataupun memberi

reaksi kepada sebahagian daripada saranan-saranan yang telah beliau berikan tadi. Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju telah membangkit masalah pentingnya mengurangkan spekulasi dalam pasaran. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kini lebih kurang 70% transaksi di pasaran saham adalah oleh pelabur awam. Suruhanjaya menggalakkan pertumbuhan pelaburan oleh institusi-institusi dengan harapan supaya pelabur awam akan melabur melalui amanah saham dan lain-lain skim pelaburan kolektif ataupun collective investment scheme, dengan izin. Ini bukan sahaja memberi pelabur awam kepelbagaian ataupun diversity di dalam pelaburan kepada kos yang lebih rendah, tetapi juga diharap agar dapat mengurangkan pelaburan spekulatif. Jadi, kalau Yang Berhormat lihat akhir-akhir ini pihak kerajaan menggalakkan penubuhan trust, amanah saham yang diambil bahagian oleh pelabur-pelabur awam, khususnya pelabur-pelabur kecil.

Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju juga membangkitkan soal agar proses kelulusan Suruhanjaya untuk cadangan pasaran modal ataupun capital market proposal, dengan izin, dipercepatkan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, Suruhanjaya akan mengemblengkan tenaga untuk mematuhi jangka masa yang diisytiharkan oleh Menteri Kewangan. Kini Suruhanjaya Sekuriti mengawasi proses kelulusan cadangan-cadangan. Suruhanjaya yakin akan dapat memproses cadangan-cadangan pajaran modal sebagaimana yang diisytiharkan oleh Menteri Kewangan, iaitu selagi satu cadangan tersebut mengandungi segala maklumat lengkap, kedua, kementerian-kementerian dan pihak-pihak berkuasa lain seperti MITI, Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC)

dan Bank Negara Malaysia yang juga terlibat memainkan peranan mereka masing-masing.

Mengenai koodinasi yang perlu di antara agensi kawal selia untuk meningkatkan kredibiliti seperti mana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju, ingin saya nyatakan di sini bahawa kerjasama yang rapat sentiasa diwujudkan di antara agensi berkenaan. Sebenarnya seksyen 43A yang dicadangkan membolehkan Suruhanjaya memberi bantuan dan maklumat kepada badan-badan lain dan juga menyerahkan dokumen-dokumen yang telah dirampas kepada agensi berkenaan jika disyaki kesalahan di bawah akta lain itu dilakukan.

Yang Berhormat juga membangkitkan soal harga haruslah sedekat mungkin dengan keadaan pasaran, iaitu rationalization of prize. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, premium ke atas terbitan sekuriti baru yang diluluskan oleh Suruhanjaya telah menurun tiga tahun dahulu. Purata premium telah melebihi 100%. Dalam masa dua tahun yang lalu premium itu telah pun turun dan menurun lagi. Pindaan dalam seksyen 32A akan memberi kelenturan kepada Suruhanjaya untuk membolehkan harga terbitan sekuriti baru bergerak ke arah harga yang ditentukan oleh pasaran dengan tidak mengurangkan perlindungan yang diberi kepada pelabur awam dan pemegang-pemegang syer minority.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah telah membangkitkan tiga persoalan, kesemuanya di dalam soal operasi Suruhanjaya. Beliau telah menyebutkan mengenai dengan seksyen 15 yang menggariskan pindaan, iaitu ekor dari pindaan-pindaan

yang dibuat ke atas FIA yang telah kita luluskan tadi. Seksyen 15 menggariskan dengan terang fungsi-fungsi yang pelbagai yang dilakukan oleh Suruhanjaya. Contohnya, pemindahan kuasa melesen dari pegawai pelesen kepada Suruhanjaya mengenai hal-hal pasaran hadapan yang memerlukan tugas-tugas berbagai-bagai Suruhanjaya. Kepelbagaian ini adalah disebabkan oleh keperluan Suruhanjaya memastikan segala peraturan diikuti di bawah akta-akta berikut. Satu, Akta Suruhanjaya Sekuriti. Kedua, Akta FIA, iaitu yang telah kita baca tadi. Ketiga, Security Industry Act (SIA) dan keempat, SIDA, iaitu akta mengenai dengan central depository. Kesemua fungsi ini tidak terdapat di dalam seksyen 15 di bawah Akta ibu. Jadi, di bawah pindaan-pindaan yang telah dibentangkan oleh saya tadi, fungsi-fungsi ini diwujudkan khususnya di bawah paragraph (1), Suruhanjaya akan menggalak dan mempromosikan usaha kawal sendiri ataupun, dengan izin, self-regulation untuk membangunkan pasaran. Di dalam usaha ini, badan-badan seperti persatuan-persatuan broker dan lain-lain persatuan akan digalakkan. Jadi, selain daripada kawalan-kawalan yang dibolehkan ataupun yang ditentukan di bawah akta, di bawah undang-undang, kita juga menggalakkan usaha pengawalan sendiri.

Begitu juga mengenai Fasal 18, seksyen 44A, saya telah menjawab di dalam menggulung pindaan Akta FIA tadi, iaitu perlu diadakan indemnity, dan indemnity ini akan menjaga ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pegawai-pegawai yang dengan tidak sengaja melakukan kesilapan asalkan mereka mempunyai niat yang suci.

Tuan yang di-Pertua, Ahli dari Labuan telah membangkitkan

beberapa isu iaitu, yang pertama, beliau bertanya apakah FIA atau Exchange Control Act 1953 tidak mengambil kira spot currency contract manakala ianya terpakai ke atas kontrak niaga hadapan. Untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ingin saya nyatakan pindaan yang dicadangkan kepada FIA yang lalu, mampu merangkumi beberapa jenis spot contracts. Tambah pula ianya memberi kuasa Menteri untuk menetapkan di bawah seksyen 2B di bawah Futures Industries Act (FIA) yang kita baca tadi ini, mana-mana perjanjian atau kelas perjanjian sebagai kontrak niaga hadapan, ini mampu diguna pakai kepada kontrak mata wang jenis spot seperti yang Ahli Yang Berhormat katakan tadi, tidak ada, sebenarnya apa yang dipindahkan tadi, boleh dipakai kepada kontrak jenis spot.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan masalah mengenai central depository system. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, central depository system, dengan izin, tidak akan menamatkan riwayat KLOFFE di Singapura.....

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi kepada CDS, saya ingin bertanya tentang tindakan yang diambil setakat ini kepada syarikat-syarikat Forex ini yang menjalankan urus niaga spot currency ini kerana kita mengkhawatiri dan sudah ada beberapa laporan seperti juga yang telah dinyatakan oleh Ahli dari Kota Melaka sebentar tadi dan tidak ada langkah yang diambil selama ini ke atas laporan-laporan itu, mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah berkenaan dengan aktiviti spot trading ke atas currency yang dilakukan oleh anak-

anak syarikat kepada bank-bank tetapi bukan syarikat yang ditubuhkan, kadang-kadang ada yang ditubuhkan di atas RM2 company dan kemudian melakukan perniagaan Forex ini. Jadi, ini amat menakutkan sekali dan ini akan sekali gus mendatangkan gambaran yang negatif dalam industri yang baru ini apabila ianya dilancarkan nanti kerana saya difahamkan banyak aktiviti-aktiviti bucketing ini dilakukan oleh syarikat-syarikat dan kemudian pada keesokan harinya menghilangkan diri (disappeared).

Jadi, saya ingin mendapat kepastian supaya Kementerian Kewangan dapat mengambil langkah-langkah yang positif untuk membendungnya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Labuan membaca akhbar beberapa ketika yang lalu, serbuan-serbuan telah dibuat ke atas syarikat-syarikat yang sebegini yang menjadi agen kepada syarikat-syarikat dari Hong Kong dan penangkapan telah pun dibuat dan rampasan-rampasan ke atas instrument, CD mereka telah pun dibuat dan ini menunjukkan bahawa tindakan yang tegas telah pun diambil.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Labuan, saya pun lebih kurang lima tahun yang lalu pun terkena dengan syarikat ini RM30,000 rugi. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan CDS, ingin saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Labuan, CDS tidak akan menamatkan riwayat KLOFFE di Singapura kerana KLOFFE boleh terus menawarkan kemudahan urusniaganya untuk sekuriti dari negara lain dan CDS adalah bertujuan mencapai tahap ketelusan dan keberkesanan iaitu

'transparency' dan 'efficiency', dengan izin, yang maksima di dalam pasaran sekuriti. Misalnya, proses pendaftaran sekuriti sekarang boleh memakan masa dua hingga tiga bulan sahaja. Ini menggugat invested confidence.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Labuan juga membangkitkan mengenai dengan kerjasama antara institusi berkenaan dagangan saham tanpa skrip iaitu CDS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbincangan yang intensif telah diadakan di antara Malaysian Central Depository, persatuan-persatuan bank, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti untuk menangani masalah-masalah berkaitan dagangan tanpa skrip, misalnya bank boleh menerima sekuriti tanpa skrip sebagai cagaran di bawah Akta Perindustrian Sekuriti ataupun Depositori Pusat. Dengan wujudnya CDS, kos dagangan adalah lebih rendah, iaitu duti setem tidak dikenakan, pasaran akan menjadi lebih kompetitif.

Akhirnya, Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu iaitu kenapa indeks komposit BSKL turun lebih teruk daripada indeks bursa-bursa saham negara lain pada bulan Oktober tahun lepas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1994 kita menyaksikan pembetulan pasaran ataupun 'corrective action' pada hampir kesemua pasaran membangun di semua negara-negara sedang membangun terutama yang meningkat pada tahun 1993. Malaysia tidak terkecuali dari fenomena ini, Bursa Saham Kuala Lumpur membetul pada kadar 24% dalam nilai matawang tempatan sepanjang tahun. Beberapa variasi bermusim ataupun seasonal variation, dengan izin, berlaku pada bulan-bulan seterusnya iaitu bulan-bulan ke hadapan tetapi secara keseluruhannya

prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur adalah lebih baik daripada Bursa Saham Hong Kong.

Harus dijelaskan di sini bahawa kejatuhan iaitu pada bulan Oktober seperti mana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan, tidak melibatkan sebab-sebab sistemik ataupun fakta-fakta sistemik atas teknikal kerana pasaran keseluruhannya meningkat pada pertengahan tahun. Pasaran keduanya meningkat balik pada pertengahan tahun ini.

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Rompin telah membangkitkan isu kualiti terbitan sekuriti yang baru. Ingin saya nyatakan di sini bahawa suruhanjaya ada menggunakan kriteria-kriteria yang kualitatif dan juga kuantitatif dalam mengambil kira daya maju syarikat-syarikat yang ingin disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Kepelbagaian, ataupun dengan izin, diversity quality, kualiti pendapatan dan juga potensi untuk tumbuh syarikat itu semuanya diambil kira. Untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat yang telah disenaraikan terus mendapat pendapatan yang berterusan pada kadar yang sewajarnya, suatu unit khusus telah ditubuhkan oleh Suruhanjaya untuk mengawalselia pematuhan berterusan syarikat tersebut dan ramalan pendapatan yang diberi oleh syarikat selepas ianya disenaraikan itu merupakan ramalan yang boleh dipakai dan boleh dipercayai.

Ahli dari Rompin membangkitkan soal memberi maklumat palsu merupakan kesalahan sivil sahaja dan bukan kesalahan jenayah. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dibuat ini adalah tidak benar. Perbuatan memberi

maklumat palsu atau mengelirukan merupakan kesalahan jenayah seperti mana yang digariskan di bawah seksyen 32B (4).

Ahli dari Rompin juga bertanya adakah penzahiran ataupun disclosure akan mengakibatkan pengurangan perlindungan kepada para pelabur. Ingin saya nyatakan di sini, Suruhanjaya Sekuriti dan kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan sedang mengimplementasikan suatu proses meliberalisasikan pasaran modal secara berperingkat-peringkat hanya sekiranya pasaran yang sesuai wujud.

Penzahiran ataupun disclosure tidak bermakna bahawa Suruhanjaya Sekuriti mengabaikan tanggungjawabnya terhadap pasaran terutama pelabur kecil, malah cadangan pindaan ini bermakna penzahiran dan akauntabiliti yang ditingkatkan oleh semua yang terlibat dalam initial public offer dan pada masa yang sama Suruhanjaya Sekuriti akan mempertahankan atau mengekalkan malah akan menguatkuasakan dengan rapi peruntukan Akta Suruhanjaya Sekuriti untuk melindungi kepentingan pelabur dan menjaga integriti pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kota Melaka telah membangkitkan banyak isu. Beliau bertanya sama ada pelabur boleh mendapatkan pampasan bila berlaku pelanggaran undang-undang. Untuk menjawab pertanyaan beliau, ingin saya nyatakan di sini, penalti sivil terdapat dalam Akta Sekuriti, misalnya di dalam Seksyen 125, Akta Perindustrian Sekuriti yang membolehkan orang yang mengalami kerugian dari orang yang telah disabitkan bagi kesalahan seperti insider trading dan memanipulasi pasaran. Seksyen 98 di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan mempunyai peruntukan-peruntukan yang sama. Beliau juga bertanya

adakah tabung kesetiaan boleh dilaburkan ke dalam pelaburan yang menjaminkan pulangan. Di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan yang dicadangkan dan dipindahkan sebentar tadi, tabung kesetiaan boleh dilaburkan dalam sekuriti-sekuriti amanah, seperti bon-bon kerajaan dan apa-apa pelaburan lain yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Beliau juga mendakwa bahawa penalti am sama berat dengan penalti bagi kesalahan khusus. Ingin saya nyatakan bahawa dakwaan ini adalah tidak benar. Penalti am iaitu penalti maksimum ialah RM1 juta ataupun penjara 10 tahun jikalau disabit kesalahan. Bagi kesalahan khusus seperti di Seksyen 32(b) dan 33(e) penalti ialah RM3 juta atau 10 tahun penjara apabila disabit kesalahan. Bagi kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta lain seperti Akta Perindustrian Sekuriti, penalti diperuntukkan di dalam Akta berkenaan dan tidak kepada penalti dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti.

Ahli dari Kota Melaka juga bertanya mengenai apakah tabung kesetiaan boleh diperbesarkan. Ingin saya nyatakan di sini bahawa Tabung Kesetiaan (Fidelity Fund) pasaran sekuriti adalah mempunyai jumlah RM5.1 juta sahaja. Seksyen 69 dan 81 membolehkan tabung kesetiaan diperbesarkan dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Pihak kerajaan telah pun bercadang menstrukturkan semula tabung kesetiaan yang sedia ada supaya access pelabur-pelabur kepada tabung menjadi lebih mudah. Keadaan-keadaan di mana tuntutan terhadap tabung kesetiaan akan dibenarkan dan akan diluaskan supaya tidak terbatas kepada defalcation sahaja. Ahli dari Kota Melaka juga bertanya mengenai penyiasatan Suruhanjaya ke atas

insider trading. Suruhanjaya Sekuriti menjalankan penyiasatan bila aktiviti ini disyaki berlaku. Penyiasatan bagi insider trading biasanya kompleks dan memakan masa yang lama. Badan-badan pengawal selia asing juga menghadapi kesulitan mensabitkan seseorang bagi insider trading. Insider Trading dikawal oleh Akta Perindustrian Sekuriti bukan Akta Suruhanjaya Sekuriti. Beliau juga bertanya mengenai kod etika firma bursa saham. Bursa Saham Kuala Lumpur telah menerbitkan dan menerima kod perlakuan sebagaimana yang disarankan oleh Suruhanjaya. Perlakuan menurut etika ditekan setiap masa dalam program pendidikan dan ketika Bursa Saham dan Suruhanjaya Sekuriti melakukan audit pematuhan ataupun dengan izin, compliance audit terhadap broker-broker saham. Seterusnya Ahli dari Kota Melaka bertanya mengenai peraturan etika bagi syarikat bersenarai di BSKL. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, BSKL mempunyai dasar penzahiran korporat atau dengan izin, corporat discloser policy bagi syarikat awam yang tersenarai. Dasar ini telah dirumuskan oleh BSKL setelah berunding dengan Suruhanjaya Sekuriti untuk menentukan wujudnya pasaran yang termaklum ataupun dengan izin, inform market. Suruhanjaya sendiri merumuskan code of due diligence for best practices, dengan izin, iaitu kod bagi tugas-tugas berhati-hati dan amalan terbaik yang berterusan.

Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta supaya ditambah bilangan syarikat broker saham ataupun syarikat broker saham dibenar tubuh cawangan untuk elakkan broker saham haram. Kementerian Kewangan menyedari kekurangan bilangan syarikat-syarikat broker saham di tempat-tempat

tertentu di negara ini. Dengan itu usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan dan memperluaskan bagi perkhidmatan broker saham ke kawasan-kawasan yang belum lagi mempunyai syarikat broker saham. Akhirnya Yang Berhormat dari Kota Melaka bertanya apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk melindungi pelabur sekiranya penasihat profesional ataupun, dengan izin, underwriter tidak mematuhi tatalaku etika.

Jawapan saya ialah ini juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Sebagai sebahagian daripada usaha pembangunan pasaran modal, salah satu usaha yang dibuat ialah dengan menggalakkan pengawalseliaan sendiri, dengan izin, self regulation, seperti mana yang saya sebut tadi dan untuk meletakkan tanggungjawab sekretari yang ketat ke atas mereka yang ingkar. Seksyen 32B mengadakan kesalahan untuk pemberian maklumat yang mengelirukan atau memberi maklumat yang tidak lengkap kepada Suruhanjaya termasuk maklumat yang terkandung dalam perspektif.

Kesalahan juga dilanjutkan kepada orang yang terlibat dalam kelakuan yang mengelirukan atau memperdayakan. Pada masa yang sama, Suruhanjaya juga merumuskan kod perlakuan dan kewajipan berhati-hati dengan izin, code of best practices and due diligence, oleh para profesional yang terlibat dalam terbitan saham. Terdapat juga beberapa tindakan administrative yang juga boleh diambil termasuklah celaan, atau dengan izin, remand baik dari persendirian mahupun secara public ataupun celaan awam dan penarikan access kemudahan-kemudahan bursa saham terhadap orang yang melakukan kesalahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Libaran – beliau membangkitkan beberapa cadangan untuk memperbaiki pasaran saham ataupun pasaran modal negara dan ditekankan mengenai dengan pendidikan bagi pelabur bumiputera. Untuk maklumat Ahli dari Libaran, Suruhanjaya telah memulakan rancangan latihan bersama dengan PNB untuk mendidik pelabur khususnya pelabur bumiputera mengenai hal-hal pelaburan dalam pasaran modal berasaskan kepada kebolehan Suruhanjaya melakukan penyelidikan dan latihan yang telah kita selesaikan di dalam pindaan Akta tadi, saya pasti pihak Suruhanjaya akan dapat mengembangkan usaha-usaha pendidikan bukan sahaja untuk pemain-pemain pasaran dari bandar malah ke kawasan luar bandar, khususnya pelabur-pelabur kecilan seperti di Sabah dan Sarawak dan juga di kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah jawapan-jawapan yang.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniahlah kepada Timbalan Menteri yang kakak ini tentang jawapannya yang begitu tepat. Cuma satu, Tuan Yang di-Pertua, tadi bila kita bercakap tentang pelabur bumiputera, saya difahamkan banyak syarikat apabila mereka memohon untuk didaftarkan atau disenaraikan di BSKL sama ada Papan Pertama atau Papan Kedua, peruntukan untuk bumiputera memang wujud dan ada.

Tetapi didapati setelah disenaraikan, kebanyakan ekuiti yang dipegang oleh bumiputera ini telah dijual dan saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, adakah Suruhanjaya ini diberi kuasa untuk memonitor kedudukan saham itu di dalam syarikat-syarikat tersebut supaya hak bumiputera, pegangan bumiputera dalam syarikat-syarikat tersebut tidak hilang kerana saya difahamkan Suruhanjaya Sekuriti tidak ada hak. Untuk mendaftar ya, tetapi setelah didaftar dan disenaraikan, mereka tidak ada hak, tidak boleh kontrol kedudukan ekuiti ini dan adakah kementerian bercadang untuk memberi kuasa kepada mereka supaya laporan tahunan daripada syarikat-syarikat ini mesti dilaporkan kepada Suruhanjaya Sekuriti ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan-pindaan ini, menteri diberi kuasa untuk mengarah dan membuat peraturan untuk Suruhanjaya Sekuriti melihat tentang perkara ini.

Saya sedar bahawa ada peristiwa berlaku seperti mana disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan iaitu pemberian ataupun ekuiti yang diberikan kepada bumiputera dijual selepas tempoh 'moratorium'. Jadi, inilah yang dibangkitkan oleh ramai Ahli tadi khususnya dari Rompin mengenai dengan kualiti pelaburan bumiputera itu.

Oleh itu, usaha-usaha untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada pelabur-pelabur bumiputera perlu diadakan oleh semua pihak. Sebab itulah, Yang Berhormat, di dalam pemberian saham Petronas Gas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lagi menggalakkan diberi kepada syarikat-syarikat sendirian berhad kerana apa yang berlaku kepada saham HICOM dahulu, ini

untuk menghebahkan kepada bumiputera, tidak berapa lama semua, boleh dikatakan semua dijual untuk mengambil untung jangka pendek.

Jadi, sebab itulah kita perlu menyemak dasar dan strategi kita untuk memastikan kualiti pemegangan saham oleh bumiputera adalah tinggi. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja pembentangan saya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat Yan hendak tanyakah?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saham-saham diperuntukkan kepada bumiputera itu dicopkan ataupun diisytiharkan di situ sebagai hak bumiputera. Jadi, kalau dia hendak jual pun 'circulation'nya 'among bumiputera's players' kerana hari ini pun banyak orang Melayu kita yang main saham ini, sampai daripada Libaran, Sabah, Sarawak pun hendak main. (*Ketawa*)

Jadi, saham rizab Melayu sama macam tanah simpanan Melayu. Ini cadangan saya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Libaran bukanlah kawasan pedalaman kerana ia dekat dengan Kota Kinabalu. Malah, Yan adalah lebih jauh dari Alor Setar daripada Libaran dengan Kota Kinabalu.

Jadi, cadangan Yang Berhormat dari Yan tadi adalah cukup baik dan kita akan menimbangkan perkara ini supaya kualiti bumiputera, pegangan bumiputera di pasaran saham terus dipertahan ataupun dinaikkan tahapnya.

Dengan itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih lagi sekali kepada sahabat-sahabat yang telah mengambil bahagian dan menunjukkan stamina yang kuat walaupun sudah lebih pukul 10.00 malam. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

UCAPAN PENANGGUHAN

Majlis Perbandaran Pulau Pinang- Ketidakadilan Pengagihan Pembangunan

10.07 mlm.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya pun kurang sihat dan hari pun sudah malam tetapi ini satu masalah penduduk-penduduk di kawasan yang saya wakili memandang berat.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976, kerajaan-kerajaan negeri boleh menubuhkan majlis-majlis bandarannya ataupun kerajaan tempatan di negeri-negeri. Di Pulau Pinang yang mempunyai penduduk lebih kurang 520,000 orang, kawasan pentadbiran dibahagikan kepada dua iaitu kawasan Timur Laut dan kawasan Barat Daya.

Mengikut takrif Majlis Perbandaran Pulau Pinang, kawasan Timur Laut dikira sebagai kawasan bandar dan yang Barat Daya itu dikira sebagai luar bandar. Kawasan Parlimen Balik Pulau adalah kawasan yang lebih kurang adalah kawasan Barat Daya.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penduduk kawasan Balik Pulau merupakan lebih kurang 28% daripada penduduk keseluruhan Pulau Pinang iaitu kawasan yang dirangkumi oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang tetapi dari segi sumbangan kawasan ini kepada pendapatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, kalau kita lihat kepada pendapatan taksiran yang merupakan lebih dari tiga suku pendapatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Kita lihat bahawa walaupun kita merupakan 28% daripada jumlah penduduk, kita menyumbang lebih dari 40% daripada pendapatan taksiran kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Pada masa yang sama, hakikat ini menunjukkan bahawa secara perkapita penduduk di Barat Daya ataupun di Parlimen Balik Pulau menyumbangkan pada kadar yang lebih tinggi daripada penduduk di sebelah Timur Laut. Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, dari segi perbelanjaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, memang secara yang kita boleh faham, kebanyakan perkhidmatan adalah kepada perkhidmatan

perbandaran oleh sebab Bandaraya Georgetown berada di kawasan Timur Laut.

Kita tidak ada perincian dari segi perbelanjaan yang dapat diagihkan di antara dua kawasan ini tetapi kita boleh membuat satu 'inference' dari segi duit yang dibelanjakan itu, kebanyakannya dimanfaatkan oleh penduduk di sebelah Timur Laut. Lebih jelas lagi, kita boleh lihat projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dari segi pengindahan ataupun dari segi tapak penjaja, pasar, parit, jalan, jejambat, jambatan, pemuliharaan, sukan, rekreasi, tempat letak kereta, perumahan dan sebagainya. Mengikut laporan Majlis Perbandaran Pulau Pinang sendiri, hampir kesemuanya projek-projek pembangunan ini adalah dibelanjakan kepada kawasan di sebelah Timur Laut.

Tuan Yang di-Pertua, ini menimbulkan masalah dari segi ketidakadilan agihan pendapatan. Saya ingin menyarankan agar Yang Berhormat Timbalan Menteri menyingkap kembali pada 1990 telah diadakan public referendum tentang masalah Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang dan pada masa tersebut telah dipersetujui bahawa sepatutnya Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang dipecahkan kepada lima-dua di atas pulau dan tiga di tanah besar.

Itulah yang saya ingin sarankan di sini supaya boleh membekalkan perkhidmatan yang lebih cekap kepada kedua-dua kawasan untuk membolehkan pentadbiran pembangunan kawasan di sebelah Balik Pulau dijalankan dengan lebih efektif. Saya ingin mencadangkan di sini supaya Kerajaan Tempatan di pulau Pulau Pinang dibahagikan kepada dua - satu Majlis Perbandaran

Pulau Pinang di timur laut dan satu lagi Majlis Perbandaran Balik Pulau iaitu Majlis Perbandaran Bayan Lepas di sebelah Barat Daya.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keupayaan kewangan saya rasakan bahawa mengikut angka-angka yang kita ada, kita memang berkeupayaan untuk mengendalikannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi justifikasi kepada saranan ini ialah sebenarnya kebanyakan daripada pembangunan fizikal dan infrastruktur yang terjadi di Pulau Pinang sebenarnya adalah terjadi di kawasan barat daya ataupun kawasan Parlimen Balik Pulau.

Jadi, walaupun cerita memecahkan kawasan pihak berkuasa tempatan adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri, ada juga pihak berkuasa kerajaan tempatan menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi, dalam konteks itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada sementara hendak ditunggu pemisahan itu, boleh misalnya Kerajaan Persekutuan dari segi pemberiannya mengimbangi perbelanjaan perkhidmatan dan juga pembangunan di antara dua kawasan ini!

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

10.14 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah menjemput pihak-pihak berkenaan seperti pembayar cukai, Persatuan Pemaju Perumahan, Kesatuan Pegawai-pegawai dan

Kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Prai untuk memberi pandangan tentang kedudukan struktur organisasi Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang.

Salah satu isu yang dibangkitkan ialah permintaan supaya dua Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang dipecahkan menjadi lima iaitu dua di sebelah pulau dan tiga di Seberang Prai. Kerajaan Negeri telah mengambil maklum mengenai perkara tersebut dan keputusan masih belum dapat dibuat memandangkan bahawa satu kajian terperinci mengenai perkara ini perlu dibuat.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan bersetuju dengan cadangan tersebut, memandangkan ada pihak-pihak yang mengesyorkan supaya kedudukan Pihak Berkuasa Tempatan sekarang dikekalkan.

Isu mengenai projek-projek yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang hanya tertumpu di kawasan Bandaraya Georgetown ataupun timur laut walaupun banyak juga hasil Majlis Perbandaran Pulau Pinang adalah daripada kawasan Balik Pulau dan Bayan Lepas dan juga isu mengenai pembinaan pasar di Bayan Lepas dan kawasan-kawasan lain seperti Sungai Ara, Sungai Nibong dan Batu Maung dan juga isu mengenai projek-projek pengindahan kampung-kampung di Balik Pulau, sukacita saya maklumkan bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil maklum tentang isu-isu tersebut dan akan mengadakan perbincangan dengan pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk mencari jalan bagi mengatasinya.

Seandainya Yang Berhormat ada projek-projek yang spesifik yang perlu dilaksanakan di kawasan Balik Pulau,

sama ada dari segi pengindahan kampung dan sebagainya, pihak kementerian dengan sukacitanya sedia membuka ruang bagi perkara-perkara ini dibincangkan dengan kementerian supaya perkara ini dapat diatasi bersama oleh pihak kementerian dan juga Yang Berhormat dari Balik Pulau.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah membangkitkan isu-isu yang telah pun saya cuba jawab sebentar tadi. Seandainya ada perkara-perkara lain yang tidak sempat saya jawab ataupun tertinggal, saya dengan segala senang hati sanggup berbincang dengan Ahli Yang Berhormat dari

Balik Pulau bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pengundi-pengundi beliau di Balik Pulau. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa usul menangguhkan Majlis Mesyuarat hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.17 malam.